

Jilid IV
Bil. 3



Hari Khamis
13hb Mac, 1986

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
{Ruangan 357}

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 421]**



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**
- „ Menteri Kesihatan, **DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).**

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (MACHANG).
- „ TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUN, D.P.M.S. (Beruas).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T, J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 13hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Dato Haji Saidin bin Haji
Mat Piah.

(Soalan No. 1 Y. B. Dato Haji Saidin
bin Haji Mat Piah tidak hadir)

**SUKATAN PELAJARAN
PENGAJIAN AM**

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah persiapan-persiapan yang telah dibuat sebelum Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memutus untuk menggantikan Kertas Am STPM dengan Kertas Pengajian Am Khususnya dalam menyediakan guru-guru STPM menghadapi perubahan tersebut; dan sama ada telah menjadi dasar MPM untuk menggunakan buku "The Malay Dilemma" karangan Perdana Menteri sebagai teks asas untuk Kertas Pengajian Am.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Sukatan Pelajaran Pengajian Am yang disediakan merupakan satu sukatan yang terperinci, lengkap dan jelas. Ianya dilengkapi dengan panduan senarai bahan bacaan dan

soalan-soalan contoh. Oleh kerana itu, ia tidak memerlukan segolongan guru yang khusus (specialised) untuk mengajar mata pelajaran ini secara berkesan. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kertas Am sekarang, dengan mengemaskinikan bidang pembacaan seperti yang disarankan dalam sukatan pelajaran, mampu mengajar mata pelajaran ini.

Pihak Majlis Peperiksaan Malaysia telah menghantar Sukatan Pelajaran Pengajian Am serta soalan-soalan contoh kepada sekolah-sekolah. Ini akan disusuli dengan siri taklimat kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Taklimat ini membincangkan dan menjelaskan matlamat, objektif, kandungan dan strategi mengajar mata pelajaran tersebut. Petikan-petikan dalam kertas soalan Pengajian Am tidak bergantung kepada mana-mana teks asas. Petikan-petikan untuk peperiksaan adalah berdasarkan teks yang belum dilihat (unseen text) dari unsur-unsur yang sesuai dari segi tema, laras bahasa, kandungan serta objektif tujuan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada sungutan-sungutan daripada guru-guru bahawa tidak ada persiapan-persiapan di mana untuk membolehkan mereka mengajar Kertas Pengajian Am dan kenapa perubahan itu satu perubahan yang besar kepada pelajar-pelajar tidak dibuat dengan masa di mana bukan sahaja guru-guru tetapi guru-guru dan pelajar-pelajar boleh menyesuaikan-ubahkannya.

Kedua, mengenai jawapan bahagian yang kedua adakah ini bererti oleh kerana jawapan ialah penggunaan buku teks ialah berasaskan kepada "unseen text", ini bererti bahawa akan menjadi tujuan dan hasrat Lembaga Peperiksaan untuk menggunakan apa-apa buku yang termasuk buku-buku saya "Time Bombs in Malaysia", "Malaysia in the Dangerous 80's", "BMF Scandal" dan pihak Kerajaan tidak akan bantah bahawa sebenarnya pelajar-pelajar di peringkat HSC/STPM untuk Kertas Pengajian Am akan digalakkan baca semua buku, termasuk "Time Bomb", "Dangerous 80's", "BMF Skandal".

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi kebiasaan dalam masyarakat bahawa tiap-tiap perubahan yang hendak dibuat memang ada golongan yang tidak puas hati walaupun golongan ini kecil, namun ianya terdengar juga. Begitu jugalah dengan keadaannya proses ataupun usaha kita untuk menukarkan konteks ataupun cara-cara kita mengemukakan soalan dalam peperiksaan Kertas Am ini. Kepada kita, kita cukup berpuas hati kerana pengajian dan kajian dibuat oleh Kementerian Pelajaran dan juga Lembaga ialah semenjak tahun 1981, iaitu Majlis Peperiksaan Malaysia telah membuat penyemakan dan pengajian semula mengenai keseluruhan penyelenggaraan peperiksaan STPM dan ini termasuklah hal-hal yang berhubung dengan format Kertas Am. Dan kepada kita walaupun ada golongan yang mengatakan bahawa mereka tidak diconsult, tidak puas hati dan sebagainya, namun kita percaya bahawa 4 ataupun 5 tahun adalah masa yang panjang untuk kita mengkaji, menyelidiki atas mengapa kita harus mengubahsuaikan apa yang ada pada sistem kita.

Mengenai soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa pelajar-pelajar ataupun calon-calon

yang menduduki peperiksaan tidaklah seharusnya didorong selepas membaca teks yang dipilih itu terdorong untuk menyebelahi mana-mana golongan ataupun kumpulan-kumpulan. Apa yang kita harapkan ialah mereka betul-betul mengkaji dan memahami dan tidaklah saya fikir boleh kita dapatkan bahawa ada calon-calon yang kalau setelah membaca teks yang disediakan terdorong untuk menyebelahi mana-mana pihak. Namun demikian, saya boleh beri bukti kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kita memang menggunakan cara ini.

Saya beri contoh dari tahun 1982 hingga masa sekarang, petikan karangan yang kita gunakan ialah:

Tahun 1982—Professor Hasmah Haji Omar, "Perancangan Bahasa dengan Rujukan", khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia. Ini yang kita petikan dari buku ini.

Tahun 1983—R.S. Crane, "The Language of Criticism and the Structure of Poetry"—terjemahan.

Tahun 1984—daripada E. Ceils, "Modernisasi dan Pendidikan Tinggi".

Tahun 1985—yang selalu disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu "The Malay Dilemma" oleh Mahathir Mohamad.

Jadi, kemungkinan "Time Bomb" dan sebagainya itu, saya tak tahu pada masa ini, itu terserah kepada Lembaga nanti.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan dengan lebih teliti, apakah sebab-sebab utamanya untuk menggantikan Kertas Am STPM dengan Kertas Pengajian Am? Dan selain daripada format kertas peperiksaan, apakah perbezaan-perbezaan utama di antara Kertas yang baru ini kalau dibandingkan dengan Kertas Pengajian Am yang lama?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau dijawab soalan Yang Berhormat ini secara terperinci, saya rasa memakan masa yang begitu panjang—saya ada persediaan di sini. Kalau Yang Berhormat hendak, saya akan berikan.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau panjang sangat tidak payah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Namun demikian, objektif kita, tujuan kita hendak menukarnya ialah kita fikir bahawa kita memerlukan perubahan.

Saya perlu quote apa yang dikatakan oleh seorang Professor yang saya with regard to development, dengan izin. Beliau mengatakan:

“Developments imply changes in the economic, political and social systems as may be warranted to ensure the optimum use of a country’s resources, human as well as physical, to raise the living of the people.”

Ertinya kita perlu, kalau hendak maju, perubahan. Dari segi sosialnya, sistem pelajaran kita perlu berubah. Dan begitu jugalah dalam konteks peperiksaan Kertas Am ini, kita perlu tukar sedikit-sedikit.

TENAGA PEKERJA ASING— PENGAMBILAN

3. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak ekonomi meleset adakah pengambilan Buruh-buruh dari negara asing dihentikan atau masih diteruskan ataupun dikurangkan, serta buruh-buruh asing yang sedia ada dalam negara Malaysia dikembalikan ke negara masing-masing sesudah selesai pekerjaan mereka di mana-mana projek yang sedang dilaksanakan

sekarang; ataupun dikekalkan dan disambung khidmat mereka bagi projek-projek baru; dan

- (b) perjanjian dibuat dengan buruh-buruh asing mengenai berapa lama masanya mereka boleh bekerja di negara ini, dan adakah seseorang buruh asing dibenarkan bermastautin di negara Malaysia sekiranya ia enggan pulang ke negaranya; jika boleh, bagaimana cara-caranya, jika tidak apakah cara-cara sekarang yang telah dijalankan sekarang ini.

17-3-86

22. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan tahu telah memberhentikan pengimport pekerja-pekerja buruh memandangkan pada bilangan yang besar pekerja-pekerja kita yang telah hilang pekerjaan yang diakibatkan oleh kemerosotan ekonomi dan juga menyatakan jumlah pekerja-pekerja negeri asing yang kini bekerja di negara kita.

21-3-86

22. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga kini berapakah jumlah sebenar buruh-buruh asing yang terdapat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak khususnya buruh-buruh daripada negara Indonesia dan Filipina; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan bagi mengurangkan atau mengatasi kemasukan buruh-buruh asing ke negara ini yang membawa persaingan yang hebat kepada buruh-buruh dalam negara ini.

24-3-86

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan perjanjian dengan negara-negara asing untuk membawa masuk buruh asing ke negara ini; negara-negara yang terlibat dan jumlah bilangan pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini sehingga 28-2-86 berdasarkan kewarganegaraan mereka;
- (b) sama ada Kerajaan menyedari bahawa kehadiran pekerja-pekerja asing telah menyulitkan pekerja-pekerja Malaysia mendapatkan pekerjaan, jika sedar sama ada pekerja asing akan dihantar balik apabila pekerja-pekerja Malaysia mencukupi untuk bekerja di sektor perumahan, perladangan dan perindustrian; dan
- (c) apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih ramai pekerja Malaysia untuk bekerja dalam sektor-sektor yang tersebut di atas.

24-3-86

23. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja-pekerja dari Indonesia yang dibawa untuk bekerja di sini di bawah Perjanjian Buruh Indonesia-Malaysia sejak perjanjian tersebut dimeterai, jumlah yang telah cabut lari (absconded), jumlah yang telah balik ke Indonesia selepas penamatan Kontrak mereka dan bukannya benar perjanjian merupakan satu kegagalan kerana kebanyakan pendatang-pendatang haram Indonesia ke Malaysia untuk bekerja telah menjadi-jadi sehingga menjejaskan mata pencarian/periuk nasi rakyat kita sendiri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan dari Yang Berhormat Ahli dari Bruas, Padang Terap, Kuala Lumpur Bandar dan Sungai Besi pada 17hb, 21hb dan 24hb Mac, 1986 kerana ia mempunyai maksud yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pengambilan tenaga pekerja-pekerja atau asing merupakan langkah terakhir setelah Kerajaan berpuashati bahawa majikan-majikan tempatan telah berusaha tetapi gagal untuk mendapatkan tenaga pekerja tempatan untuk bekerja di dalam kedua-dua sektor itu. Langkah ini diambil bagi menampung kekurangan tenaga pekerja di sektor-sektor perladangan dan pembinaan yang dialami di negara ini.

Pengambilan tenaga pekerja-pekerja asing ini tidaklah bertujuan untuk mengganti atau mengambil tempat kerja yang dijalankan oleh pekerja-pekerja tempatan. Setiap permohonan daripada majikan-majikan tempatan untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing ke negara ini adalah dikaji dan ditimbang dengan teliti serta mengikut merit permohonan itu bagi menentukan bahawa benar-benar tidak ada warganegara Malaysia yang boleh atau mampu menjalankan pekerjaan itu. Tindakan ini diambil untuk menjaga serta menjamin kepentingan pekerja-pekerja tempatan terutamanya pada masa ini, ketika negara menghadapi kemelesetan ekonomi dan masalah pengangguran di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 28hb Februari, 1986 seramai 730 orang pekerja dari Indonesia dan 1,104 orang pekerja dari Bangladesh telah dibenar

bekerja di negara ini. Dari jumlah tersebut seramai 498 orang buruh dari Indonesia dan 188 orang dari Bangladesh telah pulang ke negara asal kerana mereka tidak sesuai dengan pekerjaan-pekerjaan masing-masing di negara ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana Perjanjian Buruh-buruh Asing ini dengan negara asing telah dapat mencapai objektifnya. Adakah beliau sedar bahawa ada sebilangan buruh-buruh asing yang telah diambil untuk bekerja dalam ladang-ladang menurut perjanjian di mana mereka ada melarikan diri dan akhirnya menjadi pendatang haram dan mereka melakukan berbagai-bagai kesalahan? Sekiranya sedar, maka saya hendak mendapat tahu, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah ditegaskan dan diterangkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali bahawa perjanjian pengambilan buruh asing dari negara Indonesia dan juga dari negara Bangladesh adalah untuk sementara waktu sahaja khasnya untuk menampung kekurangan pekerja-pekerja di kedua-dua sektor yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya telah tegaskan, kita hanya mengambil pekerja-pekerja daripada kedua-dua negara yang tersebut itu atas permohonan majikan sendiri dan jika didapati dan kita berpuashati bahawa tidak ada pekerja-pekerja tempatan yang boleh mengambil pekerjaan tersebut.

Memang disedari bahawa selepas rancangan itu dilaksanakan pada tahun 1984, ada beberapa pekerja-pekerja yang melarikan diri selepas bertugas tidak begitu lama di ladang di negara ini. Perkara ini telah pun diatasi

sekarang dan mereka yang ditangkap telah dihantar balik ke negara-negara asal mereka.

Sepertimana yang saya telah sebutkan tadi, adalah seramai 498 orang buruh dari Indonesia termasuk mereka yang telah melarikan diri dan 188 orang dari negara Bangladesh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam jawapannya tadi mengatakan buruh-buruh asing ialah ditempatkan ataupun diberi pekerjaan di sesuatu yang tidak dapat dikerjakan atau diusahakan oleh buruh-buruh kita. Oleh itu, apakah dapat digariskan pekerjaan-pekerjaan yang tidak mendapat dilaksanakan oleh buruh-buruh Malaysia, sebab buruh-buruh Malaysia ini nampaknya dalam sektor apa sahaja mereka sanggup, tetapi apakah yang dapat digariskan tidak dapat mereka usaha ataupun bekerja dalam segi apa dapat garis sepintas lalu.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa rakyat negara kita mampu bekerja di mana-mana pekerjaan sekalipun. Tetapi masalah ini bukan tidak dapat bekerja tetapi tidak mahu bekerja. Jadi, dalam sektor perladangan umpamanya di estet-estet kelapa sawit di negara kita ini yang mengalami kerugian yang begitu teruk, kita dapati bahawa tidak begitu banyak anak-anak muda kita yang sanggup bekerja di ladang-ladang tersebut. Jikalau terdapat satu keadaan yang chronic begitu Kementerian membenarkan majikan itu membawa masuk pekerja-pekerja daripada negara asing. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya telah tegas tadi memandangkan keadaan yang kita hadapi sekarang, kita hanya membenarkan termasuk pekerja-pekerja asing jika memang benar-benar tidak ada warganegara kita yang mampu dan boleh bekerja di sana.

TANAH LOMBONG YANG TERBIAR—KELUASAN

4. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa luasnya tanah lombong yang terbiar mengikut negeri. Memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang dan masalah pengangguran yang kian merosot, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau, bersama-sama dengan Kementerian-kementerian Buruh, Pertanian, Perdagangan dan Perindustrian, serta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membenarkan tanah-tanah ini digunakan untuk projek-projek pertanian dan perindustrian yang kecil, terutamanya di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kampung-kampung baru.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan bekas tanah lombong iaitu tanah-tanah lombong yang pajakannya telah luput, mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluasan Hektar</i>
Perak	5,388
Selangor	13,967
Negeri Sembilan	2,826
Wilayah Persekutuan	1,808.591
Kedah	1,802.83
Pahang Darulmakmur	8,246
Johor	19,522.267
Melaka	121
Terengganu	3,500
Jumlah ..	157,181,688 atau 129,262.2 ekar

Kementerian-kementerian yang berkenaan melalui agensi-agensinya di bawahnya telah memberikan kerjasama dan bantuan kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan-kawasan bekas tanah lombong yang dimaksudkan itu.

Walau bagaimanapun, perancangan bagi memajukan tanah-tanah seperti ini, sama ada untuk projek-projek pertanian, perumahan atau perindustrian adalah bergantung kepada dasar-dasar tanah di peringkat Negeri dan sesudah mengambilkira akan kesesuaian tanah serta keperluan setempat.

Cara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah-tanah bekas lombong ini ialah dengan memberikannya kepada perbadanan-perbadanan awam atau syarikat-syarikat yang ekuiti sahamnya dimiliki oleh kerajaan dan mengikut syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang ditentukan.

Saya tidak dapat memberikan contoh-contoh yang khusus atau jumlah tanah bekas lombong yang telah diberikan milik untuk dimajukan bagi maksud yang disebutkan tadi meliputi semua negeri.

Bagaimanapun setakat ini beberapa kawasan tanah jenis ini, terutamanya di kawasan perbandaran seperti di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Perak telah diberi milik untuk tujuan pembangunan perumahan dan perindustrian.

Pihak-pihak yang memajukan tanah-tanah ini pada biasanya adalah terdiri daripada perbadanan-perbadanan Kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan secara usaha sama dari segi ekuiti sahamnya dimiliki oleh pihak swasta dan juga syarikat-syarikat kerajaan atau syarikat-syarikat bumiputera.

Bagi tanah-tanah lombong yang di masa kebelakangan ini tinggal tidak diusahakan tetapi pajakannya belum luput, maka Kementerian saya dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri belum lagi mengenalpasti untuk digunakan bagi maksud-maksud selain daripada perlombongan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa dasar mengenai tanah berbeza dari sebuah negeri ke sebuah negeri dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi perancangan akan bergantung kepada dasar-dasar tanah itu, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat pusat supaya dapat menyelaraskan perancangan itu untuk mengatasi masalah perbezaan dasar-dasar tanah.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi keutamaan kepada koperasi (co-operative) yang ditubuhkan oleh rakyat sendiri untuk menguruskan pembangunan di atas tanah-tanah bekas lombong ini?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi menseragamkan dasar-dasar tanah di peringkat Negeri, kita ada satu forum yang sudah lama yang termaktub dalam Perlembagaan iaitu Majlis Tanah Negara yang sentiasa membincangkan masalah perseragaman dari segi penggunaan tanah, bahkan juga dari segi perundangan tanah.

Yang kedua, memang Kerajaan meletakkan keutamaan kepada syarikat-syarikat kerjasama untuk usaha-usaha pembangunan bukan sahaja dalam bidang tanah tetapi juga dalam bidang-bidang lain.

CUKAI IMPORT KENDERAAN— KESAN SYARIKAT BUMIPUTERA

5. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa cukai import kenderaan yang tinggi, telah menkuburkan syarikat-syarikat pengimport-pengimport kereta terpakai, terutama Syarikat Bumiputra. Oleh kerana kereta-kereta import CBU ini hanya menguasai 10% sahaja dalam pasaran kereta-kereta dalam negeri, apakah pihak Kerajaan bercadang menurunkan cukai import ke paras yang sesuai dan tidak membebankan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kenaikan duti import ke atas kereta-kereta yang dipasang ataupun CBU, dengan izin, telah menjejaskan pengimportan kereta terpakai. Walau bagaimanapun, untuk melindungi kereta nasional ialah Proton Saga, Kerajaan tidak bercadang menurunkan kadar duti import atas kereta yang telah siap dipasang ini ataupun kereta yang belum siap dipasang, dengan izin CKD.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Kewangan, sebenarnya kereta CBU ini adalah hanya 10% sahaja kalau kita bandingkan dengan kereta CKD yang lain yang dipasangkan dalam negara ini. Jadi kalau 10% apakah ianya boleh menjejaskan kereta nasional yang juga mempunyai pertandingan dengan kereta-kereta CKD yang lain.

Yang kedua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kenaikan kadar wang asing seperti Yen dan juga US Dollar telah menjadikan barangan dalam negara kita bertambah tinggi, bertambah mahal. Dengan keadaan kemelesetan ekonomi sepatutnya barang-barang ini

akan menjadi bertambah murah dan nilainya tidak naik, tidak tinggi. Jadi apakah langkah-langkah yang Kementerian ini akan buat supaya ia tidak akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita dengan kenaikan harga barang-barang ini selain daripada hanya menurunkan cukai.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kereta-kereta CBU merupakan hanya 10% sahaja dari kereta-kereta yang diimport, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi, tetapi seperti saya nyatakan dihujung jawapan saya tadi, kita tidak bercadang untuk menurunkan cukai kereta-kereta yang diimport termasuk kereta-kereta yang diimport secara CKD (Completely Knock Down), yang mana cukai-cukainya sekarang ini ialah 40% yang telah kita persetujui melalui Belanjawan 1985, maka itulah seperti saya katakan tadi cukai-cukai ini telah dikenakan bagi melindungi kereta nasional, kereta Proton Saga.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, saya rasa itu telah lari sedikit daripada soalan asal yakni mengenai dengan kereta, ini lebih melihat dari keseluruhan ekonomi, bukan sahaja hanya berdasarkan kepada pengimportan kereta.

JAWATANKUASA DAMAI ISLAM (OIC)—PERANAN MALAYSIA

6. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan positif daripada penyertaan Malaysia di dalam Jawatankuasa Perdamaian OIC. Adakah benar bahawa Malaysia pernah menyarankan supaya Jawatankuasa Perdamaian yang berkenaan dibubarkan sahaja dengan alasan ianya tidak mendapat sambutan yang wajar daripada kedua-dua negara yang bersangkutan (Iraq-Iran).

Apakah sikap negara-negara lain dalam Jawatankuasa itu terhadap saranan Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam (IPC), kita telah memainkan peranan yang penting dalam rangka melaksanakan tugas-tugas Jawatankuasa ini sepertimana telah dimandatkan oleh Sidang Kemuncak III, di Mekah pada tahun 1981 dahulu.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum kita telah mengambil bahagian yang aktif dalam semua mesyuarat Jawatankuasa ini dan menyertai lawatan ke Teheran dan Bagdad di peringkat awal dahulu dalam rangka untuk mencari penyelesaian damai.

Dalam melaksanakan usaha-usaha Jawatankuasa ini seterusnya beberapa langkah yang penting telah diambil dan ini termasuklah mengadakan perbincangan dengan kedua-dua pihak bagi menentukan sikap serta kedudukan masing-masing mengenai masalah ini dan seterusnya Jawatankuasa ini telah menghasilkan satu Rancangan Damai yang meliputi segala aspek masalah yang menjadi pokok pertelingkahan antara kedua-dua negara ini.

Usaha-usaha ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kedua-dua pihak berdiri teguh dengan syarat-syarat serta pendirian masing-masing bagi mencari penyelesaian damai. Keadaan ini telah merumitkan tugas-tugas Jawatankuasa ini.

Di samping kesulitan yang dihadapi, Jawatankuasa ini terus melaksanakan usaha-usaha ke arah mencari penyelesaian. Di mesyuarat ke 8 yang lalu satu perbincangan yang mendalam telah diadakan di mana kita telah mencadangkan supaya IPC

mengadakan satu rancangan tindakan sebagai satu langkah untuk mencari perdamaian.

Dalam rangka ini mesyuarat juga telah menubuhkan satu "contact group" bagi memudahkan apa-apa tindakan dalam mengadakan perbincangan dengan kedua-dua pihak. Malaysia adalah salah sebuah negara yang dipilih untuk menyertai "contact group" ini.

Usaha-usaha lanjut sedang dilaksanakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Damai supaya contact group ini dapat meneruskan perbincangan dengan kedua-dua pihak. Dahulunya "contact group" ini dijangka mengadakan lawatan ke Iran dan Iraq bulan Disember yang lalu tetapi telah ditunda oleh sebab syarat-syarat yang dikenakan bagi lawatan ini.

Memandangkan kepada masalah yang dihadapi oleh Jawatankuasa ini dalam usahanya untuk melaksanakan tugas-tugas sepertimana yang dimandatkan oleh Sidang Kemuncak OIC dan setelah 5 tahun ianya ditubuh masih tiada mencapai apa-apa perkembangan atau kemajuan, Malaysia ada mencadangkan supaya Jawatankuasa ini dibubarkan.

Namun begitu, oleh kerana Jawatankuasa ini ditubuh oleh Sidang Kemuncak maka terpulanglah kepada Sidang Kemuncak itu sendiri untuk memutuskannya. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini Sidang Kemuncak OIC seterusnya dijangka akan diadakan awal tahun 1987 nanti.

Tuan Ismail bin Said: Saya mohon bertanya kepada Y.B.M. Menteri Luar sama ada Jawatankuasa Damai yang ditubuhkan itu dipersetujui oleh kedua-dua buah negara yang terlibat.

Yang keduanya, jika dipersetujui, apakah perkara-perkara pokok yang masih lagi tidak dapat dipersetujui

ataupun tidak dapat diselesaikan oleh kedua-dua negara.

Yang ketiga, bagaimanakah harapan kita yang sebenarnya terhadap Jawatankuasa ini mengenai peranannya di masa yang akan datang.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Damai Islam ini telah dipersetujui oleh mereka, oleh sebab mereka telah pun menerima pada awalnya apabila Jawatankuasa ini di bawah Pengerusi yang dahulu, yang telah membuat beberapa lawatan ke Tehran dan juga Bagdad di bawah pimpinan atau Pengerusi Presiden Guinea bernama Allahyarham Ahmad Seukotoure. Pengerusi yang baru ialah Sir Dawda Jaore iaitu Presiden Gambia. Jadi tidak ada mengatakan mereka tidak bersetuju dua-dua buah negara iaitu Iran dan Iraq ini. Mereka menerima. Tetapi di dalam beberapa bulan yang lepas ini ataupun setahun yang lepas ini mereka tidak dapat membuat lawatan ke negara Iran oleh sebab Iran telah pun membuatkan beberapa syarat iaitu seperti:

- (i) mestilah dibayarkan ganjaran (compensation) kepada Iran;
- (ii) mestilah ditubuhkan satu Tribunal Antarabangsa (International Tribunal); dan
- (iii) menentukan siapa yang agresif.

Baru-baru ini yang membuatkan Jawatankuasa ini tidak dapat, walhal mengikut kata Jawatankuasa jikalau kita hendak membincangkan perlulah dengan tidak ada apa-apa syarat. Apabila diadakan syarat ini maka mereka tidak dapat menerima syarat-syarat ini sebab itulah mereka minta ditangguhkan.

Sepertimana Dewan ini sedia maklum asal pokok atau sebab adalah bersabit dengan Shatt-El-Arab, iaitu perairan sungai yang mana

memberikan sempadan (boundary) di antara Iran dan Iraq ini. Inilah masalah pokok dahulu, beberapa tahun yang lepas di dalam perjanjian Algeria dahulu yang mana tebing sungai daripada Shatt-El-Arab ini diberikan kepada Iran, yang mana tidak begitu memuaskan hati oleh Iraq. Jadi, bangkit daripada perkara inilah yang pergaduhan dan peperangan berlaku sekarang ini. Bagi pihak kita, kita telah pun memberikan beberapa rancangan ataupun formula untuk dipersetujui, tetapi malangnya tidak dapat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

7. **Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat beberapa buah kilang getah, papan, batu besi, aluminium dan bengkel-bengkel kereta yang bertaburan dengan tidak tentu arah di sepanjang jalan Putatan/Kota Kinabalu, iaitu dari Pekan Putatan hingga ke airport Kota Kinabalu. Alam sekitar yang ada di sekeliling kawasan tersebut bukan sahaja tidak aman tetapi dicemari oleh berbagai-bagai pencemaran alam sekitar seperti serpehan besi, debu, bau busuk, bising dan sebagainya. Kalau sedar apakah tindakan Kementerian beliau supaya perkara ini dapat diatasi demi ketenteraman penduduk-penduduk di sekitar kawasan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas. Tambahan lagi, dua hari yang lalu saya telah pun melawat ke kawasan tersebut untuk melihat secara dekat keadaan pencemaran itu.

Kementerian saya telah membuat perakuan kepada pihak berkuasa tempatan yang, antara lain, ialah memindahkan kilang-kilang ini ke kawasan-kawasan perindustrian yang telah diperuntukkan. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah di Sabah juga telah mengambilkira perakuan ini dan penyelesaiannya telah dimasukkan ke dalam "Kota Kinabalu Comprehensive Development Plan" dan "Penampang Local Plan", dengan izin. Saya percaya masalah seperti ini akan dapat diatasi jika pihak berkuasa tempatan mematuhi, antara lain, garis panduan bagi Penempatan dan Pengezonan Industri yang telah disediakan oleh Kementerian saya.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti telah diberi jawapan tadi Setiausaha Parlimen telah melawat ke kawasan tersebut, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa terdapat sebuah kilang getah betul-betul berhadapan dengan sebaris kedai di Pekan Putatan di mana setiap hari para pengunjung dan para pekedai tersebut bukan sahaja terpaksa menghadapi suasana yang bising akibat daripada aktiviti kilang itu, tetapi juga terpaksa menghirup udara yang tidak sihat dan sebenarnya rayuan daripada orang-orang kampung ataupun penduduk-penduduk sekitarnya telah pun dibuat beberapa kali, dan ini telah pun berlarutan pada tahun-tahun dan sesuatu tindakan telah tidak diambil. Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian beliau dapat memberikan satu, dengan izin, pressure kepada pihak-pihak berkenaan di Sabah supaya dapat memindahkan kilang getah ini dengan seberapa segera dan juga saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semenjak cawangan Jabatan Alam Sekitar ditubuhkan di Sabah, berapa banyak kes pencemaran alam sekitar yang

telah dapat dikesan dan berapa banyak daripadanya dihadapkan ke mahkamah, dan berapa daripadanya telah dikenakan denda.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang pertama, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat kilang yang dimaksudkan itu ialah kilang Putatan, kilang rubber yang dipunyai oleh Lembaga Tabung Getah Sabah. Kilang ini akan dipindah ke kilang baru di Tuaran apabila siap.

Mengenai soalan yang kedua, oleh kerana soalan itu melibatkan angka-angka, oleh kerana saya tidak ada angka-angka di sini saya minta notis.

EKSPORT MELALUI SINGAPURA

8. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah negara kita masih mengeksport barang-barang kita keluar negeri melalui Singapura, sungguhpun kita mempunyai pelabuhan kita sendiri seperti di Pasir Gudang, Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Kuantan. Apakah jenis barang yang kita terpaksa eksport melalui Singapura.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan sistem perdagangan yang terbuka di mana para pedagang/pengeksporth kita diberikan pilihan sendiri untuk menentukan cara mereka mengeksport barangan mereka ke luar negeri. Memandangkan terdapatnya persaingan di arena perdagangan antarabangsa, para pengeksporth Malaysia biasanya memilih cara yang termudah dan kemudahan pelabuhan yang terdekat sekali untuk mengeksport barangan mereka. Oleh

yang demikian, para pengeksporth di Utara Semenanjung Malaysia akan menggunakan Pelabuhan Pulau Pinang, yang di Timur menggunakan Pelabuhan Kuantan, di kawasan tengah menggunakan Pelabuhan Kelang dan yang di Selatan menggunakan Pelabuhan Pasir Gudang dan Singapura.

Semenjak berpisahnya Singapura daripada Malaysia dalam tahun 1965, Kerajaan Malaysia telah pun mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki sistem pengangkutan yang sedia ada termasuklah membina dan meningkatkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Berikutan dengan itu, peratus dagangan luar (import dan eksport) kita melalui Singapura telah pun berkurangan dari kira-kira 35% dalam tahun 1957-1961 kepada 26% untuk jangkamasa 1977-1978. Pada jangkamasa Januari-November 1985, peratus eksport Malaysia melalui Singapura ini telah menurun kepada lebih kurang 11% sahaja.

Sungguhpun masih terdapat para pedagang/pengeksporth Malaysia yang cenderung untuk mengeksport melalui Pelabuhan Singapura, Kementerian saya sentiasa menggalakkan mereka supaya menggunakan segala kemudahan yang ada di Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tiada terdapat jenis-jenis barang yang khusus yang terpaksa kita eksport melalui Singapura.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sehingga tahun 1985 kurang lebih 11% eksport yang masih digunakan melalui Pelabuhan Singapura dan beliau juga

menerangkan bahawa ada galakan-galakan yang diberi agar semua eksport akan menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang ada di dalam negara.

Saya ingin tahu apakah jenis galakan dan sejauh manakah Kerajaan akan membiarkan perkara ini berlangsung.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan di dalam jawapan saya tadi mengatakan bahawa kita menggalakkan pihak pedagang dan juga pengeksport kita menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia kerana sebagaimana yang kita sedia maklum Kerajaan telah pun membelanjakan peruntukan yang besar untuk membaiki kemudahan-kemudahan pelabuhan dengan menyediakan sistem-sistem yang termoden. Maka dengan sebab itu tidak ada sebab mengapa pedagang-pedagang kita masih lagi mahu mengeksport barangan mereka dengan menggunakan pelabuhan di Singapura. Tetapi kita tidak menyediakan satu skim galakan (incentive scheme) kepada pedagang-pedagang untuk mereka menggunakan pelabuhan kita dan tidak menggunakan pelabuhan Singapura. Berdasarkan daripada rekod-rekod yang sudah sedia ada bermakna bahawa seruan Kerajaan untuk mereka menggunakan pelabuhan kita adalah berkesan kerana jumlah peratusan eksport melalui Singapura telah pun berkurangan.

Tentang soalan yang kedua tadi, saya tidak berapa jelas, kalau dapat Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Kerajaan telah memberi galakan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan (facilities) yang baik di pelabuhan-pelabuhan yang ada dalam negara, tetapi benda ini berlarutan. Saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan, adakah hendak terus membiarkan atau menggubal satu

undang-undang, barangan Malaysia melalui pelabuhan Malaysia.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita perlu bersikap realistic dan practical dalam hal ini iaitu satu hal yang tidak dapat dielakkan ialah pelabuhan Singapura adalah pelabuhan antarabangsa dan sudah pasti kerana telah wujud begitu lama pelabuhan ini, ada kemudahan-kemudahan kemungkinan yang disediakan di Singapura yang tidak dapat disediakan secara competitive dan lebih baik sedikit daripada apa yang disediakan oleh pelabuhan-pelabuhan kita. Dan saya fikir kita tidak berhasrat untuk menegah para pengeksport kita untuk tidak pergi ke Singapura kalau sekiranya ia dapat membantu usaha-usaha untuk menggalakkan eksport.

BERAS LPN—HARGA

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau ada rancangan untuk mengurangkan harga beras yang dikeluarkan oleh LPN lebih rendah dari paras harga yang ada sekarang, jika ya, berapa peratus, jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, harga beras di paras sekarang telah berkuatkuasa sejak bulan Mei, 1974 dan ditetapkan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974. Walaupun telah berlaku kenaikan harga kebanyakan barangan bagi tempoh 1974 hingga sekarang akibat kenaikan kos, harga beras masih lagi dikekalkan pada paras yang lama. LPN terpaksa menanggung kurangan dalam mengeluarkan serta menjual beras tempatan oleh kerana harga padi yang tinggi termasuk subsidi harga dan juga

kos-kos yang terlibat. Ini bermakna harga beras tempatan sebenarnya mengandungi elemen subsidi oleh Kerajaan dan rendah dari yang sepatutnya.

Buat masa ini LPN sedang mengkaji secara teliti pengedaran beras di dalam pasaran dengan tujuan menyelaraskan di antara harga-harga gred-gred beras yang ada dan jika didapati wajar perubahan-perubahan paras harga akan dicadangkan.

KELAPA—KEJATUHAN HARGA

10. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pertanian menerangkan apakah strategi-strategi Kerajaan mengikut Rancangan Malaysia Kelima bagi mengatasi masalah kejatuhan harga kelapa demi kepentingan pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, FAMA sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum telah melibatkan diri secara langsung untuk mengatasi masalah kejatuhan harga kelapa semenjak tahun 1985, iaitu menjalankan kegiatan belian dengan harga sokongan secara langsung kepada petani-petani. Langkah ini merupakan langkah sementara untuk mengurangkan beban kekurangan pendapatan petani akibat dari kejatuhan harga kelapa.

Kejatuhan harga kelapa dan minyak kelapa adalah bergantung kepada pengeluaran minyak makan yang lain seperti minyak kelapa sawit, minyak soya, minyak isirong yang sebahagian besarnya menguasai permintaan minyak-minyak makan dalam dan luar negeri.

Di samping kegiatan memberi khidmat sokongan belian kepada petani-petani kelapa, FAMA sedang

dan telah mempergiatkan usaha-usahnya untuk membeli hasil-hasil koko dari petani-petani yang sama iaitu yang mengusahakan tanaman kelapa bersama koko. Dengan cara ini petani yang mengalami kejatuhan pendapatan dari kelapa akan mendapat pulangan dari jualan koko mereka.

Bagi jangka panjang, pekebun-pekebun kecil kelapa akan digalakkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk memperbanyakkan tanaman koko sebagai tanaman selingan kelapa dan juga tanaman-tanaman lain yang sesuai. Tanaman-tanaman ini akan dapat memberi pendapatan yang lebih lumayan kepada pekebun-pekebun kelapa.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu bolehkah beliau memberi tahu berapa harga sokongan bagi sebiji kelapa yang diberi oleh pihak FAMA dan sama ada harga ini adalah sama ataupun standard, dengan izin, di seluruh negara kerana saya mendapati di sebelah pantai barat harganya lain tetapi di sebelah pantai timur harganya lain.

Yang keduanya, berapa banyakkah kewangan yang telah terlibat di dalam usaha FAMA untuk membeli kelapa-kelapa ini yang terlibat dengan harga sokongan tadi.

Ketiganya, saya hendak bertanya kelapa-kelapa yang dibeli oleh FAMA itu digunakan untuk apa? Ke mana dibawanya kelapa-kelapa ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak ada butir-butir yang tepat tentang harga kelapa yang dibayar oleh FAMA kerana harga-harga telah berubah dari masa ke semasa dan untuk mengelakkan kesalahan, saya akan

memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya boleh jelaskan di sini bahawa harga yang ditawarkan oleh FAMA lebih tinggi dari harga kelapa pasaran.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sehingga 22hb Februari, 1986, FAMA telah membeli sebanyak lebih kurang 40 juta biji kelapa dan telah membelanjakan lebih kurang \$4.4 juta. Untuk kopra kampung lebih kurang 1 juta kilogram telah dibeli oleh FAMA dengan perbelanjaan lebih kurang \$0.4 juga.

Berkenaan dengan soalan yang ketiga, apa yang dibeli oleh FAMA daripada pekebun-pekebun kecil dijual kepada kilang minyak kelapa dan orang-orang atau kumpulan-kumpulan lain yang ingin membeli kelapa atau kopra daripada FAMA.

Baru-baru ini Kementerian telah mengadakan satu dialog dengan persatuan pekilang-pekilang minyak kelapa dan FAMA pun telah mula menjual kelapa secara lelong kepada pihak yang berkenaan.

PERBELANJAAN BANTUAN BENCANA ALAM

11. Dr Tan Seng Giaw minta Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah wang telah disediakan oleh pihak Kerajaan sebagai derma bantuan (disaster relief fund) termasuk tabung bantuan banjir, sejak tahun 1980 hingga bulan Februari, 1986. Apakah jumlah wang yang telah diterima oleh negeri-negeri pantai timur, terutama sekali Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor. Siapakah mereka yang menerima bantuan ini dan apakah kriteria yang digunakan untuk mengagihkan wang bantuan tersebut. Adakah wang bantuan diguna dengan berhasilnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan Anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini pada dasarnya semua perbelanjaan bagi bantuan bencana alam termasuk banjir adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri jika sekiranya banjir berlaku di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, bantuan bencana alam di Wilayah Persekutuan dan apabila sesuatu bencana alam melibatkan 3 buah negeri atau lebih dan diisytiharkan sebagai bencana alam negara, maka tanggungjawab di atas segala urusan dan perbelanjaan terhadap mangsa-mangsa yang terlibat adalah diletak kepada Kerajaan Persekutuan.

Jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh semua Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan bagi bantuan bencana alam semenjak tahun 1980 hingga 1986 ialah sebanyak \$24.7 juta. Jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi tempoh tersebut untuk negeri-negeri yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat iaitu adalah seperti berikut:

Kelantan	\$970,860
Terengganu	\$1.6 juta
Pahang	\$350,000
Johor	\$3.6 juta

Mereka yang layak diberi bantuan bencana alam ialah seperti berikut:

- (1) Mangsa-mangsa yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan apabila berlaku sesuatu bencana alam, dan
- (2) Mangsa-mangsa yang terkandas kerana perhubungan terputus akibat banjir.

Berkenaan dengan kriteria pemberian bantuan pada dasarnya bantuan makanan adalah diberi

kepada semua mangsa yang terlibat dalam sesuatu bencana alam dan memerlukan bantuan tersebut. Sementara itu bantuan pemulihan diberi berdasarkan kepada kerugian yang dialami oleh seseorang mangsa itu. Jenis-jenis bantuan pemulihan yang diberi termasuklah bantuan sekolah, bantuan pakaian, bantuan keluarga, bantuan perkakas rumah serta dapur, bantuan membaiki rumah dan bantuan bagi pekedai atau perniagaan kecil.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan membuat kajian untuk menentukan peratusan wang \$24.7 juta ini disalurkan kepada mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan itu ataupun adakah Kerajaan membuat siasatan sama ada sebahagian wang ini disalurkan kepada orang-orang yang bukan mangsa dan yang ketiganya, adakah Kerajaan memberikan wang bantuan yang lebih banyak pada musim-musim tertentu, misalnya semasa musim tengkujuh yang biasanya berlaku di Pantai Timur dan sebagainya dan akhir sekali adakah pada masa sekarang iaitu banjir di Johor, bantuan diberi pada pusat-pusat di Johor dengan lebih banyaknya kerana keadaan politik sekarang?

Tuan Jawan Anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, kajian memanglah dibuat dari masa ke semasa untuk bantuan-bantuan yang tersebut dan kita sedar juga bahawa 4 daerah yang terlibat dalam minggu ini dilanda oleh banjir iaitu Segamat, Johor Bahru, Keluang dan Batu Pahat melibatkan 81 keluarga dan Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor pun memberi bantuan yang tertentu dan berpatutan mengikut kadar yang telah disediakan tetapi tidak berlebihan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu, tetapi berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Quah Wee Liam.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon satu pindaan iaitu soalan kedua akhir sekali perkataan "saham" ditukar kepada perkataan "perniagaan".

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 12.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR

12. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kewangan menyatakan memandang bahawa dagangan sebenarnya merosot kepada paras paling rendah sejak 3 tahun lalu dan Pasaran Saham adalah rendah:

- (i) apakah langkah-langkah akan atau telah diambil untuk menguatkan harga-harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur; dan
- (ii) adakah Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang untuk mengetatkan perdagangan saham untuk mempengaruhi berlakunya manipulasi harga-harga saham dan jumlah pendahuluan perniagaan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan ini telah pun dijawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 11hb Mac tahun ini juga dan oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah lagi kepada jawapan yang telah diberi.

Mengenai bahagian kedua soalan dari Ahli Yang Berhormat, saya maklumkan bahawa pada pandangan saya Akta dan peraturan-peraturan yang ada sekarang adalah mencukupi bagi mengawasi perdagangan sekuriti. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan undang-undang

baru. Namun demikian, Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan dalam industri saham dan akan mengambil langkah-langkah tertentu jika keadaan memerlukan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan satu tahun ini, khususnya untuk mengikhtiar menaikkan harga-harga KLSE termasuk membenarkan wang-wang disalurkan untuk pembelian saham-saham, menggalakkan institusi-institusi membeli saham-saham sehingga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pun membeli speculative stock dan adakah benar bahawa KWSP menghadapi kerugian hampir \$100 juta. Kenapa semua usaha-usaha ini gagal dan sebaliknya KLSE jatuh ke satu tahap yang lebih rendah dan adakah satu penilaian kerugian (damage assessment) dibuat mengenai betapa besar kerugian yang dihadapi selepas penggantungan KLSE untuk 3 hari berikutan dengan krisis atau skandal Pan-El. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara masalah-masalah yang mengakibatkan krisis di KLSE ialah kekurangan pimpinan oleh KLSE untuk mempertahankan kepentingan pelabur-pelabur kecil dan pelabur-pelabur kecil sudah jadi mangsa dalam apa yang berlaku dalam KLSE dan satu contoh ialah bagaimana selepas krisis Pan-El syarikat-syarikat seperti Grand United, Ever Peace, Supreme boleh digantung dengan permintaan sendiri apabila lain-lain syarikat yang tidak terlibat dalam skandal Pan-El terpaksa terus ada pasaran dan menghadapi kejatuhan harga pada masa ini. Adakah ini patut, adakah ini boleh mendapat keyakinan mereka yang mahu melabur dalam KLSE?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pasaran saham, yang pentingnya ialah

kepercayaan (confidence). Kita telah cuba bermacam-macam ikhtiar untuk memberikan kepercayaan ini dengan tujuan supaya harga-harga saham naik, malangnya apa juga tindakan yang diambil setakat ini tidak membawa kesan seperti yang dicita-citakan. Kita tidak berputus asa. Maka itu, seperti saya katakan tadi kita masih cuba lagi sehingga keadaan ini berjaya.

Berkenaan dengan kerugian EPF (KWSP) ini, saya tidak mengetahui berapa banyak untung ataupun rugi yang sebenar, tetapi KWSP, sebagai satu badan yang membeli saham-saham, sekiranya saham-saham itu turun, sudah tentulah ia rugi. Sebaliknya pula kalau ia membeli satu-satu saham pada satu-satu ketika saham-saham itu naik, ia untung. Malangnya apabila ia untung, Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak tanya, apabila rugi, dia tanya. Ini sahaja masalahnya. Jadi, soalan yang disebutkan ini, saya rasa bukanlah soalan baru.

Tentang penggantungan dan sebagainya, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya bagi ulasan sama ada patut atau tidak patut ataupun sama ada ianya perlu diberi jawapan secara khusus. Walau bagaimanapun, percayalah Dewan yang mulia ini kita sentiasa memastikan bahawa perdagangan security ataupun perdagangan saham di negara ini memang menjadi satu perkara yang sentiasa diambil berat oleh Kerajaan, sebab kita sendiri sedar bahawa dengan adanya perdagangan saham yang sihat, yang baik ianya menunjukkan keadaan ekonomi yang baik pada negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmed Hambal.

(Soalan No. 13 Y. B. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis tidak hadir)

IMBANGAN PERDAGANGAN NEGARA

14. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah kedudukan sebenar mengenai imbangan perdagangan negara sekarang;
- (b) berapakah jumlah pendapatan hasil bahan-bahan eksport utama negara bagi tahun 1983, 1984 dan 1985; dan
- (c) apakah negeri-negeri rakan dagangan utama negara sekarang dan jenis bahan eksportnya. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan kawasan perdagangan ke negara-negara lain. Apakah negara-negara itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee):

Tuan Yang di-Pertua, imbangan perdagangan negara pada masa ini adalah baik. Pada tahun 1985, imbangan perdagangan negara adalah positif iaitu sebanyak M\$7,686.1 juta berbanding dengan M\$5,721.6 juta bagi tahun 1984. Jumlah hasil pendapatan dari bahan-bahan eksport utama negara seperti petrolia mentah, minyak kelapa sawit, injap dan salur termionik, getah, kayu balak, gas asli cecair, timah, kayu balak yang digergaji, biji koko dan lada hitam ialah sebanyak M\$25,755.1 juta bagi tahun 1983, sebanyak M\$29,712.0 juta bagi tahun 1984 dan sebanyak M\$28,901.6 juta bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, rakan perdagangan utama negara pada masa ini ialah Jepun, Singapura, Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah. Barangan negara yang dieksport ke negara-negara tersebut adalah terdiri daripada bahan-bahan mentah seperti getah, minyak

kelapa sawit, kayu balak, timah, petrolia mentah, gas asli cecair, injap dan salur termionik, koko dan lain-lain. Manakala barangan-barangan yang diimport dari negara-negara berkenaan adalah seperti alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan, barang-barang keluaran kilang, minyak-minyak galian dan pelicin dan makanan.

Adalah menjadi dasar perdagangan Malaysia untuk mengadakan perdagangan dengan semua negara kecuali negara Israel dan Afrika Selatan. Di dalam usaha meningkatkan perdagangan dan memperluaskan kawasan perdagangan ke negara-negara lain, sememangnya Malaysia sedang berusaha untuk mencari dan mengenalpasti negara-negara yang mempunyai potensi seperti negara-negara di Timor Tengah, Amerika Selatan seperti Brazil dan Argentina dan juga negara-negara di Benua India seperti Pakistan, Bangladesh, India dan Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 13, 15 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

TAMBANG SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA

1. **Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan benarkah menerusi Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MISC) serta Persekutuan Pengguna-pengguna Kapal Asean (FASC) Kerajaan telah mengadakan dialog dan perundingan dengan Syarikat Perkapalan Antarabangsa mengenai kadar tambang yang tidak menentu oleh Syarikat kapal-kapal perdagangan asing yang akan menjejaskan

penjualan barangan eksport negara. Jika benar apakah hasil yang telah dicapai setakat ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kita tidak mengadakan perundingan dengan syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa secara individu, tetapi mengadakan perundingan dengan wakil perkumpulan-perkumpulan perkapalan antarabangsa pada masa-masa tertentu. Tujuan perundingan-perundingan ini diadakan ialah untuk cuba mengurangkan kadar kenaikan tambang yang ditetapkan oleh perkumpulan-perkumpulan kapal tersebut dan juga menunda tarikh-tarikh penguatkuasaannya.

Sebagai contoh, kita telah mengadakan perundingan-perundingan dengan:

- (i) Wakil-wakil Straits/Australia Conference pada 3hb Mac, 1983. Hasilnya Conference tersebut telah bersetuju mengurangkan kadar kenaikan daripada 11.43% kepada 7%. Tarikh pelaksanaannya juga telah ditunda daripada 1hb April, 1983 kepada 1hb Jun, 1983;
- (ii) Wakil-wakil Far Eastern Freight Conference pada 20hb Julai, 1983 dan 7hb September, 1983. Hasilnya Conference tersebut telah bersetuju mengurangkan kadar kenaikan tambang daripada 14.6% kepada 12%, walaupun tarikh pelaksanaannya tidak dapat ditunda daripada 1hb Januari, 1984.

Untuk makluman Yang Berhormat kita akan terus mengadakan dialog-dialog dan perundingan-perundingan ini dengan perkumpulan-perkumpulan perkapalan antarabangsa untuk mendapatkan faedah bagi pengguna-pengguna kapal Malaysia.

BAITULMUQADDIS— TINDAKAN GANAS ISRAEL

13. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah Malaysia bersetuju dan membiarkan Amerika Syarikat terus menerus menggunakan Kuasa VETOnya terhadap ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini yang telah mengecam tindakan ganas Israel terhadap orang-orang Islam di Baitulmuqaddis;
- (b) apakah tindakan Kerajaan Malaysia di dalam soal tersebut, iaitu satu penghinaan kepada umat-umat Islam;
- (c) mengapakah Kuasa Veto ini harus dikekalkan oleh Badan Dunia ini, kalaulah ia benar-benar bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dunia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Malaysia bersama negara-negara Islam yang lain telah membawa tindakan ganas Israel terhadap orang-orang kaum Muslimin di Baitulmuqaddis kehadapan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan Januari tahun ini, sangat kecewa dengan kegunaan kuasa veto yang menyebabkan ketetapan atau usul yang mengecam tindakan Israel tersebut tidak dapat diluluskan. Kuasa veto ini kerap kali digunakan oleh Ahli-ahli Majlis Keselamatan mengikut kepentingan tersendiri yang mengakibatkan kegagalan ke atas beberapa usul Majlis Keselamatan.

Dalam perbahasan mengenai masalah ini, Wakil Tetap kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bersama wakil daripada 42 buah negara-negara lain telah membuat kenyataan di Majlis Keselamatan di mana kita telah mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan Israel yang

tidak bertanggungjawab itu dan telah menyeru Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu supaya perkara-perkara yang dilakukan di Baitulmuqaddis oleh Israel tidak akan berulang lagi.

Sepertimana yang kita sedia maklum, Kuasa Veto di Majlis Keselamatan yang bertanggungjawab untuk menentukan keamanan dan kestabilan dunia, adalah merupakan hak istimewa yang diberikan kepada Ahli-ahli Tetap Majlis tersebut iaitu Amerika Syarikat, Russia, China, Perancis dan Britain, untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua kuasa besar Timur-Barat telah seringkali didapati menyalahgunakan kuasa veto ini. Ahli-ahli Tetap Majlis Keselamatan ini tidak akan teragak-agak untuk membuang undi vetonya sekiranya keputusannya ke atas penyelesaian satu-satu isu itu tidak dapat diterima oleh mereka atau bertentangan dengan kehendak mereka, walaupun sesuatu keputusan itu tidak akan menjejaskan atau mengancam secara langsung kedudukan negara yang mempunyai kuasa veto tersebut.

Walaupun Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain sering mengkritik kegunaan kuasa veto oleh Ahli-ahli Tetap Majlis Keselamatan, keistimewaan ini masih dikekalkan. Pemberian kuasa veto ini semasa penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kepada kelima-lima kuasa besar ini adalah dipandang wajar berdasarkan kepada keadaan politik antarabangsa ketika itu di mana kuasa-kuasa ini mempunyai peranan yang penting dan merupakan pemimpin kepada negara-negara lain serta untuk menentukan supaya kuasa-kuasa besar ini menyertai Bangsa-bangsa Bersatu bagi menjayakan Badan Dunia tersebut.

NISBAH DOKTOR DENGAN PENDUDUK

15. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah nisbah bilangan doktor dengan penduduk di negara ini sekarang;
- (b) berapakah jumlah doktor yang berhenti dan berapakah bilangan doktor baru yang diambil bekerja sepanjang tahun 1985; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital di seluruh negara sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Nisbah bilangan doktor dengan penduduk di negara ini sekarang ialah 1:3388 (1985).
- (b) Jumlah doktor yang berhenti dari perkhidmatan kerajaan ialah 243 orang dan seramai 470 doktor-doktor baru yang diambil bekerja sepanjang tahun 1985.
- (c) Beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi mengatasi kekurangan doktor pakar di hospital-hospital seluruh negara telah dinyatakan di Dewan ini pada tarikh 10-4-1985 dan beberapa kali lagi. Tidak ada apa yang saya hendak menambah kepada itu.

HOSPITAL UNIVERSITI— UNIT RAWATAN JANTUNG

16. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau menyediakan peruntukan yang cukup bagi perkhidmatan yang lengkap dan

sempurna di Hospital Universiti misalnya di Unit Rawatan Jantung:

- (a) adakah Kementerian bercadang mempertingkatkan perkhidmatan Unit Rawatan Jantung sehingga ia dapat menampung kes-kes pembedahan yang terpaksa dihantar ke luar negeri; dan
- (b) jika ia, berapakah peruntukan yang dicadangkan dan jika tidak mengapa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Universiti ada menyediakan peruntukan yang cukup bagi perkhidmatan yang lengkap dan sempurna khususnya bagi Rawatan Sakit Jantung.

- (a) Buat masa ini kemudahan rawatan pesakit jantung di Hospital Universiti adalah cukup dan berkeupayaan untuk menampung kes-kes pembedahan jantung yang terpaksa dihantar ke luar negeri.
- (b) Peruntukan yang telah disediakan bagi maksud ini ialah sebanyak \$785,000/- bagi tahun 1985 dan sebanyak \$900,000/- bagi tahun 1986.

HARGA RUNCIT BARANG PETROLEUM

17. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan harga petroleum mentah kian menurun baru-baru ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah yang sewajar seperti sediakala untuk menurunkan juga harga jualan petrol dan diesel supaya rakyat dapat menikmati faedah sejajar dengan penurunan harga petroleum dunia itu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kinta bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ipoh, soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Setapak pada 19hb Mac 1986, soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Padang Serai pada 26hb Mac 1986 dan juga soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Keluang pada 2hb April 1986 memandangkan kelima-lima soalan yang dikemukakan, adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium, petrol regular diesel, minyak tanah dan LPG dalam pasaran dalam negeri adalah dikawal oleh Kerajaan. Kerajaan menetapkan harga-harga ini berdasarkan Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum yang mengambilkira elemen-elemen berikut:

- (i) Kos barangan (product posting)
- (ii) Kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringgit
- (iii) Kos operasi
- (iv) Kadar komisyen pengedar
- (v) Kadar duti

Mengikut formula ini harga runcit barang-barang petroleum dikaji setiap tiga bulan. Jika dalam bulan kajian yang berkenaan didapati harga runcit boleh diubah, maka harga runcit baru akan dikuatkuasakan mulai bulan yang berikutnya. Kali terakhir kajian dibuat mengikut formula ini ialah dalam bulan Januari, 1986. Ini bererti bahawa kajian harga yang akan datang ialah pada bulan April, 1986. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan di mana harga minyak mentah di pasaran dunia telah turun dengan begitu rendah, maka Kerajaan telah mengambil tindakan untuk

menurunkan harga barang-barang petroleum sewajarnya. Justeru itu harga-harga barang-barang petroleum telah diturunkan di seluruh negara, mulai 1hb Mac, 1986.

SYARIKAT KREDIT DAN PAJAKAN

18. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa beberapa syarikat kredit dan pajakan telah menjalankan perniagaan sebagai syarikat kewangan yang tidak berlesen, jika sedar, beberapa banyak aduan yang diterima oleh Kementerian Kewangan setakat ini dan apakah syarikat kredit dan pajakan yang terlibat; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil berikutan aduan yang diterima untuk kepentingan awam.

Dato' Sabbaruddin Chik:

- (a) Kerajaan sedar terdapat syarikat-syarikat kredit dan pajakan yang telah menjalankan perniagaan sebagai syarikat kewangan yang tidak berlesen. Penerimaan deposit ini berkemungkinan melanggar Akta Syarikat Kewangan 1969 yang menegah seseorang, menerima deposit lebih daripada 10 orang kecuali jika ianya dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969. Sehingga ini, bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai ialah sebanyak 28. Ini termasuklah penerimaan deposit oleh kumpulan Setia Timur Credit and Leasing Sdn. Bhd.
- (b) Berikutan dari pengaduan ini, pemeriksaan mengejut telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Polis dan Bank Negara

ke atas syarikat-syarikat ini untuk menentukan sama ada kegiatan mereka menyalahi Akta Syarikat Kewangan 1969. Ini adalah selaras dengan Seksyen 29, Akta Syarikat Kewangan 1969 yang memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menyiasat sebarang syarikat yang disyaki menjalankan perniagaan kewangan yang menyalahi Akta tersebut. Sesiapa yang didapati menjalankan kegiatan itu, boleh jika disabitkan kesalahannya, didenda tidak melebihi \$20,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Kerajaan memandang berat mengenai penerimaan deposit oleh syarikat-syarikat kredit dan pajakan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969. Kementerian saya sedang mengkaji secara menyeluruhnya amalan penerimaan deposit oleh syarikat kredit dan pajakan ini, dan sedang menimbangkan beberapa langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini. Di antara langkah yang dicadangkan termasuklah membuat peraturan bagi membolehkan Bank Negara bertindak segera untuk melantik penerima atau pencair (receivers or liquidators) kepada syarikat berkenaan dan membahagikan asetnya kepada pendeposit. Adalah ditegaskan, langkah yang dicadangkan ini bertujuan untuk menjaga kepentingan orang ramai khususnya kepada penyimpan-penyimpan wang.

MENERAPKAN NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

19. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri

menyatakan apakah hasil keberkesanan Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara sejak mula diumumkan hingga sekarang ini, dan apakah langkah selanjutnya supaya rancangan ini dapat dilaksanakan di seluruh negeri-negeri dalam Malaysia ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara sudah pun mencapai matlamat peringkat awalnya iaitu pengertian dasar tersebut kepada semua pihak.

Rancangan ini adalah bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang memang bersifat universal seperti amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, jujur dan berdisiplin dalam pentadbiran negara untuk melahirkan suatu pentadbiran yang bersih, cekap, amanah dan berwibawa.

Usaha yang gigih telah dijalankan untuk meyakinkan semua pihak, terutamanya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan bukan Islam, bahawa dasar ini bukanlah satu dasar untuk memaksa mereka masuk Islam. Oleh kerana rancangan ini merupakan satu rancangan pembentukan peribadi, maka ianya memakan masa yang panjang untuk memperlihatkan hasilnya. Pencapaiannya adalah hasil daripada kombinasi rancangan penerapan tersebut berserta dengan pelaksanaan dasar-dasar yang lain seperti dasar mengenai latihan kakitangan, perancangan tenaga manusia dan pembangunan pentadbiran amnya.

Peringkat utama yang telah dijalankan bagi melaksanakan dasar ini ialah penubuhan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia dengan tugas utama untuk merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Jabatan-jabatan Kerajaan. Antara

program yang dilaksanakan ialah kursus, seminar dan ceramah bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan serta pengedaran risalah penerangan mengenai dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Peringkat kedua juga sudah dijalankan iaitu untuk mengwujudkan Ethika Kerja Islam dan memastikan supaya ethika-ethika kerja yang lain tidak bercanggah dengannya. Ini akan menghasilkan satu ethika kerja yang tunggal dalam seluruh perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan nilai-nilai universal itu. Alhamdulillah usaha ini telah berjalan dengan baik.

Peringkat akhir ialah pelaksanaan garis-garis panduan ethika kerja yang telah digubal, di semua peringkat pentadbiran, tanpa menjejaskan kedudukan mana-mana pihak jua pun. Kejujuran, keadilan dan ihsan yang diutamakan oleh ajaran Islam akan menjadi pegangan utama dalam proses pelaksanaan dasar ini. Kerajaan akan berpegang teguh atas prinsip-prinsip tersebut dan penanaman semangat serta keyakinan begitu jugalah yang menjadi matlamat pembaikan perkhidmatan awam pada hari ini.

DADAH—PERBELANJAAN PEMULIHAN

20. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah perbelanjaan Pemulihan Dadah bagi tahun 1984 dan 1985, serta nyatakan berapa perbelanjaan khusus untuk membiayai pembelian Dadah untuk Pemulihan.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Jumlah perbelanjaan pemulihan dadah bagi tahun 1984 ialah sebanyak \$6,232,116 dan bagi tahun 1985 ialah sebanyak \$8,827,125. Perbelanjaan ini adalah untuk Program Pemulihan di dalam Institusi dan Program

Pemulihan di dalam masyarakat, termasuk bayaran gaji bagi keseluruhan pegawai dan kakitangan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah.

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada perbelanjaan khusus yang dilakukan untuk membiayai pembelian dadah untuk pemulihan. Detoksifikasi bagi pelatih-pelatih dibuat cara "cold turkey" sahaja tanpa diberi apa-apa dadah. Jika seorang penagih itu mengalami gian yang terok, doktor akan memberi ubat-ubat biasa untuk menghilangkan sakitnya.

BANK PERTANIAN— PINJAMAN PETANI/NELAYAN

21. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adalah amat sukar bagi petani-petani dan nelayan-nelayan di Bahagian Kelima, Sarawak mengambil pinjaman dari Bank Pertanian yang mempunyai satu cawangan di Lawas oleh kerana mereka tidak dapat memberi cagaran yang cukup kepada Bank, walaupun mereka mempunyai bidang tanah yang luas, tetapi belum disukat dan oleh itu mereka tidak mempunyai geran tanah yang dapat digadaikan kepada Bank. Memandangkan masalah, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya syarat-syarat pinjaman dapat dilonggarkan. Jika tidak, apakah lain cadangan Kerajaan yang dapat mengatasi masalah ini.

Dr Goh Cheng Teik: Saya sedar bahawa terdapat petani-petani dan nelayan-nelayan di Sarawak khususnya di Bahagian Kelima dan yang menghadapi kesukaran untuk mendapat pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia kerana tidak mempunyai cagaran yang cukup. Masalah ini juga dihadapi di kawasan-kawasan lain di Malaysia. Di dalam

hubungan ini sukacita dimaklumkan bahawa Bank Pertanian Malaysia memang pada dasarnya memerlukan pinjaman-pinjamannya dijamin sepenuhnya dengan cagaran harta tetapi seperti tanah. Walau bagaimanapun jika sekiranya peminjam memang tidak mempunyai sebarang harta tetap tetapi Bank Pertanian Malaysia sungguh yakin projek yang bakal diusahakan itu viable, maka Bank Pertanian Malaysia boleh menimbang untuk menerima cagaran dalam bentuk-bentuk lain seperti jaminan-jaminan persendirian atau jaminan secara kumpulan.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—PENUBUHAN

22. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) memberi butir-butir lanjut dan kemajuan yang dicapai dalam penubuhan Syarikat Telekom Malaysia ke arah pengswastaan perkhidmatan telekom Malaysia menjelang Jun 1986;
- (b) memberi senarai penuh Lembaga Pengarah Syarikat yang tersebut di atas;
- (c) memberitahu opsyen yang sedia ada untuk pekerja-pekerja terhadap opsyen-opsyen tersebut;
- (d) memberitahu jumlah aset yang akan diserahkan kepada Syarikat Telekom Malaysia oleh Kementeriannya menjelang Jun 1986.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia Berhad telah ditubuh dan didaftarkan pada 12 Oktober 1984. Walau bagaimanapun buat masa ini Kementerian saya belum lagi menetapkan tarikh kuatkuasa

pemindahan operasi Jabatan Telekom Malaysia kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua; bahawa pada masa ini Syarikat Telekom Malaysia Berhad belum lagi memulakan operasinya dalam mengambil tugas-tugas Jabatan Telekom Malaysia.

MASYARAKAT ISLAM— MENYATUPADUKAN

23. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha atau rancangan yang telah dan sedang dilakukan ke arah menyatupadukan semula umat Islam di negara ini yang kini telah mencapai tahap perpecahan ummah yang agak serius akibat daripada fahaman politik yang berlainan.

Dato Mohamad Khalil bin Yaakob: Usaha-usaha dan rancangan-rancangan Kerajaan ke arah perpaduan umat secara berkekalan dapat dilihat dari pelbagai dasar dan projek yang telah dan sedang dijalankan. Ini termasuklah:

- (a) usaha-usaha dan rancangan-rancangan bagi mengurangkan keadaan kemiskinan di kalangan masyarakat Islam melalui pelbagai projek ekonomi dan kemasyarakatan bagi mengujudkan satu masyarakat Islam yang menikmati taraf hidup bahagia secara bersama. Ini adalah selaras dengan ajaran Islam yang menuntut supaya kekayaan negara diagih-agihkan secara adil. Ini bertujuan menghindar perbalahan sesama ummah berpunca dari ketidakseimbangan pembahagian kekayaan negara;
- (b) dasar-dasar dan usaha-usaha pendidikan umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan yang bercorak khusus (Fardu Ain) dan yang bercorak menyeluruh

(Fardu Kifaya). Ini dapat dilihat dari kandungan pendidikan dan penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal seperti sekolah-sekolah, universiti-universiti dan masjid-masjid. Ini bertujuan mengujudkan masyarakat Islam yang berilmu dan berakhlak mulia yang menghayati Islam sepenuhnya. Pembentukan ahli-ahli masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia ini akan mengujudkan suasana perhubungan yang harmonis dan hormat-menghormati di antara golongan-golongan, lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat Islam, walaupun mereka mempunyai pendirian dan pandangan yang berbeza. Usaha-usaha pendidikan ini dan amalan ajaran Islam dengan sebenarnya oleh golongan-golongan yang mempunyai pendirian yang berbeza akan menghindar perpecahan di kalangan masyarakat Islam.

Segala usaha-usaha dan rancangan-rancangan Kerajaan termasuk apa yang dihuraikan tadi, bagi mengujudkan perpaduan ummah yang bermakna dan berkekalan, sepatutnya disokong dan dibantu oleh setiap golongan masyarakat Islam, walaupun mereka mempunyai pandangan yang berlainan. Kerajaan sedia mendengar teguran dari semua pihak, termasuk parti-parti pembangkang, asalkan ianya dibuat dengan cara yang baik dan bukan dengan cara yang boleh mengakibatkan perpecahan ummah serta mengancam keselamatan negara.

PERUNTUKAN JALAN RAYA/ JAMBATAN DI SARAWAK

24. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kerjaraya menyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, berapakah peruntukan untuk Negeri

Sarawak, di antara peruntukan itu, berapakah peruntukan diberi untuk sektor jalan raya, jambatan dan memperbaiki jalan raya lama, adakah pihak Kerajaan setuju tentang peruntukan dan apakah sebabnya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Buat masa ini, Kementerian saya tidak dapat memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan yang akan diberikan untuk sektor jalan raya, jambatan dan membaiki jalan raya lama bagi Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan tersebut akan hanya diketahui sesudah sahaja rancangan itu diluluskan oleh Parlimen yang mana dijangka akan dibahaskannya bermula pada 21 Mac 1986 ini.

BOT KARAM DI PULAU LANGKAWI—KESELAMATAN PELANCONG

25. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjaga keselamatan pelancong-pelancong sama ada dari dalam atau luar negeri supaya trajedi "Bot Karam" di Pulau Langkawi baru-baru ini dapat dielakkan di masa-masa akan datang selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri pelancongan yang mana peruntukan yang banyak telah dibelanjakan untuk membangunkan tempat-tempat pelancongan di negara ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Kementerian saya mengambil berat atas kemalangan yang terjadi di Pulau Langkawi baru-baru ini. Kemalangan seperti ini apabila kerap berlaku tentu sekali akan menjejaskan industri pelancongan kita.

Oleh itu, Kementerian saya sedang mengambil segala tindakan untuk menjamin keselamatan bot-bot penumpang terutamanya bot-bot penumpang yang terdapat di pusat-pusat pelancongan.

Satu Jawatankuasa Petugas Khas telah ditubuhkan untuk mengkaji secara mendalam semua aspek keselamatan bot-bot penumpang, tidak sahaja di perairan Pulau Langkawi tetapi juga di persisiran laut dan perairan dalam di seluruh Malaysia. Jawatankuasa ini telah diberi tempoh 3 bulan iaitu sehingga pertengahan bulan Mei 1986 untuk menamatkan tugasnya dan melaporkan balik kepada saya.

Sementara menunggu perakuan-perakuan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa ini semua syahbandar dari Jabatan Laut dengan dibantu oleh Polis Marin telah diarah untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada terutamanya peruntukan-peruntukan mengenai keselamatan bot-bot penumpang. Dari masa ke semasa Jawatankuasa Petugas ini akan membuat perakuan yang boleh dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi aspek keselamatan bot-bot penumpang.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa adalah suka bagi Jabatan Laut dan juga pihak Polis Marin untuk mengawal seluruh perairan Malaysia untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan keselamatan yang sedia ada bagi bot-bot tanpa kerjasama penumpang-penumpang.

Orang ramai adalah digesa supaya menentukan bahawa bot-bot yang mereka hendak naiki itu adalah bot-bot yang berlesen, mempunyai alat-alat keselamatan jurumudi yang diiktiraf oleh Kerajaan. Adalah juga diharapkan orang ramai akan tampil kehadapan untuk melapor kepada Jabatan Laut

atau Polis Marin jika ada terdapat bot-bot penumpang yang membawa penumpang tanpa lesen atau tidak mempunyai alat-alat keselamatan. Dengan kerjasama orang ramai, perjalanan di perairan kita akan menjadi lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa jawapan ini adalah juga untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 21-3-86.

TUDM—KEMALANGAN KAPAL TERBANG

26. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan kapal terbang TUDM daripada tahun 1976 hingga Februari, 1986;
- (b) daripada kemalangan tersebut apakah punca dan sebab-sebab kemalangan berlaku; dan
- (c) jumlah kematian, cedera parah dan kerugian melibatkan kewangan.

Menteri Pertahanan (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) bilangan kemalangan dalam tempoh masa tersebut ialah sebanyak 62 kali.
- (b) di antara sebab berlakunya kemalangan terhadap pesawat-pesawat terbang tersebut ialah seperti kerosakan enjin semasa penerbangan, kesilapan juruterbang, keadaan cuaca, dan bahaya alam sekitar.
- (c) jumlah kematian akibat dari kemalangan-kemalangan tersebut ialah seramai 52 orang.

KAMPUNG BARU— PEMBANGUNAN

27. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan kampung-kampung baru secara komprehensif, apakah jumlah peruntukan yang realistik yang telah disediakan untuk tujuan ini, bilakah jumlah wang tersebut akan digunakan dan bagaimanakah ia akan diagih, iaitu syarat-syarat bagi penerimaan peruntukan wang. Apakah di antara sektor-sektor ekonomi dan kebajikan masyarakat yang akan diberi keutamaan dalam rancangan pembangunan kampung-kampung baru; apakah status geran tanah di kampung-kampung baru; apakah bilangan penduduk yang sebenarnya di kampung-kampung baru seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun):

- (i) Mulai tahun 1986 iaitu Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian saya telah pun menggariskan dua matlamat utama dalam pembangunan kampung-kampung baru:
 - (a) Menjadikan Kampung Baru sebagai kawasan petempatan manusia yang sempurna penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan; dan
 - (b) Memajukan kampung-kampung baru yang berpotensi dan sesuai sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang moden dan industri-industri ringan.

Sesuai dengan kedua matalamat utama ini, Kementerian saya sedang dalam peringkat akhir satu kajian klasifikasi kampung-kampung baru yang bertujuan mengkelaskan semua kampung-kampung baru kepada kategori dan jenis untuk mengenalpasti strategi-strategi pembangunan yang sesuai mengikut jenis dan kategori kampung baru. Antara lain, kampung-kampung baru yang didapati berpotensi dan sesuai akan dimajukan menjadi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru. Di kampung-kampung baru di mana masih terdapat kekurangan kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi, projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, perparitan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain akan dipergiatkan untuk memastikan bahawa semua kampung-kampung baru akan menjadi satu kawasan petempatan yang sempurna.

- (ii) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah mengesyorkan peruntukan sebanyak \$25 juta untuk projek-projek pembangunan infrastruktur dan lain-lain kemudahan sosio-ekonomi. Ini tidak termasuk projek untuk memajukan kampung-kampung baru sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar-baru, di mana satu peruntukan yang berasingan akan dipohon selepas satu kajian yang menyeluruh disiapkan untuk menentukan jumlah peruntukan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa selain daripada peruntukan

pembangunan daripada Kementerian saya, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti J.K.R., J.P.T., Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga memberi peruntukan untuk kemajuan kampung-kampung baru.

- (iii) Peruntukan ini untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima adalah bagi maksud pembangunan projek-projek infrastruktur akan dibahagikan kepada lima tahun. Projek-projek pembangunan yang diluluskan di bawah peruntukan ini adalah berdasarkan satu garis panduan dan kriteria-kriteria yang tertentu mengikut keperluan semasa dan setempat. Sebagai contoh, Kementerian saya memberi keutamaan kepada projek-projek jalan dan perparitan berbanding kepada projek-projek yang lain. Sehubungan ini, projek-projek yang diluluskan mestilah memenuhi syarat-syarat minima analisa kos-faedah iaitu hanya projek-projek yang memberi faedah yang maksima yang akan diberi keutamaan.
- (iv) Dalam rancangan pembangunan kampung-kampung baru, seperti yang tersebut di atas, Kementerian saya memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang asas. Ini adalah untuk menjamin bahawa masyarakat kampung baru akan menikmati satu taraf kehidupan yang sesuai dengan arus pembangunan negara dan memastikan bahawa kampung-kampung baru

menjadi satu petempatan manusia yang sempurna.

- (v) Kedudukan hak-milik tanah bagi kampung-kampung baru berdasarkan maklumat pada tahun 1983 adalah seperti jadual di bawah:

Jumlah Lot	Lot Yang Kosong (Untuk Perumahan)	Hak Milik		Tol	Duduk Tanpa Suratan (Setinggan)
		Hakmilik Tetap (termasuk hakmilik pajakan (Leasehold))	Pemohonan diluluskan		
108,919	22,192 (20%)	56,465 (52%)	6,345 (6%)	13,864 (12.7%)	10,053 (9.3%)

- (vi) Mengikut maklumat yang ada dengan Kementerian saya, jumlah penduduk dalam kampung-kampung baru adalah 1,597,206 pada tahun 1983.

HARGA MINYAK

28. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan bahawa memandangkan keruntuhan yang begitu teruk dalam harga-harga minyak antarabangsa kenapakah tiada keruntuhan yang bersamaan dalam harga runcit bagi kesemua 5 hasil pengeluaran minyak terkawal, kerana mereka dijangkakan akan naik atau turun dengan automatiknya untuk membayangkan pertukaran dalam harga-harga minyak dan bilakah pihak Kerajaan bertujuan untuk menurunkan harga runcit yang tersebut oleh kerana pemeriksaan semula setiap tiga bulan yang dipersetujui dahulu telah pun terlewat (overdue).

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Jawapan saya bagi soalan ini adalah sama dengan jawapan saya kepada soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

PERBICARAAN DI MAHKAMAH TINGGI KOTA BAHRU

29. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak polis terhadap orang-orang yang bertanggungjawab menyebarkan risalah-risalah di Kota Bharu yang menyeru orang ramai menjalankan satu demonstrasi di Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 26-1-1986; dan
- (b) sama ada pihak polis telah mengambil sebarang tindakan terhadap pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO Kelantan ekoran dari demonstrasi tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Orang ramai yang datang ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 26-1-1986 hanyalah untuk mendengar perbicaraan pada hari itu. Mereka berdiri di luar mahkamah dan beredar sebaik sahaja kes selesai. Siasatan polis menunjukkan tidak berlakunya demonstrasi dan tidak ada risalah disebarkan pada hari tersebut.
- (b) Oleh kerana tidak ada kejadian demonstrasi pada hari tersebut maka pihak polis tidak mengambil tindakan ke atas sesiapa pun.

DADAH SEBAGAI MASALAH KESELAMATAN—PENYALAHGUNAAN

30. Tuan Bahari bin Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sambutan negara-negara asing mengenai cadangan Malaysia menjadikan penyalahgunaan dadah sebagai masalah keselamatan. Apakah

langkah yang telah diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkara ini.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Cadangan Malaysia menjadikan masalah dadah sebagai masalah keselamatan telah diterima oleh negara-negara ASEAN pada Mesyuarat Pakar-pakar Dadah ASEAN di Manila 1980. Negara-negara lain khasnya negara-negara barat telah mula menerima konsep ini.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah:

- (a) memberi bantuan teknik kepada negara-negara pengeluar dadah, negara-negara "transit" dan "pengguna". Tujuan bantuan ini ialah untuk mengurangkan pengeluaran dan pengedaran dadah dengan memperkukuhkan usaha-usaha penguatkuasaan di negara-negara tersebut.
- (b) menggesa semua negara supaya mengesahkan "Single Convention" Mengenai Dadah Narkotik 1961 yang dipinda oleh Protokol 1972 dan Konvensyen Mengenai Dadah Saikotropik 1971 dan bagi negara yang telah pun mengesahkan Konvensyen-konvensyen tersebut supaya melaksanakan kehendak-kehendak di bawah Konvensyen ini dan supaya usaha-usaha pengawalan dan pencegahan dadah di peringkat antarabangsa akan lebih berkesan.
- (c) memulakan usaha untuk menyediakan deraf konvensyen untuk membenters pengedaran dadah narkotik dan saikotropik.
- (d) untuk mengadakan satu Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah di Peringkat Menteri pada tahun 1987.

Tujuan Persidangan ini ialah untuk mendapatkan keazaman dan penglibatan politik (political will and commitment) dari semua negara untuk membenters masalah dadah.

PELABURAN SYARIKAT-SYARIKAT PERLADANGAN

31. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar sekarang ini terdapat tendensi bagi usahawan-usahawan dan pelabur-pelabur tanaman utama dan juga pembalok dan pengilang-pengilang papan untuk memindahkan pelaburan dan perniagaan mereka ke negara-negara jiran memandangkan kos pengeluaran di negara-negara jauh lebih murah berbanding dengan kos di negara ini. Jika benar apakah implikasinya terhadap ekonomi negara dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kerajaan memang sedar bahawa terdapat beberapa syarikat perladangan telah membuat pelaburan di negara-negara jiran dalam tanaman kelapa sawit dan setengahnya dalam bidang pembalakan dan pengilangan papan. Pelaburan tersebut merupakan pelaburan baru yang berasaskan kepada peluang yang ada dan bermotif mencari keuntungan di samping untuk mengambil peluang daripada kos pengeluaran yang lebih rendah di negara-negara tersebut dan terdapat kawasan tanah di samping insentif-insentif yang boleh diberikan.

Pelaburan oleh syarikat-syarikat perladangan mengakibatkan aliran keluar modal pada mulanya untuk membiayai projek-projek syarikat-syarikat berkenaan di negara-negara

itu. Ada kemungkinan juga pengeluaran barangan utama di negara-negara tersebut akan memberi saingan kepada Malaysia khususnya dalam masa keadaan bekalan yang berlebihan. Walau bagaimanapun pelaburan mungkin akan membawa kepada syarikat-syarikat tersebut khususnya dan negara amnya melalui penghantaran balik keuntungan (jika ada) di samping pembayaran perkhidmatan pengurusan dan pakar dari Malaysia yang terlibat.

Untuk meningkatkan pelaburan di dalam sektor barangan utama khususnya dalam bidang perladangan kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu. Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya negeri-negeri yang masih mempunyai tanah yang luas yang belum dimajukan, telah digalakkan untuk memberi tanah kepada syarikat-syarikat perladangan untuk dimajukan dengan tanaman-tanaman utama yang sesuai. Di samping itu, Kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan kos pengeluaran menerusi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam sektor barangan utama. Melalui Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan berharap industri-industri tempatan akan dapat melabur di dalam negara kita manakala pelabur-pelabur luar negeri juga dapat ditarik untuk melabur di Malaysia.

MEMBASMI KEMISKINAN

32. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di negara ini dan sama ada langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan dengan adilnya terhadap semua kaum.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa strategi untuk membasmi kemiskinan di negara ini. Di antaranya

ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran petani, terutamanya menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan di kawasan yang sedia ada termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, perkembangan dan penanaman semula dengan menggunakan benih yang berhasil tinggi; menyerapkan isirumah miskin di luar bandar ke dalam sektor moden melalui pembangunan sektor bukan pertanian, terutamanya pembangunan perindustrian; dan menyediakan perkhidmatan asas seperti kemudahan kesihatan, pelajaran, perumahan, bekalan air, elektrik dan jalan-jalan. Berikutan daripada kemerosotan ekonomi dunia pada awal tahun lapan puluhan, Kerajaan telah menjalankan strategi-strategi baru yang dinamakan sistem perkebunan berkelompok dan pembandaran kawasan luar bandar. Di bawah sistem ini, tanah-tanah yang terbiar dan tidak ekonomik telah dapat dimajukan dan diuruskan secara besar-besaran. Kampung-kampung yang berselerak telah dapat disatukan dan dijadikan pusat pertumbuhan bagi semua kegiatan bercorak perbandaran yang boleh menambahkan lagi pendapatan dan peluang pekerjaan seperti perniagaan dan perusahaan.

Di kawasan-kawasan bandar pula, usaha membasmi kemiskinan telah dilaksanakan dengan jayanya menerusi pertumbuhan sektor-sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan perdagangan, sesuai dengan tahap pembangunan di negara ini sekarang. Di samping itu, kemudahan-kemudahan asas juga terus ditambah dan diperluaskan dari semasa ke semasa.

Kesan pelaksanaan strategi-strategi tersebut dapat dilihat dari segi pendapatan penduduk yang telah bertambah, kadar kemiskinan yang berkurang dan taraf hidup penduduk yang meningkat. Kemajuan seterusnya akan dapat dilihat dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima yang akan

dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 21hb Mac, 1986 nanti.

Objektif pembasmian kemiskinan dalam Dasar Ekonomi Baru adalah tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, semua strategi yang dijalankan oleh Kerajaan adalah meliputi dan untuk memberi faedah kepada semua kaum di negara ini.

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan No. 2 pada 11-3-86.)

SETEM POS

34. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah Jabatan Pos hanya mengeluarkan satu bentuk setem dan tidak berbagai bentuk setem bagi mencerminkan lagi bentuk kreatif kita dalam setem pos.

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Adalah tidak benar bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos hanya mengeluarkan setem dalam satu bentuk sahaja kerana sekurang-kurangnya lima (5) bentuk setem telah dikeluarkan.

Peminat-peminat setem di dalam dan di luar negeri lebih berminat kepada setem empat segi. Di samping itu kos pengeluaran setem empat segi adalah lebih rendah daripada lain-lain bentuk dan mudah pula diuruskan oleh Kerani-kerani Kaunter.

BIASISWA/PINJAMAN BAGI PELAJAR-PELAJAR

35. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang diberi biasiswa/pinjaman pelajar Kerajaan untuk:

(a) belajar di luar negeri sejak tahun 1981 hingga 1985 (sila beri pecahan angka-angka mengikut kaum);

(b) belajar universiti-universiti (termasuk Maktab MARA) pada tempoh yang sama dengan di atas dan sila sebutkan jumlah perbelanjaan yang dikenakan setiap tahun pada tempoh yang tersebut serta bilangan siswazah dan siswasi yang masih menganggur setakat ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

(a) Bilangan pelajar-pelajar yang telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri dari tahun 1981 hingga 1985 adalah seramai 11,501 orang bumiputera dan seramai 152 orang bukan bumiputera. Seramai 2,366 orang pelajar telah mendapat pinjaman daripada MARA untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri pada tempoh tersebut.

(b) Jumlah pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan ialah seramai 18,654 orang bumiputera dan 1,925 orang bukan bumiputera. Seramai 4,551 orang mendapat pinjaman daripada MARA untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan. Jumlah perbelanjaan biasiswa/pinjaman yang telah dikeluarkan kepada pelajar-pelajar baru pada setiap tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan Biasiswa (\$ juta)	Jumlah Pinjaman Pelajaran (\$ juta)
1981	102.9	26.3
1982	138.7	39.2
1983	167.1	49.3
1984	150.7	31.8
1985	166.9	52.3

Bilangan pemegang biasiswa yang telah lulus dari universiti-universiti dalam negeri yang

belum mendapat kerja hingga setakat ini ialah seramai 2,145 orang.

BURUH-BURUH PENDATANG HARAM

36. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Buruh menyatakan bahawa adalah beliau sedar bahawa ramai Pengusaha dan Pemaju yang telah mengkaji buruh-buruh yang terdiri dari pendatang haram, sudah tentu ini adalah menggalakkan ramai pendatang haram, jika sedar adakah Kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada Pengusaha dan Pemaju yang sedemikian.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Saya memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera untuk dijawab pada 24hb Mac dan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai untuk dijawab pada 3hb April tahun ini yang mana maksud ketiga-tiga soalan itu adalah hampir-hampir sama.

Kementerian saya memang sedar bahawa terdapat majikan-majikan khususnya di sektor perladangan dan binaan, yang menggajikan buruh-buruh asing yang dipercayai terdiri daripada pendatang-pendatang haram. Akan tetapi adalah sukar bagi Kementerian saya menentukan bilangan pendatang-pendatang haram yang digajikan di sektor-sektor tersebut, kerana pengajian mereka itu adalah secara haram dan pihak majikan pada lazimnya tidak memasukkan butir-butir pendatang-pendatang haram ini dalam rekod-rekodnya. Majikan-majikan juga enggan dan dalam keadaan yang tertentu, tidak mahu langsung mengaku menggajikan pekerja-pekerja yang demikian.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah, sedang dan akan terus mengambil tindakan di bawah Akta (Sekatan) Kerja 1968 terhadap majikan-majikan yang menggajikan tanpa permit kerja, pekerja-pekerja bukan warganegara termasuk pendatang-pendatang haram. Operasi-operasi "serbuan" ke atas tempat-tempat pekerjaan bagi maksud ini, sentiasa dijalankan dengan kerjasama pihak Imigresen dan Polis Diraja Malaysia.

PEMULIHAN KOKO

37. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pertanian menerangkan adakah rancangan di dalam Kementeriannya untuk dilaksanakan pada tahun ini bagi pemulihan koko-koko yang berumur 15 tahun ke atas yang kebanyakannya ada di dalam kawasan Bagan Datoh.

Dr Goh Cheng Teik: Jabatan Pertanian menjalankan program-program latihan untuk petani-petani di bawah Program Pengembangan 2L. Ini termasuklah kerja-kerja pemulihan untuk tanaman-tanaman lama seperti tanaman koko. Untuk pemulihan tanaman koko yang berumur lebih 15 tahun, tumpuan diberikan kepada peningkatan pengurusan lebih kepada tahap yang memuaskan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan kebun dan parit, pembajaan, penjagaan naungan, cantuman dewasa dan pengawalan penyakit dan perosak koko. Dalam tahun 1986 ini, program pemulihan koko akan diusahakan di kawasan seluas 5,890 ha. Walau bagaimanapun, kegiatan pemulihan koko bukan sahaja berasaskan kepada umur pokok tetapi juga kepada keadaan kebun.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

38. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

menyatakan rancangan-rancangan pengswastaaan Jabatan Telekom yang dilaksanakan dan apakah faedah-faedahnya yang telah, sedang dan akan dicapai melalui proses tersebut. Sehubungan ini, sila sebutkan sama ada sewa telefon dan panggilan meter dalam dan keluar negeri akan turun, jika tidak mengapa.

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, satu dari polisi Kerajaan ialah untuk mengswastakan beberapa perkhidmatan Kerajaan yang dipastikan sesuai. Seperti Yang Berhormat masih ingat Dewan Yang Mulia ini sudah meluluskan rang undang-undang bagi tujuan mengswastakan Jabatan Telekom pada tahun yang lepas. Tindakan sedang diambil untuk melaksanakan keputusan itu. Dalam hal ini, pindaan kepada Akta Pencen 1980 juga akan dibuat. Dengan pengswastaaan, perkhidmatan telekomunikasi negara dijangka akan bergerak dengan lebih berkesan dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan bermutu kepada pengguna-pengguna. Selain dari itu langkah dalam pengswastaaan juga dalam jangka panjang akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Buat masa ini Kementerian saya tidak mempunyai cadangan untuk menurunkan kadar sewa telefon dalam dan ke luar negeri. Seperti Yang Berhormat maklum kadar-kadar tersebut baru sahaja dikaji semula dalam tahun lalu (1985).

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat
dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam.” (12hb Mac, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda sudah habis?

3.38 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi. Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menghabiskan perbahasan saya semalam, saya telah dicabar oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk membuat kenyataan di luar Dewan yang mulia ini mengenai tuduhan saya ke atas Chooi Mun Sou, saya akan sebutkan di kemudian, diharap bersabar sebentar.

Sebagaimana saya mengakui semalam di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada manusia di dalam negara kita ini akan menerima hakikat, kebenaran untuk menolak sebarang penyelewengan, penipuan, penyalahgunaan kuasa yang berlaku di

dalam perkara BMF ini—tidak ada orang. Tidak ada juga ahli-ahli Barisan Nasional, tidak ada orang UMNO, tidak ada siapa pun yang boleh menafikan bahawa ini adalah suatu perbuatan jenayah yang besar—tidak ada. Sekarang ini, ini adalah merupakan satu tragedi kepada negara. Di negara-negara lain juga berlaku, di negara Amerika Syarikat berlaku, di Jepun berlaku, di United Kingdom berlaku tetapi perkara ini ditutup bukan bertujuan untuk menutup kes itu tetapi tujuannya adalah untuk memulihkan. Begitulah juga bila sesuatu perkara itu timbul di dalam masyarakat, timbulnya perkara ini (BMF) pada tahun 1982 hasil daripada keluarnya berita di dalam "Wall Street Journal" maka sudah tentulah kita mengetahuinya, selepas itu baharulah pihak-pihak Pembangkang DAP ini menjadi hero, selepas kes ini diketahui.

Kalau sekiranya perkara ini diketahui oleh DAP tahun 1979 dahulu, saya yakin bahawa perkara ini boleh disekat oleh Kerajaan awal-awal, sebelum berlaku. Tetapi saya yakin bahawa tidak ada manusia yang mengetahuinya, manusia biasa yang mempunyai fikiran, pandangan terhadap ini sudah pasti tidak akan mengetahui segala-galanya sebelum perkara itu berlaku. Ini disebut juga oleh Ahli-ahli DAP bahawasanya Tuhan yang maha mengetahui. Saya mengulangi lagi bahawa hanya Tuhan yang maha mengetahui, yang mengetahui segala kemungkinan yang akan berlaku di bumi Allah ini, tidak ada orang lain. Hatta juga Kerajaan hatta juga Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Tengku Razaleigh yang mungkin dikatakan terlibat oleh DAP. Mereka ini juga tidak mengetahuinya. Kalau mereka mengetahui, saya yakin bahawa mereka akan menyekat daripada mula lagi, ini hakikat. Kita menerima kedudukan ini bahawa kelemahan-kelemahan yang ada di dalam

pentadbiran urusan BBMB dan BMF ini, kita akui. Dengan sebab itulah beberapa rombakan telah dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Kita mestilah melihat kenyataan ini. Jangan kita membutakan mata, membuat berbagai-bagai tohmahan. Kita mempersoalkan tentang kajian-kajian yang telah dibuat oleh Suruhanjaya yang dilantik, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Noordin. Kita mempersoalkan jika sekiranya Jawatankuasa ini boleh menemuramah, menemuduga beberapa orang yang dikatakan terlibat, mengapa kita tidak boleh mempersoalkan tentang kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini. Mengapa tidak. Tentu boleh, sebab kita memang dibenarkan dan tugas Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk mempersoalkan sesuatu kemungkinan, sesuatu perkara yang mungkin difikirkan tidak sesuai, tidak benar ataupun sebarang penipuan yang berlaku. Ini kerja kita di dalam Dewan yang mulia ini, bukan kerja menabur fitnah, bukan kerja memburuk-burukkan orang, bukan kerja untuk menjatuhkan mertabat orang. Sekarang kita hendak lihat siapa pengecut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Othman bin Abdul: Saya beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat mengakui bahawa ini satu tragedi, satu perbuatan yang keji, yang tidak dapat dimaafkan. Adakah beliau berpendapat bahawa ini lebih besar daripada "Watergate" dan lebih dahsyat dari skandal "Lockheed-Tanaka di Jepun". Kalau ada, apakah pada pendapat beliau tindakan yang

terpaksa diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soal terpaksa ini tidak timbul. Saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong membaca "The New Straits Times" hari ini iaitu kenyataan Peguam Negara nampaknya sudah cukup jelas, muka 1, muka depan—"kita tidak boleh mengambil tindakan atas paksaan, tunjuk-ajar orang". Lainlah halnya, hal ini datang daripada pihak DAP. Kita ini mempunyai sistem perundangan yang baik, terhormat, apakah perlu kita menerima tekanan-tekanan daripada pihak-pihak yang hanya melihat dari satu segi sahaja, satu prespektif sahaja. Saya tidak menyatakan bahawa ini satu skandal yang lebih besar daripada skandal "Watergate" ataupun apa-apa kejadian yang berlaku di Jepun. Tetapi ini tafsiran dibuat oleh pihak DAP. Saya tidak mahu menyebutkannya. Sekarang ini kita membahaskan isu BMF di dalam negara kita ini sebagai suatu landasan, satu petunjuk, asas kepada masa depan supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlaku lagi di dalam negara kita ini. Kita mengambil ini sebagai pedoman. Kita mempersoalkannya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Othman bin Abdul: Jadilah, tidak boleh, saya hendak beri orang lain pula bercakap. Banyak lagi Ahli-ahli akan bercakap di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak benar, sudahlah. Tidak benar, kata tidak benar, yang lain-lain itu jangan dicampur-campurkan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, campur-campur sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka minta jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah. Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata "Tidak benar".

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, saya tidak beri. Kalau Chooi Mun Sou, saya beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan tambah-tambah lagi. Kalau tidak benar, kata tidak benar. Janganlah dijadikan Dewan ini sebagai tempat yang tidak sesuai.

Tuan Othman bin Abdul: Mengulangi kenyataan-kenyataan yang dibuat semalam, bahawa jika sekiranya Suruhanjaya ini boleh menemui orang-orang lain yang dikatakan terlibat di dalam pengurusan BMF ini untuk ditemuduga, disoal siasat mengapa pemimpin-pemimpin negara yang dikatakan terlibat itu tidak mahu disiasat oleh kumpulan ataupun Jawatankuasa ini. Apa sebabnya, apa muslihatnya. Mesti ada terdapat sesuatu muslihat yang besar di dalam perkara itu. Mengapa mereka tidak mahu. Sudah pastilah ada tujuan yang terpendam di hati mereka untuk melihat keadaan suasana yang tidak tenteram di dalam negara kita ini, pada anggapan saya. Dengan itu sudah pastilah kita mesti menolak bahawa perkara ini tidak harus berlaku. Suruhanjaya ini perlu menyasiat sehingga ke ahir sekali, mesti menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mesti menemui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh dan lain-lain yang dikatakan terlibat supaya mereka ini dapat membersihkan diri mereka. Tidak adil kalau disebutkan begitu

sahaja sedangkan tidak ada suatu pun perkara untuk membela diri mereka di dalam soal ini. Tidak adil, sebab jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Kerajaan, oleh BBMB untuk mencari, untuk mengkaji keseluruhan kedudukan BMF di Hong Kong, dengan harapan bahawa satu keputusan, satu laporan yang baik akan dapat diserahkan kepada Kerajaan ataupun BBMB untuk tindakan-tindakan yang akan diambil kemudian.

Saya rasa tujuan asas penubuhan ini telah pun diketahui dan asas-asas kajian itu telah diberi. Inilah asas-asas yang telah diberi, tempat merujuk ada, kita buatlah kerja. Kita lantik Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasat dengan harapan untuk mengkaji laporan itu diserahkan kepada BBMB ataupun Kerajaan untuk tindakan, bukan untuk Ahli-ahli Jawatankuasa itu bercakap seolah-olah ahli politik, Tan Sri Ahmad Noordin misalnya. Tidak ada hak baginya untuk bercakap. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut semasa penubuhan Jawatankuasa ini pada 11hb April, 1984 bahawa Kerajaan akan mengumumkan sendiri dan satu Kertas Putih akan disediakan. Masih tidak puas hatikah manusia seperti ini. Apakah maksud yang terpendam dihati mereka ini? Ini yang menimbulkan tandatannya pada diri saya apa sebabnya masalah ini timbul pada diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang semasa membahaskan usul ucapannya, beliau menyebut bahawa Jawatankuasa ini bekerja seolah-olah "paria". Disebutkan perkataan itu di dalam "*Hansard*". Saya hendak mempersoalkan, soal kerjasama, soal "paria" yang disebutkan di dalam ucapan oleh Ketua Pembangkang ini. Wang telah dikeluarkan sebagai pendahuluan kepada Jawatankuasa ini

sebanyak \$1.8 juta untuk Jawatankuasa ini menjalankan tugas untuk tiga orang mereka. Mereka menggunakan kapal terbang 1st class, kelas pertama; duduk di hotel yang istimewa, diberi layanan dengan baik, adakah ini layanan "paria"? Saya hendak tanya Ketua Pembangkang. Apakah ini layanan "paria"? "Paria" tidak naik kapal terbang 1st class, Tuan Yang di-Pertua. Tidak duduk di hotel-hotel yang istimewa.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidak beri jalan. Tidak ada masalah atau tidak ada kerjasama. Duit \$1.8 juta diberi, dikeluarkan oleh BBMB kepada Jawatankuasa ini. Ini bukan kerjasamakah namanya? Diberi pendahuluan, bakinya lagi \$76 ribu atau \$67 ribu kalau tidak silap saya belum dikembalikan oleh Tan Sri Ahmad Noordin.

Ini dikatakan tidak ada kerjasama. Mustahillah. Kalau tidak ada kerjasama disuruh belanja dulu, buat tuntutan kemudian, mungkin itu kalau tidak ada kerjasama. Ini saya tidak nampak langsung bahawa tidak ada kerjasama kepada Jawatankuasa oleh pihak BBMB dan pihak BMF sendiri. Saya menyatakan bahawa kesalahan-kesalahan ada, master mind atau master plannya yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang, semua orang tahu "Lorrain Osman, Dato Hashim Shamsuddin, Dr Rais" ini orang-orang yang disebutkan terlibat secara langsung. Punca-punca atau cara penipuan itu mudah. Lorrain Osman dan Dato Hashim Shamsuddin ini juga adalah dua orang Ahli Lembaga Pengarah BMF, kedua orang ini juga telah berpakat untuk menipu dan mereka kedua ini jugalah menjadi Ahli Pengarah BBMB. Sudah pastilah laporan BMF itu dilaporkan kepada BBMB dengan cara tidak jujur, cara untuk menipu. Memang ini profesional

punya penipu. Dan kita mengakui ini orang-orang yang berkebolehan di dalam menipu.

Kita akui penipu-penipu antarabangsa ini, bukan kita tidak akui. Ini orangnya yang menjadi master mind. Tetapi dalam kenyataan Ketua Pembangkang dia tidak menyebut hal ini. Who are on the top, dia sebok mempersoalkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau, who are on the top, yang paling tinggi di dalam BMF ialah Pengerusi Lembaga Pengarah. Yang paling tinggi di dalam BBMB ialah Pengerusi Lembaga Pengarah BBMB, yang pada masa itu ialah Kamarul Ariffin, ataupun selepas daripada itu Dr Nawawi Mat Awin dan kemudian Tan Sri Basir. Inilah orang-orang yang on the top. Takkanlah Dr Mahathir hendak duduk di situ. Mustahil bagi seorang Perdana Menteri untuk mengambil tahu hal-hwal perjalanan BMF dan BBMB ini. Hendak menyemak semua akaun, mustahil. Perdana Menteri masih banyak lagi kerja yang hendak dibuat. Ini perlulah difikirkan, bercakap hendaklah dengan haik dan beri fakta yang betul.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: Kita tidak beri. Saya katakan tadi orang-orang yang menipu ini, kita minta DAP beritahu di mana Dr Rais Saniman sekarang ini duduk. Beritahu di mana Dr Rais Saniman ini duduk supaya Kerajaan dapat mengusahakannya untuk tangkap. Beritahu, jangan bercakap sahaja. Kalau tahu beritahulah di dalam Dewan yang mulia ini, report Polis di mana Dr Rais Saniman berada sekarang ini supaya kita dan Kerajaan dapat menangkapnya. Dua orang telah pun ditangkap kerana mereka melakukan kesalahan. Ini tidak tahu, bila dia pun tidak tahu hendak suruh kita tangkap. Hendak tangkap siapa—tangkap hantu? Jadi kita tahulah Ketua

Pembangkang ini seorang peguam yang bijak, pintar dan juga "kaki putar" [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, perkataan "kaki putar" tidak patut digunakan dalam Majlis ini. Minta tarik balik.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik perkataan itu. Jadi dengan kecekapan-kecekapannya untuk memutarbelitkan isu-isu dan mempolitikkan isu-isu ini, sudah pastilah dia mempunyai hasrat politik untuk partinya sendiri. Ini menyebabkan mungkin orang menganggapkannya mempunyai semangat patriotism, hendak sebutkan patriotiknya itu, cuba untuk menonjolkan dia sebagai patriot konon! Cuba untuk menjadi penjuang rakyat konon! Untuk menyebutkan merekalah hero selepas mengetahui masalah-masalah yang berlaku di dalam BMF ini. Ini kita tahu dan juga saya hendak menyebut tentang kes Jalil Ibrahim. Kes Jalil Ibrahim ini kalau sekiranya DAP ada bukti yang cukup lengkap yang mengatakan bahawa ini dirancang di Kuala Lumpur, silalah serah bukti-bukti itu kepada Kerajaan, sila beri siapa merancang, nama apa, siapa yang terlibat, sila serahkan kepada pihak Polis. Jangan cakap sahaja jika tidak ada bukti. Ini yang kita kata "kaki putar" sebab dia tidak tahu. Saya tarik baliklah, saya tidak mahu sebut lagi. Yang menyebutkan perkataan-perkataan, yang memutarbelitkan perkara itu, memutarbelitkan.

Dr Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Standing Order 36(4).

Tuan Yang di-Pertua: Point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dr Tan Seng Giaw: Ia masih melanggar peraturan Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: 26 (4)?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (4).

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Dia sebutkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mungkin dia tidak dengar saya sebut saya tarik balik. Saya tarik balik, mungkin dia tidak dengar [Ketawa]. Jadi kes Jalil Ibrahim. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di atas Peraturan Mesyuarat 36 (4) saya berharap Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling tidak boleh ulang lagi. Kalau boleh saya boleh menggunakan perkataan "biadap" dan kemudian tarik balik sejurus selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang kepada saya, di atas kuasa saya. Silakan [Ketawa] [Tepuk].

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ia pandai-pandai pula hendak mengajar Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah dia ini pandai sangat. Dia doktor, Tuan Yang di-Pertua adalah Hakim Mahkamah Tinggi dahulu! Jangan main. [Ketawa]

Jadi kes Jalil Ibrahim, kalau sekiranya DAP menganggapkan bahawa kes ini dirancang di Kuala Lumpur dan pembunuhannya dilakukan di Hong Kong, beri penjelasan kepada Kerajaan, beri

maklumat kepada Kerajaan. Jangan pandai menyebut tetapi tidak pandai bertindak. Bertindak tidak pandai, pandai menyebut! Memang ramai orang boleh memperkatakan sesuatu tetapi tidak dapat memberi kenyataan-kenyataan yang baik, tegas di dalam Dewan yang mulia ini. Inilah perkara yang saya hendak sebutkan bahawa kalau kita tidak tahu, kita tidak pandai, kita jangan sebut perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang semalam dia menyebutkan tentang kegagalan Peguam Negara, menyebutkan bahawa Peguam Negara itu bertanggungjawab kepada negara, bukan kepada sesiapa Menteri atau Perdana Menteri. Saya hendak tanya DAP, negeri ini hak siapa? Di mana Laporan ini hendak dibuang kalau tidak ada orang tuannya kepada negara ini? Peguam Negara bekerja di bawah siapa? Hendak suruh ambil tindakan membabi buta, hendak suruh Peguam Negara mengambil tindakan tanpa berunding, tanggungjawab kepada negara. Negara ini kita yang punya, rakyat Malaysia yang punya, rakyat Malaysia memilih pemimpin-pemimpinnya dan memilih Perdana Menteri dan ahli-ahli Kabinetnya untuk mentadbirkan negara ini. Maka rujukannya ialah kepada itulah, takkan hendak buat laporan, hendak letak—"Hei negara, ambillah, ini laporan kami." Siapa hendak baca, punya bodoh!!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan menggunakan perkataan "bodoh".

Tuan Othman bin Abdul: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]. Jadi perkara yang kedua yang disebutkan, disebutkan berbagai-bagai tohmahan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak mahu dengar, lain kali kita tidak mahu dengar bahawa ini adalah suatu perkara yang tidak menguntungkan kita.

Berbalik saya kepada janji saya tadi bahawa saya akan menyebutkan kembali soal Chooi Mun Sou. Kalau ini ahli-ahli DAP hendak tanya, saya beri jalan.

Semalam Ketua Pembangkang mencabar saya sebagai "pengecut" bila saya menyebutkan bahawa Chooi Mun Sou ialah seorang partner utama di dalam Syarikat Guaman Chooi yang mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu dan Syarikat ini (M/S Chooi) telah dipilih oleh Kerajaan Hong Kong untuk menjadi peguam di dalam kes BMF di Hong Kong. Saya menyatakan sekali lagi bahawa memang ianya terlibat, memang ianya terlibat. Saya menyatakan bahawa memang Ketua Pembangkang tidak membaca pun Laporan BMF malahan Kertas Putih ini pun tidak dibacanya. Ini jelas menunjukkan lampiran yang terakhir, Lampiran Senator Tan Sri Selvarajah, perenggan yang ketujuh, silalah baca. Semua orang boleh baca, bawalah ke pihak Polis kalau mahu. Jelas menunjukkan bahawa ia adalah senior partner kepada Syarikat Chooi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu adakah Yang Berhormat berani untuk mengulangi apa yang dikatakannya di sini di luar Dewan ini? Kalau begitu saya menyatakan ada bertanggungjawab, ada berani.

Tuan Othman bin Abdul: Kita mempunyai tanggungjawab kepada Parlimen, kita mempunyai kesempatan untuk bercakap di Parlimen. Sudah ada tertulis dalam Kertas Putih—bawalah, tidak payah saya mengulanginya. Kerja apa yang mengulangi tiga empat kali, sudah ada secara bertulis, kalau tidak betul, buat tindakan mahkamah kepada Selvarajah, bukan kepada saya. Kalau hendak saman saya sampai bankrap, bankraplah, saya bukan ada duit! [Ketawa].

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat kehendak?

Dr Tan Seng Giaw: Hendak minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Dia hendak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum bercakap lagi [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap jangan bertengkar di dalam Dewan ini. Sila teruskan. Jika tidak beri, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Saya belum bercakap lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi di dalam ucapan DAP pada 11-3-86 ini mengancam BBMB membuat laporan dalam masa 24 jam. Adakah laporan itu sudah dibuat sekarang? Saya hendak tanya DAP, adakah laporan ini telah dibuat dan kalau sekiranya dia memberi ancaman kepada Kerajaan membuat laporan dalam masa 24 jam, kalau tidak, DAP akan mengambil tindakan sendiri. Adakah DAP telah mengambilnya? Sekarang sudah lebih 24 jam!

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan pula.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidak beri. Saya hendak tanya, kemudian jawab, sebab peluang Tuan Speaker beri bercakap. Saya hendak bertanya, masa 24 jam yang diberi itu telah pun habis, BBMB tidak membuat sebarang laporan akhir kepada pihak Polis. Adakah pihak DAP sekarang telah mengambil tindakan untuk merepotkan kepada Polis hasil

daripada bacaan dan study yang mendalam dari pihaknya? Saya hendak mengatakan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah! Saya tidak beri. Saya hendak mengatakan tadi bahawa sememangnya Ketua Pembangkang pun tidak membaca dengan mendalam, malahan saya mendakwa bahawa andaian saya ini memang benar bahawa teks ucapan Ketua Pembangkang yang dibaca di dalam Dewan yang mulia ini, ini pun adalah dibuat oleh pihak Chooi Mun Sou. Kalau tidak, dia tidak akan dapat bercakap dengan memberi quoting yang begitu lengkap kesemua paragraphs yang telah dibacakan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini telah dibuat, sepanjang 4 jam.

Dr Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(6):

“Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.”

Kalau kami, DAP, kata hendak melaporkan kepada Polis selepas 24 jam, kami akan berbuat demikian dan kami telah buat beberapa kali dengan perkara-perkara yang lain yang merupakan perkara yang seperti ini. Tidak seperti Yang Berhormat tadi dan tidak berani membangkitkan di luar Dewan dan menunjukkan betapa itu perangnya tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Saya harap jikalau Yang Berhormat membuat dakwaan bahawa ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pembangkang itu telah pun dibuat oleh orang lain, minta keluaran keterangan, jangan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya membuat andaian sebab banyak Ketua Pembangkang mengandaikan dalam Dewan yang mulia ini—“andaian”, sebab terlalu lengkap ucapannya itu. Mustahil bagi saya untuk mempercayai 13 jilid itu dibaca dalam masa 3 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu tidak sesuai dengan kerana jikalau sekiranya kita hendak membuat sesuatu tuduhan, kenalah ada sebab-sebab yang berasas.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan Yang Berhormat bercakap. Saya minta teruskan ucapan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Saya hendak mengatakan bahawa sememangnya DAP ini pengecut, dia telah menarik balik cadangan untuk membuat laporan. Satu lagi kes pengecut DAP, di dalam kenyataan berkaitan dengan Esso dahulu di dalam Dewan ini, apabila pihak Esso telah mengemukakan saman di mahkamah, penyelesaian dibuat di luar mahkamah, mengapa tidak diselesaikan dalam mahkamah? Ini menunjukkan lebih pengecut. Semua Ahli-ahli Dewan tahu (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, atas apa hendak bangun?

Dr Tan Seng Giaw: 36(6) lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya rasa itu boleh kalau sekiranya kita mengatakan satu parti itu pengecut, tetapi jikalau kita tak boleh mengatakan satu orang pengecut.

Dr Tan Seng Giaw: Tadi dia kata “Ketua Pembangkang”!

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, dia kata “parti”.

Dr Tan Seng Giaw: Dan tambahan pula dia kata Ketua Pembangkang itu tidak menulis ucapan sendiri. Itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah beri amaran kepada dia, jangan dia.

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi dia tak tarik balik. Tak boleh tak tarik balik (*Ketawa*), satu perangai yang kurang wajar. Sudah beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw:
perkataan yang biadap beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat hormatkan kepada keputusan saya. Saya minta Yang Berhormat dari Ulu Muda teruskan dan perkataan “pengecut” jangan dihalakan kepada seorang, tetapi kepada parti, boleh.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Ketua Pembangkang menghalakan perkataan “pengecut”—“coward” ini kepada saya. Saya cuma membalas ucapannya. Ini saya kira cukup adil.

Tuan Yang di-Pertua: Kelmarin tidak ada sesiapa yang bangkitkan soal Standing Orders, tidak bangun di atas “Point of order”, jadi tidaklah dapat mengambil ruling. Kalau seseorang bangun kelmarin, barangkali Yang di-Pertua akan memutuskan bahawa perkataan “coward” itu ialah unparliamentari. Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akur dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua itu.

Saya sudah kata tadi bahawa sememangnya DAP, Ketua

Pembangkang juga tak membaca laporan ini dengan lengkap dan habis, oleh sebab itu dia tidak boleh berhujah, tidak boleh menunjukkan bukti-bukti yang lengkap di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang ini Ketua Pembangkang DAP sebok; Melaka-Kuala Lumpur-Pulau Pinang. Dia hendak lari daripada Melaka ke Pulau Pinang, berhenti di Kuala Lumpur—mesyuarat, di Pulau Pinang kuburnya sedang digali oleh Barisan Nasional, tak sempat dia hendak membaca semua laporan ini, saya yakin, sebab dia kerja banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu bercakap hal lain pula. Jangan ulang-ulang yang itu juga. Silakan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Chooi Mun Sou adalah terdiri daripada 2,000 di kalangan peguam-peguam di negara kita ini, mengapa syarikatnya sahalanya yang dipilih oleh Kerajaan Hong Kong untuk menjadi peguam di dalam perkara BMF itu? Ini menimbulkan tandatanya, persoalan mengapa tidak adakah syarikat-syarikat guaman lain yang lebih baik ataupun sudah pastikah mereka ini akan mendapat butir-butir yang lengkap hasil daripada penyiasatan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Penyiasat Ahmad Noordin ini yang di mana Chooi Mun Sou juga adalah menjadi seorang ahli. Saya pasti dan saya yakin bahawa segala butir-butir ini akan disalurkan menjadi “evidence” bagi pihak Kerajaan Hong Kong dalam isu BMF ini apabila Chooi Mun Sou menerima tawaran Kerajaan Hong Kong untuk menjadi peguam kepada perkara BMF. Ini persoalan yang timbul, kerumitan-kerumitan yang mungkin difikirkan oleh kita semua apakah perkara ini harus tidak berlaku. Mesti sudah pastilah ada kepentingan yang tersendiri, “conflict of interest” ini. Saya mengulangi lagi, mesti ada.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, soal BMF ini bukanlah sahaja Bank Bumiputera menjadi satu bank yang utama yang ditipu oleh Carrian, BMF ini semua, malahan terdapat lain-lain bank di Hong Kong yang ditipu oleh Carrian ini sejumlah \$3 billion atau HK\$12 billion, termasuk Hong Kong and Shanghai Banking Corporation, tetapi mereka ini tidak menghebohkannya kerana atas alasan bahawa mereka akan cuba untuk memperbaiki perkara ini dan bagi mengelakkan tanggapan rakyat bahawa mereka ini sekarang di dalam keadaan kesulitan kewangan yang boleh menyebabkan penggunaan, penyimpan-penyimpan akan mengeluarkan wang mereka daripada bank tersebut, tetapi negara kita masih bernasib baik, kepercayaan terhadap Bank Bumiputera masih teguh. Dengan itulah maka mereka ini tidak mengeluarkan wang mereka dengan serentak. Ini perkara yang perlu dibuat oleh semua bank untuk menetapkan keyakinan pelanggan-pelanggan mereka. Tindakan inilah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengekalkan keyakinan rakyat dan negara dan juga Bank Bumiputera ini sebagai sebuah bank yang mungkin terbesar di Tenggara Asia yang menjadi sumber kewangan kepada agensi-agensi lain dalam Asia Tenggara ini. Inilah usaha yang baik yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menjamin bahawa tidak berlaku keruntuhan Bank Bumiputera ini seperti yang dikehendaki oleh DAP. DAP suka melihat kalau Bank Bumiputera ini runtuh.

Saya menyebutkan bahawa pesalah-pesalah itu kita telah ketahui. Kerajaan telah mengambil tindakan bagi menukarkan Kamarul Ariffin dengan Nawawi Mat Awin. Nawawi Mat Awin ditukar dengan Tan Sri Bashir yang rambutnya pun sudah putih hendak memikirkan masalah dalam BBMB

dan BMF ini. Penolong Kanannya, Syed Hamid pun rambut sudah tak ada, hendak memikirkan macam mana hendak memperbaiki soal Bank Bumiputera ini. Ini pun hasilnya tidak puas hati lagi di kalangan Parti Pembangkang DAP dalam negara kita ini. Apa yang dikehendaki, kita pun tak tahu. Kalau hendak tahu lagi, Kerajaan memecat Senator Kamarul Ariffin yang gajinya dan emolumentnya, saya hendak beritahu kepada DAP, satu tahun dekat \$1 juta, Kerajaan mengambil tindakan buang, pecat, buang oleh kerana beberapa penipuan yang berlaku. Jadi, selepas itu nama Dr Mahathir, Perdana Menteri dibabitkan, sebab ini adalah kehendak DAP. DAP hendak membabitkan nama pemimpin-pemimpin negara dalam skandal BMF ini, kerana sebab itulah kita tengok beria-ia benar DAP dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasat itu untuk menghebahkan kepada masyarakat, tujuannya terselit di hati busuknya, hasrat hati mereka ini untuk melihat Kerajaan berada di dalam keadaan yang tidak sempurna, yang tidak baik.

Saya hendak sebutkan satu lagi perkara yang dibangkit-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga semalam ialah tentang pembelian travellers cheque US\$15,000 oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh. Saya hendak beritahu kepada DAP bahawa Tengku Razaleigh ini bukan miskin, papa kedana sangat, tak boleh bayar \$15,000, malahan Tengku Razaleigh keturunan Di Raja Kelantan mempunyai kedudukan yang baik sebelum dia masuk Kabinet lagi, sebelum dia menjadi sebagai seorang.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan?

Tuan Othman bin Abdul: Saya tak beri jalan. Sebelum Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh ini masuk Kabinet ini masuk Kabinet pun dia adalah ahli perniagaan, keluarganya mempunyai kompeni yang cukup kukuh pada masa itu dan hingga sekarang, takkan sebanyak \$15,000 ini dia tak ada kuasa untuk menjelaskan. Saya tak fikir, tetapi soal ini pun menjadi topik utama bagi pihak Pembangkang untuk menuntut kehendak-kehendak mereka yang tidak baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Bank Bumiputera Malaysia Berhad dalam isu ini yang tindakan-tindakan yang boleh diambil dan telah diambil sudah pun tercatat dengan jelas di dalam Kertas Putih yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu Bank Bumiputra Malaysia Berhad juga telah meminta pihak mahkamah untuk membeku lebih 100 jenis harta Lorrain Osman di negara kita ini dan juga di tempat-tempat lain yang boleh dikesan. Ini pun tidak puas hati lagi. Ini tindakan-tindakan yang telah dibuat. Sebut sama kebaikan telah kita buat, yang telah Kerajaan buat, yang telah Bank Bumiputra Malaysia Berhad buat. Kita kena timbanglah dengan baik. Kita tahu bahawa Pengurus Besar BMF di Hong Kong memang satu orang yang dapat dipersalahkan. Tetapi mengapa Pengurus Besar ini masih lagi dikekalkan sehingga sekarang? Ada muslihat, bahawa Kerajaan, Bank Bumiputra Malaysia Berhad hanya bergantung kepada individu inilah untuk mendapat keterangan-keterangan lanjut mengenai kedudukan Lorrain Osman, Hashim Shamsuddin dan juga Rais Saniman. Ini kedudukannya. Kalau kita tangkap semua sekali, maka sudah pastilah dia tidak akan bekerjasama dan kita akan kehilangan lebih banyak maklumat mengenai BMF ini, sudah pasti.

Dengan itu, sebagai pengguling, saya mengambil kesempatan sekali lagi bahawa kita semua, saya sendiri dan juga seluruh rakyat dalam negara ini, bukan hanya DAP, menganggap ini adalah suatu tragedi yang besar kepada negara. Orang-orang yang bersalah tetap akan dihukum dan tindakan-tindakan oleh pihak Kerajaan dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang sedang diambil, kita minta diteruskan. Bukan kita suruh berhenti walaupun kita menyokong Kerajaan. Kita minta suruh diteruskan. Dengar baik-baik ahli-ahli DAP. Saya juga mengatakan diteruskan, minta diteruskan. Siapa sahaja yang terlibat Laporan BMF yang setebal 13 jilid itu tidak dijadikan Kertas Perintah bagi membolehkan ahli-ahli DAP atau siapa sahaja yang terbabit namanya di dalam, untuk mengambil tindakan mahkamah. Terbuka luas, begitu adil Kerajaan ini untuk membebaskan sesiapa sahaja mengambil tindakan supaya orang-orang yang disebutkan namanya itu dapat membela diri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

4.14 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukung (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut bersamasama membahaskan Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Tanjung Karang dan dengan kesempatan ini juga saya dengan sepenuhnya menyokong Titah Ucapan Di-Raja pada 10hb Mac, 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb Mac, 1986 iaitu semalam, beberapa kejadian buruk telah berlaku di negeri Sabah. Misalnya di antara pukul 7 hingga 10 pagi sahaja, tujuh bom telah diletupkan di Kota Kinabalu, mengakibatkan beberapa orang telah mengalami kecederaan ringan. Dalam

pada itu juga perhimpunan-perhimpunan secara haram telah dilakukan di Kota Kinabalu dan Sandakan dan ada berita tidak rasmi saya terima pagi tadi bahawasanya pada malam itu juga kebakaran telah berlaku di bandar Tawau di mana sederet kedai telah musnah dijilat api. Pada tarikh yang sama juga kita ketahui mahkamah pada waktu itu dijangka akan memberi keputusan sama ada pilihanraya umum negeri diteruskan atau tidak. Kesemuanya ini berlaku dalam satu co-incident yang baik, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan kejadian meletupkan bom, ini bukanlah satu perkara yang baru di negeri Sabah. Kalau kita tinjau dahulu bilamana BERJAYA telah menewas USNO pada tahun 1976, kejadian serupa juga berlaku di Sandakan. Dan ini telah mengakibatkan beberapa nyawa telah melayang. Banyak ahli-ahli parti yang kalah telah ditangkap dan dihukum. Dan yang paling anihnya, ada di antara mereka ini pendatang-pendatang haram. Ini sudah menjadi pengetahuan umum, Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu bilamana Parti Bersatu Sabah memenangi pilihanraya pada tahun 1985 ini, sekali lagi bom-bom telah meletup di sana-sini di Kota Kinabalu. Dan pada akhir sekali iaitu pada 12hb Mac, 1986, tujuh bom telah meletup.

Dalam keadaan begini di mana terlalu banyak sekali bom yang telah diletupkan, rakyat di Sabah ingin melihat tindakan tegas diambil oleh Kerajaan untuk membawa mereka yang telah bersalah ini ke pengetahuan rakyat, dihukum seperti penjenayah-penjenayah yang lain. Rakyat juga ingin mengetahui apakah motif di sebalik bom-bom ini semenjak tahun 1976 kerap kali berlaku selepas pilihanraya. Saya rasa semua rakyat Malaysia ini mengutuk perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini, yang tidak bertamaddun dan tidak langsung

mengindahkan kedaulatan undang-undang dan mereka ini disifatkan sebagai anti-nasional.

Perhimpunan yang dilakukan di Kota Kinabalu seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar, Tuan Yang di-Pertua, diketahui oleh tokoh-tokoh politik yang lama di Sabah. Dan adalah difahamkan mereka yang terlibat dalam perhimpunan berkenaan iaitu perhimpunan secara haram itu diberi makanan dan minuman seolah-olah ini dalam suasana picnic, dengan izin. Ada juga berita mengatakan, semasa letupan bom itu terdengar oleh mereka yang terlibat dalam perhimpunan ini bertepuk sorak keriang, tidak tahu apa sebabnya. Tetapi semua ini menjadi tandatanya kepada rakyat negeri Sabah.

Dalam perjalanan mereka menuju ke rumah Tun Mustapha, mengikut laporan akhbar, mereka telah memecahkan cermin-cermin kereta, cermin-cermin kedai. Orang ini kesemuanya tidak berdosa tetapi telah menjadi mangsa dalam rusuhan berkenaan. Di samping itu, slogan-slogan yang sensitif telah juga terdengar dilaung-laungkan.

Berkenaan dengan perkara ini, banyak soalan yang saya harap akan dapat dijawab oleh pihak yang berwajib di Dewan yang mulia ini setelah mengetahui daripada laporan-laporan akhbar, mereka yang telah mengambil bahagian dalam perhimpunan ini, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka dalam rusuhan berkenaan?

Yang kedua, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan keras terhadap mereka yang meletup bom-bom ini dan seterusnya membawa mereka ke muka pengadilan supaya rakyat semua mengetahui siapa mereka? Adakah betul atau tidak terdapat pendatang-pendatang haram yang telah mengambil bahagian dalam

perhimpunan haram ini? Adakah benar atau tidak pihak berkuasa sudah mengetahui terlebih dahulu perkara ini, akan tetapi mereka hanya, kata orang, tutup sebelah mata sahaja?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Peraturan Mesyuarat 36 (8) dan (9), tidak perlu mengatakan sangkaan ataupun menyebut cara-cara pihak Kerajaan dan badan-badan yang menjalankan tugas, ada syak-wasangka yang bukan-bukan diandaikan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap jangan mengadakan pra-sangka membuat tuduhan, tohmah yang tidak berasas.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, saya menunjukkan soalan itu kerana saya ingin tahu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ingin tahu, jangan buat tuduhan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Sebab itu saya kemukakan hujah saya dalam bentuk soalan. Saya sebenarnya tidak mengetahui, begitu juga saya rasa rakyat dan orang awam di Sabah tidak mengetahui. Rakyat juga ingin mengetahui adakah letupan-letupan dan rusuhan sengaja diadakan untuk cuba mempengaruhi mahkamah yang sedang menimbang kes menghalang pilihanraya di negeri Sabah. Secara kebetulan, kes ini kes di mahkamah dan kejadian-kejadian berlaku dalam hari dan waktu yang sama. Perhimpunan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, untuk kepentingan dan kemuliaan

Dewan ini. Point of order 36 (8) dan (9) yang ditimbulkan sudah dibaca nampaknya tidak ada kena mengena.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya ialah 36 (6).

Tuan Lim Kit Siang: 36 (6) ialah bahawa "No member shall impute improper motives to any other member".

Itu tidak melarang impute improper motive kepada orang yang lain yang bukan member, tak patut melarang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa berkenaan dengan membuat tuduhan kepada sesiapa dengan tidak ada berasas itu ialah satu perbuatan yang tidak boleh dibenarkan.

Tadi saya telah pun tidak membenarkan siapa-siapa impute apa-apa improper motive, kalau sekiranya tidak ada keterangan.

Saya minta Ahli Yang Berhormat teruskan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, negara kita terbilang dan terkenal sebagai negara hukum iaitu negara yang mempunyai perlembagaan dan undang-undang. Kita juga terbilang sebagai negara demokrasi yang menghormati kuasa rakyat. Maka dengan itu kita harus bertindak tegas terhadap mereka yang mencabar kedaulatan undang-undang dan demokrasi dan kemakmuran negara kita. Kita ingin melihat tindakan tegas ke atas mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Peristiwa Memali dan Skandal BMF ialah di antara tragedi-tragedi dalam sejarah Malaysia di dalam tahun 1980an ini. Oleh itu Kertas Putih meliputi kedua-dua kejadian adalah wajar dan kena pada tempatnya.

Rakyat Malaysia sudah lama ternanti-nanti tentang tindakan tegas Kerajaan terhadap kes BMF. Ini adalah disebabkan oleh jumlah wang yang begitu besar iaitu \$2.5 billion. Kes BMF telah juga mencemarkan sedikit sebanyak nama baik Malaysia di kalangan antarabangsa dan kes ini juga telah meragut nyawa seorang wira bangsa kita Allahyarham Jalil Ibrahim.

Rakyat masih ingat lagi betapa cepatnya proses keadilan mencengkam leher mereka yang terlibat dengan kes Bank Rakyat yang hanya melibatkan tidak lebih dari \$6 juta tetapi kes BMF telah berlarutan dalam tempoh beberapa tahun dan selama ini kita hanya terdengar beberapa orang penjenayah diheret ke mahkamah. Dengan terbentangnya Kertas Putih BMF maka segala keraguan, syak wasangka rakyat tentang skandal ini kita harap akan lenyap dan di samping ini mereka yang menyalahgunakan kuasa akan dibawa ke pengadilan.

Peristiwa Memali yang berlaku pada 19hb November, 1985 telah mengejutkan negara kita. Di dalam kejadian itu 18 orang telah terkorban. Rakyat Malaysia diberitahu bahawasanya tragedi Memali ini berpunca daripada golongan-golongan pelampau agama yang mencabar kedaulatan undang-undang negara.

Kerajaan terpaksa menggunakan kekerasan untuk menegakkan keadilan yang ada. Pihak Polis terpaksa bertindak kerana mempertahankan diri. Maka dalam peristiwa itulah 18 nyawa telah melayang.

Kami di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, sempat melihat kejadian ini hanya melalui TV-RTM selama lebih kurang 25 minit. Di dalam pada itu banyak lagi soalan-soalan yang kita dengar kerana dalam 25 minit itu banyak juga keraguan-keraguan yang timbul. Peristiwa yang berlaku lebih kurang 4-6 jam mustahil dengan

sepenuhnya kita akan dapat mengetahui hanya dalam 25 minit. Boleh dikatakan semua yang mempunyai TV pada waktu itu melihat, bernafsu untuk melihat kejadian itu sebenarnya.

Di dalam pada itu ada beberapa persoalan di sini. Satu daripadanya ialah seorang wanita yang mengamuk dan apakah sebabnya beliau itu mengamuk? Adakah disebabkan oleh minum "Tonik jihad" atau barangkali anggota keluarganya ditangkap oleh Polis?

Dalam pada itu ada juga berita-berita berkenaan dengan kontroversi mati syahid Ibrahim Libya ini. Dan ada juga kita dengar cerita-cerita di luar yang saya rasa harus dijawab di Parlimen ini untuk mengikis keraguan rakyat iaitu bilamana Ibrahim Libya terkorban, semua ahli keluarganya juga turut ditangkap dan ada di antara mereka ini hairan kenapa sewaktu Botak Chin ditangkap, ahli keluarganya, kata mereka, tidak ditangkap?

Dan ada juga berita-berita angin yang saya harap di Dewan ini dapat menyelesaikan berita angin itu betul atau tidak iaitu wang wakaf yang kononnya terdapat dalam rumah saudara Ibrahim Libya ini turut lenyap selepas diserbu oleh Polis dan kesemua ini saya rasa harus dijawab di Dewan yang mulia ini supaya kewibawaan Kerajaan itu tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari Sabah menyambut baik saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawasanya kita tidak boleh menerima segala bentuk sifat amalan-amalan pelampau agama di Malaysia ini. Tragedi Memali adalah satu contoh yang baik hasil daripada tindakan pelampau agama itu. Malang sekali di Sabah pada masa ini terdapat golongan-golongan putus asa yang suka menggunakan isu agama untuk

menghasut rakyat Sabah dan mengemis belas kasihan dari pemimpin-pemimpin kita. Contoh yang paling baru sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah bilamana pertukaran biasa pegawai-pegawai Kerajaan disifatkan oleh mereka ini sebagai satu penindasan terhadap orang-orang Islam di sana.

Adakah kita boleh berdiam diri mereka itu mengungkit-ungkit di kalayak ramai isu-isu sensitif? Kita harap Kerajaan bertindak tegas dalam hal ini sebelum peristiwa keji berlaku di bumi Sabah.

Pada hemat saya perbahasan di Dewan yang mulia ini tentang Memali dan BMF adalah penghargaan Kerajaan terhadap kuasa rakyat yang selama ini ingin melihat tindakan tegas Kerajaan terhadap sebarang penyelewengan dan salahguna kuasa oleh anasir-anasir anti nasional. Rakyat dan Kerajaan tidak membenarkan sesiapa juga yang menggugat keamanan dan kestabilan negara yang ditegakkan atas kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.

Di samping itu rakyat dan juga Kerajaan tidak dapat menerima gejala-gejala yang melampau batas undang-undang negara dan amalan demokrasi berparlimen di negara kita. Atas dasar inilah kami di Sabah mengalu-alukan pembentangan Kertas Putih BMF dan Memali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlas saya berani mengatakan di sini terdapat beberapa kejadian di Sabah yang lebih serius lagi implikasinya daripada Memali dan kes Skandal BMF. Satu daripadanya ialah peristiwa yang berlaku pada 22hb April, 1985 jam 2.30 pagi di Istana Negeri Sabah.

Ini adalah ekoran daripada setelah rakyat negeri Sabah memberi mandat melalui peti undi kepada sebuah parti

baru. Pihak yang kalah telah mengisytiharkan diri mereka menang di Istana pada 22hb April, 1985. Semua rakyat Malaysia yang taat setia kepada Negara dan Raja tidak ingin melihat kedaulatan kuasa rakyat melalui pilihanraya dicabuli. Kita tidak dapat menerima mereka yang tidak langsung mengindahkan kedaulatan perlembagaan dan undang-undang negara. Kita juga tidak dapat membiarkan anasir-anasir anti nasional secara terang-terang di hadapan mata kita membunuh dasar demokrasi berparlimen di negara kita Malaysia. Malang sekali mereka yang mencabar warisan demokrasi dan perundangan negara kita masih bergerak bebas, dan ini telah mengakibatkan seolah-olah kita mengamalkan cara talam dua muka dalam azam kita mengamalkan demokrasi tulin di bumi Malaysia ini. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pelakon-pelakon utama dalam peristiwa rampas kuasa telah dapat berselindung di bawah perundangan dan keadilan kita.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun, hendak beri jalan!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: On a point of order, ya.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak menyebelah ke mana-mana, tetapi saya suka mengingatkan Dewan, kalau tidak silap saya, soal yang di dalam perbincangan mahkamah tidak boleh dibahaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju, saya agak-agak hendak memberhentikan Yang Berhormat berucap mengenai perkara-perkara

itu. Perkara itu janganlah diucapkan dengan kerana ialah *sub judice*.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membahas berkenaan dengan kesahihan Ketua Menteri itu di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat berkata yang membuat itu ialah yang salah makna kata dia tidak patut menjadi apa-apa dalam negeri Sabah. Jadi itu adalah soal atau isu dalam mahkamah. Saya minta Yang Berhormat bercakap perkara lain pula.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Pada masa ini golongan yang menegakkan kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan serta golongan yang mendapat mandat melalui kuasa rakyat di Sabah sedang terkepong kerana menegakkan demokrasi tulen di Sabah. Di saat begini mereka tidak dapat berpaling kepada sesiapa jua untuk bantuan, hanya Allah menerusi 400,000 pengundi-pengundi negeri Sabah yang dapat menentukan keadaan seterusnya, tetapi daripada kejadian di Filipina, Tuan Yang di-Pertua, kuasa rakyat pasti akan kembali berkuasa—insya Allah.

Selain daripada itu ada beberapa persoalan-persoalan juga yang pada masa ini sedang hangat diperbincangkan di negeri Sabah, di mana rakyat Sabah juga ingin mengetahui keadaannya iaitu berkenaan dengan beberapa peristiwa-peristiwa yang berlaku ekoran daripada pilihanraya umum tahun 1985. Rakyat ingin mengetahui siapakah sebenarnya yang telah melakukan pembakaran ke atas masjid-masjid di negeri Sabah yang telah dilaporkan. Sampai hari ini belum ada jawapan kepada soalan ini. Demikian juga siapakah yang bertanggungjawab, yang memalitkan najis di dalam masjid di Tambunan. Sampai hari ini belum ada jawapan

yang kita ketahui daripada pihak polis. Sebab itu saya bagi pihak rakyat Sabah ingin mengetahui siapa sebenarnya pelakon-pelakon yang telah melakukan perbuatan yang keji ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong segala tindakan Kerajaan yang berpandukan undang-undang dan keadilan dan dengan harapan kita akan membina negara ini ke arah keamanan, kemakmuran dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Lambir.

4.35 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas Titah Ucapan Baginda ketika membuka mesyuarat Dewan Rakyat bagi Penggal Keempat, Parlimen Keenam yang berlangsung pada 10hb Mac, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mempunyai erti dan makna yang paling tepat. Titah Ucapan Baginda sangat menitikberatkan betapa pentingnya kestabilan politik, keharmonian, keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat. Baginda telah juga menyentuh pentingnya untuk mengamalkan satu sikap sederhana dalam segala hal termasuk perkara-perkara politik, sosio ekonomi, keagamaan dan lain-lain lagi. Pada saya Titah Ucapan Duli

Yang Maha Mulia sepatutnya menjadi panduan kepada semua golongan di negara kita sama ada ahli politik termasuk parti-parti pembangkang mahupun kepada pegawai Kerajaan dan juga rakyat jelata dalam usaha kita untuk membangunkan negara ini supaya kita semua hidup dalam keadaan kesempurnaan dan kemakmuran. Tanggungjawab memajukan dan membangunkan negara adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Baginda ada juga menyentuh beberapa aspek ekonomi dan pembangunan negara kita. Ini adalah tepat pada masanya ini memandangkan kita sedang menghadapi kemerosotan ekonomi yang boleh dianggap serius. Harga barangan utama kita khususnya bijih timah, minyak kelapa sawit, kayu balak dan baru-baru ini minyak mentah juga telah jatuh ke paras yang amat rendah sekali. Kesan susulan kejatuhan harga barangan utama kita telah mengakibatkan beberapa masalah sosio ekonomi yang besar. Kadar pengangguran telah meningkat dan bilangan syarikat-syarikat yang digelar bankrupt atau tutup sendirinya makin meningkat.

Sejak 12 bulan yang lalu saya difahamkan bahawa lebih 50,000 pekerja telah diberhentikan kerja. Mengikut ahli-ahli ekonomi, kadar pengangguran jika diteruskan akan meningkat sehingga lebih 10% dan kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangka pada tahun ini adalah kurang daripada 3% sahaja. Keadaan begini memanglah amat kurang memuaskan dan memerlukan tindakan positif dengan segera walaupun keadaan ini adalah akibat kemelesetan ekonomi dunia. Jadi soalnya sekarang ialah apakah langkah-langkah konkrit yang boleh diambil untuk mengawal (check) keadaan tersebut dan bagaimanakah kita boleh mempergiatkan ekonomi negara kita. Adalah sangat perlu bagi

kita untuk menganalisa dan mengkaji semula Struktur ekonomi kita dan menggubalkan pendekatan-pendekatan baru yang boleh mempelbagaikan serta mempertingkatkan paras pengeluaran dan kecekapan di kedua-dua sektor, swasta dan awam, supaya pertumbuhan ekonomi kita dapat dipertingkatkan semula.

Untuk mencapai tujuan ini, saya berpendapat bahawa kita memerlukan satu dasar ekonomi domestic yang lebih liberal. Kalau kita cuba meneliti syarat-syarat yang dikenakan sebelum orang perseorangan atau syarikat boleh mendapati sesuatu lesen permit, kita boleh dapati bahawa kadangkala dikehendaki memenuhi macam-macam syarat dan juga mengisi berbagai jenis borang. Kadangkala juga terdapat syarat-syarat yang dibuat secara administrative dan kurang pragmatik.

Saya ingin mengambil satu kes yang mudah atau simple case, sebagai satu misalan. Bagi permit pengangkutan jenis private carrier ada dikenakan syarat bahawa ia tidak boleh digunakan untuk mengangkat batu-bata dan sebagainya. Adakah syarat ini praktikal jika seorang kontraktor kecil hanya mampu mempunyai sebuah trak? Adakah traknya itu tidak boleh digunakan untuk mengangkat lain-lain barangan yang ada kaitan rapat dengan perniagaannya. Dengan syarat-syarat terhad tersebut trucknya adalah, dengan izin, under utilized and economically not viable. Memanglah wajar kita memerlukan syarat tertentu bagi sesuatu lesen atau permit sebagai mengawal atau mengontrol tetapi ini tidak bermakna bahawa melalui proses pentadbiran berbagai-bagai syarat dikenakan semata-mata atas sebab maksud pentadbiran tanpa mengira sama ada praktikal atau tidak atau bercanggah dengan objektif-objektif dasar asalnya.

Akibat terlampau banyak syarat yang tidak diperlukan adalah sangat buruk kerana terlampau banyak kawalan birokratik akan menimbulkan red tape dan red tape boleh menyebabkan, dengan izin, a vicious circle iaitu ketidak kecekapan akan berlaku dan ini juga akan menyebabkan pengeluaran yang rendah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa satu arahan rasmi dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri kepada semua Kementerian, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk mengkaji semula segala butir-butir borang-borang dan lesen-lesen atau permit-permit yang dikeluarkan oleh mereka untuk menentukan bahawa syarat-syarat yang tidak perlu atau kurang sesuai atau bertentangan dengan dasar menggalakkan pertumbuhan ekonomi haruslah diubahsuai atau dibatalkan.

Untuk menentukan bahawa red tape akan dikurangkan ke paras yang paling minima, arahan haruslah juga diberi kepada Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan lain-lain agensi Kerajaan untuk membuat keputusan atas permohonan atau permintaan dalam satu jangka masa tertentu dan jawapan harus disampaikan dan satu tempoh ditetapkan. Misalnya dalam tempoh satu atau dua minggu. Setiap Kementerian haruslah juga monitor prestasi jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di bawah jagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi negara kita pada tahun lepas dan sekarang telah jatuh ke paras yang paling rendah dan setakat ini masih tiada tanda yang boleh menunjukkan bilakah ekonomi kita akan pulih semula. Adalah perlu bahawa adjustment dibuat atas strategi Dasar Ekonomi Baru. Semasa Dasar Ekonomi Baru digubal dia adalah dibuat dengan anggapan optimistik

bahawa ekonomi kita akan tumbuh dengan kadar yang tinggi. Oleh kerana ekonomi sekarang telah bertambah merosot, maka apa yang penting sekali ketika ini ialah, dengan izin, finding a cure for the present economic slump. Jadi perlulah bagi kita mencari jalan-jalan untuk menggalakkan ekonomi kita bertumbuh dan apa-apa dasar yang counter productive atau menghalang pertumbuhan perlulah dielakkan.

Tujuan utama ialah kita harus berusaha sedaya upaya untuk memperbesarkan kek ekonomi (economic cake) kita. Untuk menjayakan usaha ini perlulah pihak Kerajaan mengadakan segala dasar yang conducive, liberal dan menggalakkan kepada para pengusaha dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar penswastaaan dan Pandang ke Timur, terdapat berbagai projek besar yang telah dan sedang dijalankan dan kebanyakan projek besar yang berongkos berpuluh-puluh dan beratus-ratus juta ringgit adalah diberi kepada kontraktor asing. Tujuannya untuk mendapatkan perpindahan teknologi memanglah menarik dari segi teori tetapi secara praktik adakah kita benar-benar mencapai objektif tersebut. Pada pendapat saya, kita perlu mengkaji dan menilai apakah sebenarnya faedah yang kita perolehi di sisi berjuta-juta ringgit yang telah dikeluarkan ke tangan kontraktor asing secara langsung atau tidak langsung.

Dari segi industri berat, ingin saya menyentuh satu bidang di mana banyak terlibat pengusaha asing, iaitu bidang petroleum dan gas. Kita memang sedar bahawa negara kita amat kurang kepakaran dalam bidang tersebut dan kebanyakan kerja-kerja berat misalnya kerja fabrication, oil rigs, drilling dan sebagainya adalah dibuat oleh para kontraktor luar negeri. Tetapi ini tidak seharusnya

dianggap bahawa semua kerja dan pembekalan alat-alat dan bahan-bahan binaan boleh juga diimport secara langsung dari luar negeri jika ia boleh didapati dari negara kita ataupun melalui pengusaha tempatan atau usahasama dengan pelabur asing.

Adalah difahamkan bahawa kadang kala "screw, bolt and nuts", dengan izin, juga diimport secara langsung dari negara mereka. Untuk menentukan bahawa negara kita dan pengusaha dan pelabur tempatan akan menikmati hasil dari industri petroleum dan gas, PETRONAS haruslah menentukan dalam segala kontrak yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor asing bahawa mereka mestilah membeli segala bahan alat dan sebagainya di negara kita, kecuali jika tidak boleh didapati di sini. Mereka juga harus mengambil orang-orang tempatan untuk bekerja dengan mereka kecuali kerja-kerja yang memerlukan kemahiran tinggi yang tidak ada orang tempatan yang boleh mengerjakannya.

Adalah mustahak bagi PETRONAS untuk sentiasa monitor, meninjau dan mengkaji dari masa ke semasa jenis-jenis kerja yang boleh dijalankan oleh pemborong dan pembekal tempatan supaya mereka akan benar-benar mencuba diri dalam industri tersebut. Bagi kontrak yang besar, ia harus dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil yang boleh supaya kontraktor tempatan boleh mengambil bahagian.

Satu lagi langkah yang ingin saya cadangkan ialah PETRONAS harus menasihatkan syarikat-syarikat asing menubuhkan syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan. Dalam perkembangan tender besar, keutamaan haruslah diberi kepada syarikat asing yang mempunyai usaha perjanjian sama dengan syarikat-syarikat tempatan. Dengan cara ini adalah diharapkan bahawa peringkat

demi peringkat orang tempatan dapat mengambil alih kerja daripada orang asing.

Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia di bahagian teknikal dan kemahiran bagi industri gas dan minyak di Sarawak dan Sabah, saya suka mengesyorkan bahawa sebuah sekolah vokesyenal khas ditubuhkan di Miri bagi maksud tersebut. Adalah dicadangkan sekolah vokesyenal itu dilaksanakan secara usahasama di antara Kerajaan, PETRONAS dan Shell. Mungkin sekolah vokesyenal Kerajaan Miri boleh diubahsuaikan serta dipertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan untuk maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah yang patut diambil untuk mempergiatkan ekonomi negara kita ialah dengan mencari pasaran baru di dunia kedua dan ketiga. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian haruslah menggalakkan peniaga-peniaga Malaysia mencari pasaran baru bagi eksport barangan utama dan pembuatan, misalnya di negeri China, India, Pakistan dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, ingin saya mengesyorkan bahawa peniaga-peniaga Malaysia yang ada perdagangan dengan negeri China haruslah dibenarkan membuat lawatan perniagaan ke negeri China dengan bebas.

Sebagaimana kita sedia maklum, negeri China mempunyai potensi pasaran bagi berbagai barangan yang besar. Sebagai satu langkah untuk membolehkan peniaga-peniaga kita berniaga dengan negeri China dengan lebih licin, ingin saya cadangkan bahawa keperluan memohon AP atau Approved Permit dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi masalah yang sedang dihadapi mengenai kecekapan dan produktiviti khasnya di sektor pembuatan dan

industri ialah kekurangan pekerja-pekerja mahir, teknik dan separuh iktisas. Memanglah tidak boleh dinafikan bahawa kemudahan-kemudahan pelajaran dan latihan Kerajaan bagi maksud tersebut masih banyak kekurangan. Jadi, bagaimana masalah ini boleh dikurangkan jika tidak dapat diatasi.

Pada saya salah satu langkah berkesan ialah melalui sektor swasta sendiri. Kerajaan boleh menggalakkan sekolah-sekolah dan institusi swasta menganjurkan berbagai kursus yang selaras dengan objektif keperluan tenaga manusia negara.

Kini terdapat lebih kurang 100 buah sekolah swasta di seluruh negara dan ada yang telah pun ditubuhkan lebih 30 tahun. Mereka telah pun memainkan peranan yang penting untuk menyumbangkan tenaga terlatih. Banyak di antara sekolah ini telah pun mengadakan berbagai kursus separuh vokasional atau separuh profesional. Misalnya kursus akaun, komputer sains, kesetiausahaan, elektronik dan sebagainya. Ada yang juga sedang menjalani kursus-kursus secara gabungan (affiliation) dengan institusi pelajaran tinggi luar negeri yang kelayakannya adalah diiktirafkan oleh Kerajaan.

Melalui kursus yang demikian ramai pelajar-pelajar tempatan yang tidak berkeupayaan melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri dapat juga memperolehi kelayakan yang setaraf. Ini adalah salah satu aspeknya di mana sekolah-sekolah menengah swasta tempatan boleh memberi sumbangan dan faedah yang lebih besar lagi dari segi pelajaran dan pengeluaran tenaga manusia terlatih. Secara langsung atau tidak langsung sekolah-sekolah swasta begini juga menolong negara kita, dengan izin, save some foreign exchange atas perbelanjaan pelajaran tinggi dan vokasional.

Memandangkan peranan positif yang telah dan sedang dimainkan oleh sekolah-sekolah menengah swasta untuk, dengan izin, complement and supplement usaha Kerajaan menambah keperluan pelajaran dalam negara kita. Ingin saya cadangkan di sini bahawa adalah wajar mereka diberi bantuan kewangan berdasarkan projek demi projek. Dengan bantuan kewangan saya yakin bahawa kemudahan-kemudahan pelajaran dan taraf prestasi dapat dipertingkatkan demi kepentingan pelajar-pelajar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua pun sedar dan setuju bahawa pelajaran adalah satu perkara yang amat penting dan perlu diberi perhatian berat. Tahap pembangunan kita ada juga kaitan rapat dengan taraf dan kadar pembelajaran di kalangan rakyat.

Sehubungan dengan perkara pelajaran, ingin saya mengambil kesempatan ini menyentuh tentang masalah kekurangan guru terlatih bagi sekolah menengah dan rendah di negeri Sarawak. Mengikut senarai.

Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat tak terlupa bahawa kita dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya dengar hampir-hampir macam ucapan Belanjawan. Sila teruskan. Terima kasih.

Dr George Chan Hon Nam: Terima kasih. Mengikut Senarai Perjawatan 1986 bagi Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, bilangan jawatan guru yang diluluskan ialah 1,420 bagi guru siswazah, 3,518 bagi guru bukan siswazah. Bagi guru siswazah hanya 956 jawatan diisi dan dari angka ini seramai 376 adalah dari Semenanjung Malaysia. Jadi, bilangan kekurangan

guru siswazah pada tahun ini ialah 464. Di peringkat sekolah rendah seramai 10,721 jawatan guru diluluskan pada tahun ini dan bilangan jawatan yang telah diisi dengan guru terlatih ialah 7,782. Dari jumlah guru terlatih tersebut, 941 orang adalah guru terlatih dari Semenanjung Malaysia. Jadi, bilangan kekurangan bagi guru terlatih di peringkat sekolah rendah ialah 2,939.

Satu lagi masalah berhubung dengan sekolah rendah ialah guru-guru terlatih enggan mengajar di kawasan-kawasan hulu atau terpencil yang amat kekurangan kemudahan penginapan, perubatan, perhubungan dan sebagainya. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, ingin saya mengesyorkan bahawa guru-guru siswazah yang tidak terlatih baik dari universiti tempatan mahupun dari universiti luar negeri yang diiktirafkan dan telah menunjuk minat untuk mengajar haruslah diberi kesempatan untuk mengikuti kursus diploma pendidikan di universiti-universiti tempatan atau luar negeri untuk membolehkan lebih ramai guru mengikuti kursus diploma pendidikan.

Bagi guru tidak terlatih dari Sarawak suka saya cadangkan bahawa keutamaan diberi kepada mereka. Jika tempatnya tidak cukup, mungkin Universiti Pertanian Cawangan Sarawak harus diminta mengadakan kursus tersebut juga. Jika ini tidak mencukupi adalah dicadangkan bahawa kebenaran diberi untuk kursus tersebut dijalankan secara luar kampus.

Untuk mengatasi kekurangan guru di peringkat sekolah rendah yang begitu besar bilangannya adalah dicadangkan bahawa tempat-tempat bagi latihan guru di ketiga-tiga maktab perguruan di Sarawak haruslah ditambah. Bilangan pelatih dari Sarawak diambil untuk memasuki maktab-maktab perguruan di

Semenanjung Malaysia perlu juga ditambah. Bilangan biasiswa atau pinjaman belajar yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelajar-pelajar dari Sarawak mengikuti kursus ijazah dengan pendidikan haruslah ditambah juga. Sebagai insentif bagi guru-guru terlatih berkhidmat di kawasan-kawasan hulu atau terpencil, mereka patutlah diberi satu elaun khas seperti, dengan izin, hardship allowance.

Tuan Yang di-Pertua, hal ekonomi adalah juga kaitan rapat dengan hal bank dan sistem bank kita. Ramai penduduk menyimpan wang mereka di bank-bank atau syarikat kewangan kerana ini adalah dianggap sebagai cara yang paling selamat untuk menyimpan wang. Tetapi sejak tahun lepas ada yang khuatir dan seolah-olah ada benar-benarlah selamat menyimpan wang di institusi kewangan kerana beberapa peristiwa berhubung dengan bank dan syarikat kewangan telah berlaku. Salah satu daripadanya ialah skandal Bumiputra Kewangan Malaysia atau BMF yang telah dapat perhatian yang berat bukan sahaja daripada orang ramai tempatan tetapi juga masyarakat perniagaan di peringkat antarabangsa. Adalah penting bahawa sistem bank dan bank-bank di negara ini mendapat keyakinan penuh bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi sama juga pentingnya di peringkat antarabangsa. Jika kita mengkaji dan membuat analisa mendalam, bank-bank menghadapi masalah kerana mereka telah memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggan yang tidak mampu membayar balik. Apabila ini berlaku pegawai-pegawai bank berkenaan telah membuat keputusan salah atas viability sesuatu projek yang diberi pinjaman; jika tidak, ada kemungkinan bahawa pegawai-pegawai bank atau pengarah yang telah memberi pinjaman kepada sahabat handai dan saudara mara ada menerima kickbacks atau lain favours

daripada pelanggan-pelanggan, walaupun mereka sedar dan tahu bahawa pinjaman itu tidak berpatutan atau apa yang digelar bad loans.

Sekarang Dewan yang mulia ini telah pun menerima Laporan kes BMF. Setelah membaca dan meneliti Laporan ini apa yang penting ialah kita tidak berhenti di sini sahaja. Laporan ini sudah membuka rintis supaya tindakan susulan diambil. Jelaslah bahawa ada kesalahan yang berlaku dan tindakan mahkamah mestilah diambil terhadap semua pesalah yang terlibat dalam skandal tersebut di mana rakyat Malaysia telah rugi kira-kira \$2.5 billion. Ini adalah satu ajaran yang amat mahal. Jadi, apa yang rakyat ingin melihat ialah keadilan dilakukan iaitu, dengan izin, "justice must be done" supaya peristiwa buruk ini tidak akan berlaku dalam sejarah bank negara ini dan keyakinan penuh rakyat dan masyarakat perniagaan antarabangsa terhadap sistem bank kita akan dikekalkan.

Selain daripada itu adalah mustahak juga bahawa semua undang-undang dan peraturan berhubung dengan amalan bank dan syarikat kewangan perlu dikaji semula dan di mana terdapat kelemahan (loophole) perlulah dibetulkan, misalnya, terhadap rasuah, penerimaan kickbacks, salah penggunaan kuasa, ketidakbetulan mengurus atau mismanagement dan sebagainya. Bank Negara harus monitor dan mengawasi kegiatan-kegiatan dan urusan bank-bank commercial dan syarikat-syarikat kewangan dengan lebih ketat dan mengambil tindakan sewajarnya jika didapati apa-apa penyelewengan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara bank, izinkan saya mengemukakan tentang kadar faedah pinjaman perumahan. Sebagaimana kita sedia maklum, kadar pinjaman asas (base landing rate) telah pun turun

dengan 1.25% dan kadar faedah Simpanan Tetap telah pun turun. Oleh yang demikian, pinjaman perumahan harus juga turun dengan kadar yang sama dengan base landing rate. Tetapi ini tidak berlaku. Sebaliknya apabila base landing rate naik, kadar faedah pinjaman perumahan juga naik dengan kadar yang sama secara automatic. Apabila kita membaca perjanjian pinjaman, ia mempunyai peruntukan yang menyatakan bahawa syarikat kewangan atau bank, jika perjanjian dengan bank, boleh mengubah kadar faedah dari semasa ke semasa. Sebenarnya apa yang diertikan dengan perkataan "boleh mengubah" ialah kenaikan kadar faedah dan bukan turun daripada kadar asal. Memandangkan kadar faedah bank sekarang penguasa-penguasa kewangan (financial authorities) patut mengambil tindakan sewajarnya supaya faedah yang dinikmati oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dengan kadar faedah rendah duit simpanan, haruslah dinikmati oleh para peminjam perumahan dengan secepat mungkin. Ini juga adalah selaras dengan tujuan Kerajaan menggalakkan serta mempergiatkan industri perumahan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan untuk membina 50,000 buah rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 hingga 1988, adalah satu langkah yang positif untuk benar-benar mengatasi masalah perumahan di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Rancangan ini memang baik dari prinsipnya tetapi apa yang lebih penting lagi ialah dari segi pelaksanaannya. Kita mungkin bertanya, apakah sebenarnya dengan erti "rumah kos rendah"? Adakah harga rumah yang dikatakan "kos rendah" itu benar-benar kos rendah? Apakah kadar peratusan orang berpendapatan rendah yang berkeupayaan membelinya? Jadi apa yang penting dalam pelaksanaan rancangan tersebut ialah harga-harga

rumah kos rendah itu semestinya benar-benar kos rendah supaya orang-orang berpendapatan rendah berkeupayaan membelinya. Pada pendapat saya, harga-harga rumah kos rendah sekarang masih di paras yang dianggap tinggi khususnya di negeri Sarawak kerana sebilangan besar dari golongan berpendapatan rendah tidak mampu membelinya. Saya berharap teknik-teknik pembinaan baru, bahan-bahan pembinaan baru dan cara-cara lain dicari untuk menurunkan lagi harga rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembinaan rumah kos rendah, saya berpendapat bahawa membina infrastruktur-infrastruktur di tempat-tempat yang benar-benar perlu adalah juga salah satu lagi cara yang boleh menambah pekerjaan. Pembinaan infrastruktur seperti jalan-jalan yang menghubungkan kawasan-kawasan pembangunan, bekalan elektrik dan air, selain daripada menambah keperluan pekerjaan, akan juga menaikkan taraf kehidupan dan membawa faedah-faedah "spin-off". Dimana terdapat infrastruktur lengkap, kegiatan-kegiatan ekonomi tetap akan dipergiatkan, misalnya penubuhan industri-industri kecil, pembukaan tanah-tanah pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedar negara kita kini bukan sahaja menghadapi masalah ekonomi, beberapa masalah politik dan sosial juga telah berlaku. Beberapa peristiwa yang kurang sihat dan buruk telah berlaku dalam tempoh satu dua tahun baru-baru ini, misalnya masalah parti-parti politik dan kepimpinan, masalah di Sabah, masalah pelampau, masalah pengangguran, pertambahan kes-kes jenayah dan sebagainya.

Di sini ingin saya merujuk kepada satu peristiwa yang sangat dahsyat dan amat menyedihkan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan. Peristiwa itu

ialah peristiwa Memali yang Kertas Putihnya telah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Adalah jelas bahawa peristiwa itu telah berlaku kerana kegiatan-kegiatan keagamaan yang melampau dan fanatik. Ini adalah satu dengan izin, sad and painful lesson.

Peristiwa ini telah menggambarkan apakah akibat buruk jika kegiatan-kegiatan melampau dibenarkan dan tidak dikawal dalam negara kita. Kita boleh memperhatikan bahawa pelampau-pelampau atau extremist sama ada pelampau agama atau kaum adalah sangat merbahaya kerana kegiatan-kegiatan pelampau mereka berbagai-bagai masalah yang timbul. Mereka boleh digelar pembuat masalah atau dengan izin problem manufacturers.

Memandangkan masalah extremism adalah satu masalah yang sangat serius, ingin saya mencadangkan bahawa sebuah pasukan petugas ditubuhkan untuk monitor dan mengawal kegiatan-kegiatan pelampau dan membuat kajian dan penyelidikan atas punca-punca masalah tersebut dan bagaimana ia boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berbagai masalah yang negara kita sedang hadapi sepertimana yang saya sebutkan tadi adalah amat penting sekali bahawa perhatian berat serta langkah-langkah positif diambil dengan segera untuk mengatasinya.

Pada pendapat saya satu langkah yang berkesan dalam jangka masa panjang ialah semua pemimpin mesti bekerjasama dengan ikhlasnya untuk memperkukuhkan semangat muhibbah, kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat. Satu elemen yang amat mustahak bagi perpaduan ialah semua lapisan masyarakat mestilah mengangap diri sendiri sebagai ahli dalam sebuah keluarga yang sama iaitu keluarga Malaysia yang mana semua

ahli boleh menikmati hal yang sama sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai tanggungjawab yang sama.

Keadaan sekarang lebih-lebih lagi memerlukan rakyat bersatu padu, bekerjasama, persefahaman dan berusaha sebagai satu pasukan supaya segala cabaran yang kita sedang hadapi itu dapat diatasi dengan jayanya demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya sekali lagi saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jasin.

5.13 ptg.

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian bercakap di dalam perbahasan di Dewan ini di atas empat tajuk. Yang pertama, berkenaan dengan ekonomi, yang kedua berkenaan dengan Kertas Putih Memali dan ketiga BMF dan juga sedikit mengenai dasar luar negeri.

Berkenaan dengan ekonomi dalam negeri, saya suka bercakap berkenaan dengan perjalanan bank. Yang kedua, berkenaan dengan cadangan saya menubuhkan undang-undang insentif kemajuan binaan luar negeri atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, "foreign construction development incentive laws".

Yang ketiga, cadangan saya yang satu lagi berkenaan dengan Skim Pinjaman Pegawai Eksekutif Eksport

atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, "Executive Export Officers Loan Scheme".

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan berlaku di mana-mana sahaja, baik negara maju atau sedang membangun semuanya tidak terlepas dari fenomena ini. Berbagai andaian mengenai sebab akibat masalah kemelesetan ini cuba dirumus oleh pakar-pakar ekonomi dunia tetapi sehingga hari ini tidak ada satu pun teori yang boleh menjamin serta memberi nafas baru ke arah pemulihan yang berbentuk gradual atau consistent. Oleh yang demikian masing-masing negara terpaksa merumuskan pendekatan tertentu mengikut cita-rasa dan keadaan yang sesuai dengan keadaan di sekelilingnya masing-masing. Ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya dan terpaksa terus-menerus menanggung beban hutang dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan ekonominya masing-masing.

Kita beruntung dan berterima kasih kerana sejak dari datangnya penyakit kemelesetan ekonomi ini yang melanda seluruh dunia, beberapa strategi telah kita susun sebagai langkah berjaga-jaga yang dibuat oleh Kerajaan. Dalam keadaan berjaga-jaga ini juga kita terjebak kerana tidak menyangka bahawa kesan kemelesetan akan berlarutan begitu panjang.

Bagaimanapun bersyukur Alhamdulillah berkat ketegasan Kerajaan, masalah yang kita hadapi ini masih dapat kita kawal, dan ini tidak semestinya membuat kita rasa contented atau berpuas hati. Kita mesti terus berhati-hati untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang mungkin menimpa dunia yang lebih buruk lagi.

Kemelesetan ekonomi dunia sekarang harus kita lihat secara positif. Tidak guna kita untuk mengeluh panjang dengan peristiwa ini. Kesal dengan keadaan dan menyalahkan keadaan tidak akan membawa kita ke

mana-mana. Kita mesti membuat sesuatu yang bermanfaat, bila kita menghadapi sesuatu keadaan. Kita mesti tanamkan semangat mahu terus maju dalam apa juga keadaan. Keadaan boleh diubah selagi manusia itu mahu mengubahnya. Tetapi jika semangat untuk mengubah sudah mati maka perubahan tidak akan berlaku. Kita mesti bersikap positif dan setiap individu serta unit masyarakat mestilah bersikap demikian juga. Sama-sama mahu terus maju dan memperbaiki keadaan. Dalam hubungan ini sektor awam dan swasta mestilah melihat keadaan yang menimpa negara sekarang ini sebagai satu pengajaran ataupun pengalaman.

Saya kira dalam keadaan semua negara terpaksa berhati-hati dan berjaga-jaga adalah merupakan pejuang baik bagi kita untuk melihat kegiatan atau aktiviti kita dari dalam sementara menanti masa pemulihan ekonomi itu. Maksud saya dalam keadaan ekonomi meleset ini adalah lebih baik bagi kita cuba melihat dari dalam segala kegiatan kita baik dalam bentuk struktur organisasi, kecekapan produktiviti ataupun penagihan tenaga kerja. Sekarang adalah masa yang paling sesuai bagi kita untuk melihat segala kegiatan kita dari dalam. Membaiki segala kelemahan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan kita.

Pada fikiran saya sekaranglah masa yang paling baik bagi kita mengkaji semua dasar dan sistem-sistem yang ada sebagai usaha untuk menghadapi cabaran yang lebih besar apabila ekonomi dunia pulih kelak. Langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan produktiviti sektor awam harus diikuti pula oleh sektor swasta kerana kejayaan negara serta kemakmurannya adalah saling gantung bergantung di antara kedua-dua sektor ini. Pendek kata pendekatan nilai Malaysian Incorporated harus dilaksanakan bersungguh-sungguh

oleh kedua-dua belah pihak demi untuk menjayakan lagi penyertaan kita di pasaran antarabangsa.

Di sini ingin saya menyentuh satu dua perkara sebagai usaha to look inward iaitu melihat ke dalam sistem perekonomian kita yang mungkin boleh memberi faedah kepada kita semua, terutama sekali dalam sektor banking.

Saya rasa ada beberapa perkara yang boleh diperkenalkan selain daripada kemudahan-kemudahan baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Kita tahu bank merupakan salah satu institusi terpenting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, segala sistem dan kemudahan yang diperkenalkan oleh institusi-institusi ini boleh menentukan tahap pertumbuhan yang positif atau negatif.

Perkara yang saya maksudkan itu ialah:

- (1) Sebagai sebuah institusi perdagangan di mana kegiatannya adalah bergantung kepada sumber simpanan awam, maka satu bentuk jaminan yang boleh memberi kepercayaan kepada orang ramai perlu dirangka. Di sini ingin saya mencadangkan supaya satu sekim insurans untuk bank ditubuhkan dan ia bolehlah dikenali sebagai National Bankers Insurance Scheme. Baru sebentar tadi sahabat saya bercakap di sebelah sana menerangkan tentang kepercayaan rakyat kepada banking yang ada di tanahair kita pada hari ini. Dengan adanya sekim yang saya cadangkan, iaitu National Bankers Insurance Scheme yang menjamin keselamatan wang mereka dalam bank, mungkin akan menambahkan

kepercayaan rakyat kepada bank-bank dalam negeri kita ini. Tujuannya ialah untuk melindungi mana-mana bank yang menghadapi masalah kecairan atau insolvency tidak dapat menunaikan hutang bagi kepentingan para pelabur atau penyimpan yang membuka akaun dengan bank yang berkenaan. Dengan keadaan demikian iaitu berasaskan kepada satu sekim yang boleh memberi jaminan kepada bank, akan membuat orang ramai lebih percaya dan yakin dengan semua institusi bank di negara ini.

- (2) Bank-bank hendaklah menubuhkan lebih banyak cawangan-cawangannya di kawasan-kawasan luar bandar. Walaupun perkara itu telah selalu dibangkitkan di dalam Dewan ini ataupun juga di luar Dewan, tetapi nampaknya sambutan masih lagi belum memuaskan di mana kedapatan terlampau banyak bank di dalam bandar jika dibandingkan dengan bank-bank yang ditubuhkan di luar bandar. Ini akan membolehkan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh bank di samping menggunakan institusi ini sebagai tempat untuk menyimpan wang mereka masing-masing.
- (3) Satu aspek yang tidak kurang pentingnya ialah memajukan pengusaha-pengusaha sederhana dan kecil mendapat pinjaman memakan masa yang terlalu lama. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Bank menubuhkan satu bahagian khusus untuk memproses pinjaman bagi

peniaga-peniaga di peringkat pertengahan dan kecil dan untuk membolehkan pinjaman itu dikeluarkan dengan sertamerta, katakanlah dalam tempoh 48 jam ataupun selewat-lewatnya 1 minggu. Sektor perniagaan di peringkat ini punya potensi yang baik dan peranannya dalam mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara juga tidak boleh diperkecilkan. Jadi di sini inginlah saya mencadangkan supaya pihak bank perdagangan mengkaji perspektif di dalam bahagian ini.

- (4) Sekarang boleh dikatakan hampir ke semua bank-bank terbesar di negara ini menggunakan kemudahan "automatic teller machine". Sesungguhnya kemudahan ini memberi faedah yang luar biasa kepada pihak pengguna kerana perkhidmatan yang diberi itu di luar waktu pejabat dan ada setengahnya pula memberi khidmat 24 jam pada satu hari. Bagi pendapat saya, perkhidmatan ini boleh diperluaskan dengan lebih licin lagi iaitu melalui National Computerised Co-ordinating System di mana inter-bank malah inter-branch boleh memindah, mengeluarkan wang tunai, menyimpan atau menyemak akaun bagi kepentingan pengguna-pengguna. Sistem ini telah pun dilaksanakan dengan jayanya di United Kingdom.
- (5) Seperkara lagi yang saya rasa cukup penting dalam industri bank ini ialah masalah Code of Ethics, dengan izin. Rasanya sudah sampai waktu dan ketikanya bagi Persatuan Bank-bank Perdagangan di negara ini merumuskan satu Code of

Professional Ethics bagi pegawai-pegawai tertinggi bank guna untuk mempertinggikan lagi tahap professionalism and the moral dalam industri bank.

Di akhir-akhir ini banyak penyalahgunaan kuasa berlaku di kalangan kakitangan-kakitangan kanan bank yang menjejaskan imej industri bank di negara ini. Perlakuan ini sedikit sebanyak telah menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan bank. Oleh yang demikian satu garis panduan yang boleh melindungi credibility bank oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab hendaklah dibentuk supaya sekiranya sesuatu angkara itu dibuat oleh kakitangan bank, ianya tidak mengakibatkan terjejasnya imej bank yang berkenaan.

Menyentuh tentang usaha Kerajaan untuk memulihkan aktiviti pasaran saham, saya kira ada beberapa perkara yang boleh dilakukan dengan membuka peluang yang lebih luas kepada pelabur-pelabur kecil dan sederhana di negara kita. Sumber kewangan dari pelabur-pelabur ini, jika dikumpulkan melalui satu bentuk pengurusan portfolio, boleh memainkan peranan bagi mengaktifkan gerakan Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Di sini ingin saya mencadangkan supaya Kerajaan membenarkan syarikat-syarikat yang menguruskan portfolio orang ramai melalui Saham Amanah dibenarkan melancarkan tabung barunya. Semenjak Amanah Saham Nasional melancarkan kegiatannya, lain-lain syarikat yang juga menjalankan kegiatan yang serupa tidak dibenarkan lagi melancarkan tabung-tabung baru. Mungkin di peringkat permulaan pelancaran ASN

tindakan ini adalah munasabah kerana tidak mahu mengelirukan orang ramai serta mahu menjayakan sekim ini ke maksimum mungkin.

Memandangkan bahawa ASN sekarang sudah mencapai matlamatnya lebih daripada yang dijangka, maka tidak ada sebab kita bekukan lain-lain syarikat Saham Amanah untuk bergerak bagi faedah bukan sahaja orang ramai malahan untuk memulihkan Pasaran Saham Kuala Lumpur itu sendiri. Saya percaya dengan membenarkan syarikat-syarikat Saham Amanah lainnya seperti Amanah Saham MARA dan lain-lain melancarkan tabung baru, ia akan memberi pilihan kepada pelabur-pelabur yang tidak melabur di dalam ASN untuk faedah mereka, sebab konsep pelaburan yang aktif hendaklah berbentuk bebas.

Tekanan pasaran (market force) adalah bergantung kepada pendekatan ini. Kerajaan Pusat, pada fikiran saya patutlah memikirkan untuk mengadakan satu undang-undang yang saya sebutkan tadi yang dinamakan Undang-undang Insentif Kemajuan Binaan Luar Negeri (Foreign Construction Development Incentives Law) dengan tujuan untuk menggalakkan dan membantu kontraktor ataupun developer dari negeri ini untuk mengambil tender antarabangsa (international tender) di luar negeri. Jika perlu, Kerajaan pada peringkat permulaan bukan sahaja menggalakkan mereka tetapi juga membantu dari segi kewangan jika sekiranya mereka mengalami kerugian dengan sesuatu bantuan yang berpatutan.

Rancangan ini jika dilaksanakan akan memberi banyak faedah:

- (1) negara akan mendapat keuntungan daripada foreign exchange;

- (2) negara kita akan dapat menampung pekerjaan kepada penganggur-penganggur bekerja di luar negeri;
- (3) kontraktor-kontraktor tersebut sudah pasti akan menggunakan bahan-bahan mentah seperti kayu, simen dan lain-lain lagi yang dikeluarkan oleh negara sendiri; dan
- (4) akan meninggikan imej negara kita di luar negeri.

Negara-negara Arab di Timur Tengah mempunyai banyak projek-projek.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong minta jalan. Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jasin, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana sistem undang-undang ini dapat membantu, misalnya kontraktor-kontraktor tempatan, untuk projek Utara dan Selatan (North-South Highway) yang akan menelan belanja \$4 billion. Bagaimana undang-undang dan sekim ini dapat membantu kontraktor tempatan ini?

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, negara kita menjalankan dasar ekonomi bebas, segala kontrak yang ada di Malaysia ini tendernya terbuka kepada rakyat Malaysia dan juga kepada rakyat luar negeri dan biasanya Kerajaan memilih kontraktor yang lebih murah dan yang boleh menjamin melaksanakan projek-projek itu. Ada setengah projek di Malaysia ini didapati oleh rakyat Malaysia sendiri dan ada setengah projek didapati oleh orang luar negeri, tetapi hal yang demikian tidak boleh menyekat untuk kita orang Malaysia mengambil peluang mengambil

kontrak di negeri orang lain. Jika orang luar negeri boleh mengambil kontrak di negara kita, kita juga boleh mengambil kontrak di negara orang lain.

Misalnya, kita telah dapat kontrak mendirikan sebuah masjid yang besar di Pulau Maldiva oleh kontraktor kita sendiri. Jika sekiranya orang Jepun, orang Korea, orang Taiwan yang 30 tahun dahulu juga berada seperti keadaan kita pada hari ini telah dapat mengambil kontrak yang besar di luar negeri, tidak ada sebab mengapa kita tidak bersaing dengan mereka itu. Jadi, kita mengamalkan dasar ekonomi bebas, sama ada kita dapat mengambil kontrak dalam negeri atau luar negeri.

Berhubung dengan jalan raya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu, saya tidak boleh jawab siapakah yang akan dapat tender, itu terpulang kepada Kerajaan dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini mengambil tender dan difikirkan murah, barangkali Ahli dari Kepong juga boleh mendapat tender tersebut.

Pada masa ini didapati negara-negara tersebut mempunyai banyak kontraktor-kontraktor dari Korea, Jepun, Taiwan dan Amerika. Boleh dikatakan tidak ada langsung kontraktor dan developer yang datang daripada negara kita. Untuk mencapai kemajuan yang lebih dalam pembangunan, saya fikir Kerajaan patut menubuhkan satu Kementerian baru, iaitu "Ministry of Construction", boleh jadi ia digabungkan dengan Kementerian Kerjaraya pada hari ini. Dengan adanya tugas yang tertentu dalam satu Kementerian, iaitu Ministry of Construction, jadi ditumpukan banyak tenaga pemikian menggalakkan rakyat negeri kita supaya menceburkan diri lebih banyak dalam bidang construction supaya satu masa kelak kita tidak perlu mengambil

kontraktor daripada luar negeri lagi, bahkan sebaliknya kita boleh bertanding mengambil kontrak di negara orang lain. Dengan adanya Kementerian tersebut, usaha dalam lapangan pembinaan dalam dan luar negeri akan dapat berjalan dengan lebih pesat dan akan dapat membantu kontraktor dan developer bumiputera khususnya.

Ini satu cadangan saya lagi, iaitu menubuhkan Skim Pinjaman Pegawai Eksekutif untuk Eksport atau, dengan izin, Executive Export Officers Loan Scheme. Tuan Yang di-Pertua, kerja memasarkan barang-barang buatan Malaysia keluar negeri adalah lebih sukar daripada kerja membuat barang-barang itu sendiri. Oleh itu, pemasaran adalah satu masalah penting. Tidak sukar bagi mana-mana pihak rakyat negeri ini untuk mengeluarkan barang-barang kerana modal dan "technical know-how" serta teknologi-teknologi moden sangat mudah didapati sekarang ini. Apa yang menjadi kesukaran kita ialah untuk menjual barang-barang itu, sama ada di dalam negeri ataupun yang lebih penting lagi pasaran keluar negeri demi untuk mendapatkan keuntungan foreign exchange. Kita boleh mengeluarkan peti sejuk, kita boleh mengeluarkan radio/televisyen, kita boleh mengeluarkan motokar pada hari ini, tetapi yang pentingnya sama ada kita boleh menjual barang-barang ini ke luar negeri. Tidak ada faedah kita mengeluarkan barang-barang yang banyak, tetapi tidak ada pasaran, ianya akan merugikan kita sendiri.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya diadakan satu skim yang dinamakan "Executive Export Officers Loan Scheme". Skim ini akan memberi faedah yang banyak, seperti yang saya sebut ini:

- (1) Kita dapat mengeluarkan "Specialised Marketing Managers" untuk export marketing, dengan izin.

- (2) Dapat memberikan pekerjaan kepada graduan-graduan atau penuntut-penuntut yang keluar daripada universiti yang tidak ada pekerjaan, terutama sekali yang keluar daripada Institut Teknologi MARA (ITM) kerana penuntut-penuntut di ITM banyak yang mengambil Diploma in Marketing.
- (3) Dapat memenuhi kehendak negara dalam menghadapi kekurangan "trained marketing people", iaitu orang-orang yang dilatih di dalam marketing.
- (4) Export marketing adalah lebih sukar daripada internal marketing ataupun marketing untuk export adalah lebih sukar daripada memasarkan barang-barang itu dalam negeri sendiri. Skim ini akan melatih managers yang mempunyai kecekapan yang tinggi.

Saya mencadangkan Kerajaan melatih dan kemudian meminjamkan experienced export officers ini atau meminjamkan pegawai-pegawai eksport yang mempunyai pengalaman ini kepada syarikat-syarikat dalam satu tempoh di antara 3 bulan hingga 1 tahun mengikut syarat-syarat yang berikut:

- (1) gaji pegawai tersebut dibayar oleh Kerajaan dahulu dan perbelanjaan yang lain dibayar oleh komani tersebut;
- (2) pegawai ini akan bekerja di dalam export department company tersebut dengan tanggungjawab seolah-olah dia adalah pegawai yang bekerja tetap di dalam syarikat tersebut;
- (3) syarikat itu hendaklah membayar balik gaji yang dibayar oleh Kerajaan kepada pegawai tersebut apabila syarikat tersebut membuat keuntungan;

- (4) syarikat tersebut boleh mengekalkan jawatan pegawai tersebut jika dikehendaki.

Cadangan ini akan memberi faedah seperti berikut:

- (1) syarikat-syarikat kecil merasai bahawa Kerajaan bertanggungjawab, berminat dan bersungguh-sungguh untuk menolong peniaga-peniaga kecil dan sederhana;
- (2) syarikat-syarikat itu beruntung mendapat perkhidmatan expert, tetapi tidak terpaksa mengekalkan kedudukan mereka di mana setengah-setengah family business tidak suka berbuat demikian;
- (3) syarikat-syarikat ini dapat mengurangkan risiko daripada menanggung kerugian, sebaliknya akan beroleh keuntungan jika barang-barang dapat dieksport;
- (4) dapat memberi latihan kepada pegawai-pegawai export management dengan harga rendah;
- (5) boleh jadi pegawai-pegawai ini mendapat pekerjaan dalam kompi-kompi di mana mereka dipinjamkan;
- (6) dari segi psikologi, rakyat berpendapat Kerajaan adalah bersungguh-sungguh hendak menolong mereka;
- (7) mengurangkan peniaga-peniaga kecil dari menghadapi risiko;
- (8) menyerapkan "higher grade staff" ke dalam family business yang boleh meningkatkan lagi management bagi firma-firma tersebut.

Skim ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak berkehendakkan perbelanjaan yang banyak, sebaliknya memberikan keuntungan kepada negara bagi jangka

panjang. Peluang mengeksport barang-barang ke luar negeri adalah sangat luas dan dianggap penting bagi kemajuan ekonomi negara, tetapi banyak syarikat-syarikat kecil atau sederhana tidak berani menerjunkan diri kerana kekurangan pengalaman. Oleh itu, skim yang saya cadangkan ini akan menggalakkan dan memberanikan syarikat-syarikat kecil mengeksport barang-barang mereka dengan minimum down side risk.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, perkara kedua yang saya hendak sebutkan ialah berkenaan dengan Kertas Putih Memali. Negara kita menjalankan dasar politik bebas, penubuhan Kerajaan melalui pilihanraya di mana rakyat diberi peluang dengan bebas memilih Kerajaan yang disukainya selama 30 tahun yang lalu. Tetapi malangnya, keadaan telah berubah pada hari ini, ada parti politik yang cuba hendak menggunakan kekerasan bagi menubuhkan Kerajaan dengan mengikut sistem zaman jahiliah dahulu. Pada zaman dahulu kala rakyat berperang sesama sendiri dengan menggunakan senjata dan mengambil jiwa rakyat dan siapa yang kuat dan menang, mereka dapat menubuhkan Kerajaan. Cara yang demikian tidak dapat menyelesaikan masalah kerana peperangan berlaku tidak berhenti-henti dari satu masa ke satu masa untuk merebut kuasa dan pembangunan negara tidak berjalan, sebaliknya jiwa rakyat yang terkorban. Oleh sebab itu, manusia semakin sehari semakin sedar dan moden dan bertamadun, maka dengan sebab itu diadakan sistem pemilihan umum. Sudah 7 kali kita menghadapi pilihanraya daripada semenjak tahun 1975 sehingga pada hari ini rakyat memberikan kuasa melalui pilihanraya dan kita boleh berbangga bahawa pilihanraya di Malaysia ini satu pilihanraya yang paling demokratik, yang paling bersih di antara beberapa buah negara sahaja yang ada dalam dunia pada hari ini.

Kita telah melihat kejadian-kejadian buruk yang berlaku di negeri orang lain dalam usaha hendak menggulingkan Kerajaan, tetapi tidak pernah berlaku lagi di tanahair kita ini. Kekacauan yang berlaku pada tahun 1969 pun bukanlah kerana pertumpahan darah bagi menubuhkan Kerajaan, tetapi ianya berlaku sesudah pilihanraya. Sesudah keputusan diumumkan, perarakan-perarakan telah diadakan iaitu perarakan yang haram yang telah menimbulkan kekacauan. Maksud saya membangkitkan perkara ini untuk menunjukkan bahawa kekacauan itu bukannya berlaku dalam masa pilihanraya, disebabkan oleh ada rigging atau tipu-helah dan sebagainya, tetapi ianya berlaku selepas daripada pilihanraya. Jadi, kita bolehlah lagi menganggap bahawa negara kita sebuah negara yang menjalankan pilihanraya yang sangat bersih, yang boleh kita bandingkan dengan mana-mana jua negara yang telah maju dalam dunia pada hari ini dan kita berharap ianya akan dapat dikekalkan. Tetapi peristiwa di Memali sudah terang menunjukkan bahawa ada puak yang hendak menubuhkan Kerajaan dengan cara kekerasan.

Tuan-tuan sekalian, mulai daripada pilihanraya tahun 1959, UMNO yang telah berkongsi dengan orang-orang yang bukan Melayu seperti MCA dan MIC telah menerima tuduhan yang paling pedih apabila orang-orang UMNO itu dipanggil sebagai orang kafir oleh satu kumpulan. Eloklah saya sebut dengan terus-terang iaitu parti PAS pada hari ini. Dalam pilihanraya kemudiannya iaitu pada tahun 1964, tahun 1969, sekali lagi orang UMNO ini dikafirkan. Cuma sekali sahaja yang orang UMNO tidak dikafirkan iaitu pada tahun 1974. Sebabnya jadi begitu kerana PAS pun kafir juga kerana dia duduk dalam Barisan Nasional. Dan orang yang mengeluarkan fatwa mengatakan bahawa orang Islam itu harus boleh bekerjasama dengan orang yang bukan Islam ialah sahabat saya

Wakil dari Pengkalan Chepa yang ada di dalam Dewan ini sendiri. Dan sukalah saya hendak bertanya kepada beliau dan juga kepada orang PAS pada keseluruhannya, apakah mereka mengaku menjadi kafir dalam tempoh 4 tahun waktu mereka berada dalam Barisan Nasional. Dan apakah mereka telah bertaubat setelah mereka keluar daripada Barisan Nasional pada tahun 1976.

Tuan-tuan sekalian, dalam Perlembagaan PAS, suka saya baca di sini menyatakan bahawa tujuannya yang ke 11 iaitu PAS akan melakukan apa-apa juga usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan undang-undang negara bagi mencapai semua tujuan PAS ke dalam dan ke luar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita amati ayat yang cukup mudah difahamkan ini bahawa PAS akan taat kepada Perlembagaan dan undang-undang negara. Undang-undang negara mengatakan menggulingkan Kerajaan dengan kekerasan adalah salah. Perbuatan mengumpulkan senjata dengan niat yang jahat, dengan tidak ada lesen adalah salah, dan pihak berkuasa mesti mengambil tindakan. Jika sekiranya benar-benar PAS mahu mengikut seperti yang tercatat dalam Perlembagaannya maka sepatutnya mereka menyerahkan orang jahat yang hendak dicari, yang menyorok dalam rumah Ibrahim Libya dan menyerahkan senjata-senjata haram yang dimiliki oleh mereka kepada Kerajaan jika mereka mahu mengikut undang-undang seperti yang tercatat dalam Perlembagaannya ini. Tetapi sebaliknya apabila Polis pergi dengan niat yang baik untuk menjalankan tugas mengikut undang-undang maka mereka ini telah ditembak dan 4 orang telah gugur. Empat orang Polis yang gugur ini terdiri daripada orang Melayu beragama Islam, serupa juga Islamnya dengan orang-orang lain. Dan akhirnya parti PAS telah membuat

fatwa bahawa mereka yang mati terkorban, Ibrahim Libya dan rakan-rakannya itu mati syahid. Ini bererti perbuatan membunuh Polis yang berusaha menjaga keamanan yang begitu penting jawatannya, jika dibunuh maka orang-orang yang membunuh itu akan mati syahid.

Tuan-tuan sekalian, semua orang tahu boleh jadi orang bukan Islam pun tahu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lupa agaknya saya ada di sini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Mengadap Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok orang keluar-masuk, jadi saya tengok juga orang masuk dari pintu luar.

Tuan Yang di-Pertua, PAS mengeluarkan fatwa bahawa mereka ini mati syahid, ini bermakna membunuh Polis mati syahid. Jadi, PAS nampaknya hendak terus-meneruslah membunuh orang ini dan apakah akan berlaku kepada negara kita jika pasukan keamanan menjadi musuh kita? Dan dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mereka itu nyata sekali bahawa mereka telah mulai menghasut untuk memberontak dan apa yang saya sebutkan tadi semuanya orang tahu barangkali orang yang bukan Islam pun boleh faham, apa yang dimaksudkan mati syahid dalam Islam. Mati syahid dalam Islam ada banyak sebab. Tetapi satu sebab yang penting ialah untuk mempertahankan agama kita apabila kita diserang oleh orang lain dan mati kita itu barulah dikatakan mati syahid. Tetapi sekarang ini sudah lari terlampau jauh sekali, membunuh orang Islam yang mempunyai tugas yang baik dan suci untuk menjaga keamanan dikatakan mati syahid. Ini adalah satu gerakan yang sangat bahaya dan sangat mendukacitakan. Orang parti PAS mengakui bahawa

Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya itu adalah terdiri daripada orang PAS tulin dan mereka bersetuju dengan perbuatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan mengambil berat masalah ini walaupun Kerajaan boleh menutup parti tersebut kerana telah melanggar dasar parti ataupun Perlembagaan yang telah didaftarkan di Registrar of Society, tetapi Kerajaan lebih suka untuk mengambil langkah yang lebih baik untuk melawan propaganda mereka itu dengan ajaran Islam yang sebenar. Perkara ini patutlah diketahui oleh semua rakyat negara ini supaya kita tidak tercebur ke dalam satu peperangan yang boleh menjadikan Malaysia ini sungai darah mengikut zaman jahiliah dahulu.

Selain daripada itu, parti ini juga ada menyebut dalam peraturannya iaitu hendak mempertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahawa rasmi yang tunggal dalam amalannya di samping berusaha mengembangkan bahasa Al-Quran. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana orang PAS ini terlalu ghairah hendak mendapat undi daripada orang bukan Melayu iaitu orang Cina dan India, mereka sanggup mengubah mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan Perlembagaan mereka itu sendiri.

Dalam Perlembagaan Malaysia ada mengatakan bahawa bahasa rasmi Malaysia ialah Bahasa Melayu—Bahasa Malaysia yang kita panggil sekarang ini dan sebaliknya bangsa-bangsa asing yang mahu menggunakan bahasa ibunda mereka itu boleh menggunakannya dengan bebas. Ini telah dapat diterima oleh semua rakyat di negara ini dan termaktub dalam Perlembagaan. Tetapi sekarang ini parti ini telah bercanggah bukan sahaja dengan Perlembagaan parti mereka itu sendiri, tetapi bercanggah dengan Perlembagaan negara juga.

Yang kedelapan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya menganggap tragedi Memali itu satu tragedi nasional yang menjejaskan semua kaum di negara ini, 14 orang telah terbunuh. Mengapa boleh berlakunya sehingga orang-orang ini dapat berkumpul untuk menentang Polis, mengapa ini boleh berlaku dan walhal Polis mengetahui satu tahun lebih awal daripada yang berlaku pada akhir tahun lepas?

Yang kedua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan perkataan orang asing tadi itu, kaum asing?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir saya tidak terdengar Ahli Yang Berhormat itu menggunakan perkataan "orang asing".

Dr Tan Seng Giaw: Kaum asing.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Orang DAP memang dalam kepalanya sentiasa mengingat mereka itu orang asing di Malaysia, walaupun kami tidak anggap mereka itu orang asing. Jika ada pun saya menggunakan perkataan asing, itu bererti orang yang lain daripada orang Melayu.

Berkenaan dengan apa sebab mereka memberontak, boleh dia tanya kepada orang yang duduk di sebelah dia iaitu Wakil dari Pengkalan Chepa apabila dia balik, apa fasal dia memberontak. Itu kalau hendak dengar version daripada beliau. Kalau

hendak dengar cerita ataupun hujah daripada Kerajaan, mereka itu terang-terang menyalahi perlembagaan, bukan sahaja bertentangan dengan perlembagaan parti sendiri, bahkan bercanggah dengan Perlembagaan negara sendiri kerana dalam Perlembagaan parti PAS mengatakan mereka akan taat kepada undang-undang negara ini. Kalau mahu satu copy, saya boleh bagi selepas ini, tetapi sekarang ini mereka telah melanggar undang-undang negara, menyimpan senjata haram, menyediakan senjata-senjata yang banyak, berkumpul untuk menghasut Kerajaan, menentang dengan kekerasan, maka dengan sebab itu Polis mestilah menjalankan tugas mereka itu.

Soal mengapa sampai satu tahun Polis bekerja untuk menyelesaikan perkara ini, inilah tujuan baik Kerajaan. Kami tidak mahu melihat ada pertumpahan darah. Dengan sebab itu Polis berusaha dengan jalan yang sebaik-baiknya memujuk mereka supaya memecahkan kumpulan mereka itu dan menyerahkan segala senjata dan sebagainya.

Pada mulanya mereka itu kecil sahaja, belum jadi bahaya lagi, tetapi apabila mereka telah begitu kuat dan menimbulkan bahaya, maka kesabaran Kerajaan atau Polis telah hilang sama sekali dan mereka bertindak.

Kalau sekiranya tidak ada Polis yang mati ditembak pada hari itu, saya fikir Polis juga tidak akan mengeluarkan tembakan dan terselamatlah semua orang jikalau mereka mahu mengikut undang-undang dan tembakan yang pertama dibuat oleh Polis ialah dengan senapang dengan peluru getah supaya jangan ada orang yang mati tetapi apabila peluru getah kena badan Ibrahim Libya dan dia tidak mati bahkan dia tidak luka, beliau merasai bahawa azimat yang ada di badannya itu telah makbul dan mereka tidak lut

oleh peluru. Maka sebab itulah mereka merasa lebih gagah dan terus menembak Polis dan apabila Polis menggunakan peluru yang betul dan 14 orang telah mati.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga parti pembangkang dalam negeri ini mengeluarkan dakyah ke luar negeri, ke negeri Arab, ke negeri Islam yang lain mengatakan Kerajaan kita zalim, 14 orang telah mati. Negeri-negeri Islam yang mendengar cerita ini tak mahu dengar langsung fasal 14 orang ini kepada mereka "chicken feed", terlampau kecil, kalau mati 14 juta orang atau 14,000 orang barangkali mereka ambil berat. Kematian 14 orang itu tak menjadi soal dalam negeri mereka sebab tiap-tiap hari 14-15 orang mati di sana.

Jadi inilah soal Memali secara pendek yang dapat saya sebutkan dan parti DAP yang hendak berkongsi dengan PAS kena timbang sedikit supaya jangan DAP pula termasuk dalam perangkap hendak menggulingkan Kerajaan dengan kekerasan.

Saya suka sebut soal BMF. Apabila Wakil dari Ulu Muda bercakap tadi telah disampuk oleh Wakil dari Kepong yang bertanya mana lebih bahaya, peristiwa skandal BMF dengan Watergate dan Tanaka. Apa fasal bahawa Watergate dan Tanaka ke dalam Dewan Rakyat di Malaysia? Hendak beri jawapan, boleh saya duduk.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh. Saya ingat tetapi hendak jawab dengan baik dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya bangkitkan hal ini skandal BMF kalau dibandingkan dengan skandal Watergate di Amerika Syarikat atau skandal Lockheed Tanaka di Jepun; peristiwa Watergate melibatkan satu gerakan melindungi pencurian

maklumat-maklumat daripada negara lain, daripada parti yang lain oleh Presiden Nixon sendiri. Skandal Lockheed Tanaka pula adalah lebih maju sebab kes makan suap telah juga berlaku yang melibatkan Perdana Menteri Tanaka, Jepun.

Sekarang dengan skandal BMF melibatkan kedua-dua gerakan raksasa, melindungi tok-tok dalangnya, kes-kes rasuah di kalangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dengan penuh keizinan pihak Kerajaan Malaysia atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, with the connivance of the Government.

Itulah yang saya maksudkan yang lebih dahsyat daripada Watergate dan Lockheed Tanaka.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tak mahu kaji soal negeri orang lain. Saya lebih suka mengkaji soal yang berlaku dalam negeri kita. Wakil dari Kepong telah membangkitkan skandal BMF lebih mustahak, lebih penting, lebih bahaya daripada skandal Tanaka dan Watergate. Saya tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ada satu skandal yang lebih besar daripada skandal BMF. BMF hanya kehilangan \$2.5 billion, mudah-mudahan jika tuhan murahkan rezeki kita mungkinlah kita akan dapat balik wang ini ataupun kita dapat tambahan wang negara daripada hasil-hasil yang lain. Belumlah lagi mati kita di sini oleh sebab kebuluran kerana kehilangan wang yang begitu banyak.

Tetapi skandal yang lebih besar daripada itu ialah skandal perkauman yang boleh meragut jiwa rakyat negara ini, yang boleh melahirkan pertumpahan darah, yang boleh menghancurkan negara pada keseluruhannya. Ini adalah skandal perkauman yang dibangkitkan oleh parti DAP itu (*Tepuk*). Itulah skandal yang paling besar sekali, yang mungkin kita hadapi satu masa kelak dengan

adanya semangat perkauman yang ditiupkan oleh parti ini. Itu lebih besar lagi daripada Tanaka—Watergate dan seluruh dunia pun jika dibandingkan dengan keadaan di tanahair kita. Hendak bangun lagi? Baiklah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jasin itu sengaja mengalihkan masalah yang penting ini. Tentang perkauman, kalau kita boleh lihat ucapan-ucapan daripada pihak UMNO juga di kampung-kampung yang terpencil itu kita dengar ucapan yang berbau perkauman dan bahkan juga parti UMNO semata-mata untuk satu kaum sahaja. Itu yang terbesar perkaumannya, dan yang penting sekali itu, ini saya hendak bertanya sama ada Ahli Yang Berhormat dari Jasin mengangap \$2.5 billion itu skandal kecil? Bolehkah ini menyebabkan pengangguaran yang begitu besar dan bolehkah ini menjejaskan, dengan izin, dignity and self-respect orang-orang Malaysia?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab soal tuduhan beliau mengatakan UMNO bercakap soal orang Melayu di kampung-kampung. Itu soal telah pun banyak kali kita bincangkan dalam Dewan dan juga di luar Dewan dan semua orang tahu UMNO ialah sebuah parti Melayu tetapi mempunyai semangat keMalaysiaan dan ingin bekerjasama dengan semua bangsa menyelesaikan masalah perkauman—semua rakyat telah tahu.

Sebab itu UMNO dan rakan-rakannya sentiasa menang tujuh kali dalam pilihanraya yang telah dilangsungkan di Malaysia dan insya Allah kalau tuhan izinkan kita akan menang lagi. Ini mungkin menjadikan Barisan Nasional sebuah parti yang paling termasyhur di dunia, memenangi pilihanraya berturut-turut dengan tidak pernah kalah daripada

sejak tercapai kemerdekaan, dan DAP belum sekalipun menang dalam pilihanraya untuk memerintah, bukan kata Federal, Negeri pun dia tidak menang lagi.

Saya mengakui bahawa kehilangan \$2.5 billion ini satu kerugian yang paling besar, semua orang mengakui satu perkara yang dahsyat. Satu perkara yang sungguh-sungguh menyakiti hati kita dan Kerajaan lebih rugi daripada DAP. Kerana kalau sekiranya kita tidak hilang \$2.5 billion, wang ini boleh digunakan untuk kemajuan negara lebih mengukuhkan lagi pendirian Kerajaan, kita akan dapat undi yang banyak daripada rakyat (*Tepuk*). Jadi kita lebih sedih lagi daripada orang DAP, boleh jadi DAP pun suka bila kita tidak buat kemajuan supaya dia dapat undi lebih sedikit barangkali.

Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, orang yang pertama memberi ucapan membincangkan Titah Di-Raja iaitu sahabat kita daripada Kota Melaka, iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, beliau telah diberi peluang bercakap selama 4 jam.

Saya memandang tinggi dan bersetuju dengan tindakan Tuan Yang di-Pertua memberi beliau bercakap selama 4 jam, dan beliau telah berhenti bercakap bukan dengan arahan Tuan Yang di-Pertua, beliau sendiri give up sudah tidak ada apa lagi hendak sebut, langsung dia duduk.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Hendak cakap lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar kerana kami mempunyai banyak fakta-fakta lagi, cuma ada ahli yang lain yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Itu sahaja, kalau

dibenar 3 hari 3 malam pun boleh teruskan lagi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya kerana dia sendiri yang berhenti bercakap, mengatakan tidak mahu bercakap. Beginilah demokrasi, kebebasan yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional termasuk pihak Pembangkang sendiri. Kalau ini satu pun tidak berterima kasih dengan kita, saya ingat "dengu" sangatlah orang DAP ini, terimakah perkataan "dengu"?

Dr Tan Seng Giaw: Memang tidak terima Yang Berhormat, itu perkataan yang kasar sedikit, saya kira lebih wajarnya perkataan itu lebih lembut sedikit, sopan-santun seperti nilai-nilai Islam yang seringkali dilaung-laungkan oleh pihak Kerajaan, budibahasa.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya suka bertanya kepada Ahli dari Kepong apakah perkataan yang patut saya gunakan kepada orang yang tidak tahu membalas jasa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya menganggap satu sikap yang baik bagi ahli seperti saya untuk menjawab, untuk berbahas dengan dia, jadi Yang Berhormat dari Jasin dari segi ini adalah tidak bersikap dengan baik, akan tetapi isi kandungan ucapan, isi kandungan apa yang dikatakan tadi bagi saya tidak begitu wajar.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak suka, daripada sekarang ini saya tidak akan beri peluang atau jalan

lagi untuk beliau mengacau ucapan saya. Jika Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh bercakap 4 jam, saya fikir semua ahli Barisan Nasional di sini boleh bercakap 4 hari, 4 malam berkenaan dengan BMF, sebab bukan susah Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu berapa ribu muka report berkenaan dengan skandal BMF itu, boleh kita baca dan dicampur sedikit dengan fikiran-fikiran baru menimbulkan soalan-soalan, menimbulkan keraguan-keraguan dan tuduhan-tuduhan dengan membaca semua report itu tidak habis 4 jam, kita mesti baca 4 hari. Jadi kami pun boleh buat seperti itu, ini betul kerana hendak menghormati supaya DAP pun dapat bercakap, kami bercakap hanya dengan ringkas dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang sendiri mengakui bahawa Bank Bumiputra ini sebuah bank yang besar dan termaju, kami menyatakan salah satu bank yang terbesar di Tenggara Asia, tetapi pihak Pembangkang mengatakan salah satu bank yang terbesar dalam dunia. Inilah sekali saya dapat mendengar parti pembangkang memuji Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Beri jalan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Berhormat dari Jasin menyentuh apa saya ucapkan, saya tidak kata bahawa Bank Bumiputra adalah sebuah bank terbesar di dunia, tetapi skandal Bank Bumiputra ialah skandal terbesar untuk satu institusi di dunia, itu bukan satu perkara yang boleh dibangga, patut kita semua merasa malu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya beliau

mengatakan skandal yang terbesar, bukan Bank Bumiputra yang terbesar, ini bermakna beliau pun tidak mahu mengakui kejayaan Kerajaan menjadikan Bank Bumiputra sebagai sebuah bank yang terkemuka di Tenggara Asia.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak boleh lagi, saya ingat sudah cukup masa.

Tuan Lim Kit Siang: Semua takut!

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, beliau tidak mengikuti perintah Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa bank ini sedang memuncak kemajuannya, kita tidak pernah mendengar pihak Pembangkang memberikan kredit sedikit pun kepada Kerajaan, itu tidak apa. Kami bukan gilakan pujian daripada mana-mana pihak, kami membuat jasa sematamata untuk kepentingan rakyat. Apa yang saya suka hendak sebut di sini siapakah yang memajukan Bank Bumiputra ini? Bank Bumiputra dimajukan oleh pegawai-pegawai yang sama, yang terlibat dalam soal BMF pada hari ini, mereka itulah yang telah bekerja dari mula apabila bank ini ditubuhkan, tetapi malangnya fikiran mereka telah berubah, tabiat dan sikap mereka telah berubah dan apabila mereka melihat orang lain merainjam wang daripada bank ini boleh buat wang yang begitu banyak, maka mereka tidak dapat kontrol diri mereka sendiri dan mereka membiarkan dirinya terjerumus ke dalam penyelewengan yang paling dahsyat.

Suka saya sebutkan di sini seperti yang disebutkan oleh sahabat saya dari

Ulu Muda. Mengikut satu laporan suratkhbar di Hong Kong bank-bank seluruh Hong Kong dan juga sedikit luar negeri yang telah menerima akibat iaitu kehilangan wang lebih kurang sebanyak \$25 billion daripada \$25 billion yang hilang itu cuma \$2½ billion kehilangan daripada BMF. Ini bererti kehilangan kita cuma kehilangan 10% daripada jumlah semua wang yang dipinjam kepada Carrian itu, yang mengandungi sebanyak 150 buah bank dan bukanlah BMF satu sahaja yang ditipu oleh pihak syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara BMF ini seluruh rakyat berdukacita dan hanya orang yang mendapat faedah sahaja, barangkali yang berasa suka hati kerana dapat menipu wang tersebut. Selain daripada itu sama ada parti pembangkang dan kami sekalian pun merasa amat berdukacita dan kami sendiri merasai seolah-olah tidak sabar, jika mengikut cara zaman purbakala tidak payah tunggu bicara lagi, mungkin kami sekalian akan mengorbankan mereka itu, tetapi oleh kerana Barisan Nasional sebuah parti yang bertamaddun, yang mempunyai peri kemanusiaan, sebuah parti yang mengikut lunas undang-undang seperti yang tersebut dalam Rukun Negara, maka orang-orang yang hendak ditangkap mestilah mempunyai bukti-bukti yang cukup dan telah ditangkap dan kami sungguh bersyukur kepada Allah s.w.t. Jika kita tidak dapat pun balik wang ini, sekurang-kurangnya kita puas hati orang yang menelan wang ini, menyelewengkan wang ini menerima akibat daripada perbuatan jahat mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan daripada wakil dari Kota Melaka juga bahawa Barisan Nasional tidak bersungguh-sungguh, tidak serius dalam soal berkenaan dengan skandal BMF ini. Kita mempunyai sistem di tanahair kita ini, dalam parti Barisan Nasional kita juga mempunyai sistem iaitu Perdana Menteri yang juga

menjadi Ketua Parti Barisan Nasional ialah orang yang paling mengambil berat dalam soal Bank Bumiputra dan juga BMF ini. Sikap dan langkah yang begitu serius diambil oleh Presiden Parti dan juga Perdana Menteri adalah terang menggambarkan bahawa keseluruhan Barisan Nasional mengambil sikap yang sama.

Kami tidak mahu bercakap bergembar-gembur kerana sebanyak mana pun gembar-gembur yang kami hendak laksanakan tidak akan memberi faedah jika sekiranya Kerajaan Perdana Menteri tidak mengambil tindakan. Dan oleh kerana kami semua percaya kepada Presiden kami dan percaya kepada Kerajaan kami, maka kami menyerahkan kepada mereka itu dengan sepenuhnya untuk mengambil tindakan dengan apa cara jua yang boleh memuaskan hati kita. Ini adalah ucapan saya bagi menjawab tuduhan yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kota Melaka.

Wakil dari pihak Pembangkang mestilah menjadikan perkara ini satu perkara yang heboh, sebab dia tidak ada modal lain lagi hendak hentam Kerajaan Barisan Nasional yang banyak. Inilah satu peluang yang baik. Bagi Barisan Nasional, saya telah terangkan tadi kami lebih bertanggungjawab daripada opposition dan kami merasai lebih rugi lagi kerana wang itu sepatutnya dibelanjakan untuk kepentingan rakyat yang boleh mendapat sokongan lebih besar daripada rakyat. Jadi kami lebih rugi lagi daripada Parti Pembangkang. Jadi tidak seharusnya Parti Pembangkang mengatakan bahawa kita tidak serius dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara yang patut kita bincangkan dalam soal BMF ini, yang pertama sekali, bagaimana kita boleh mendapat balik

wang ini. Kalau tidak semua pun, sebahagian daripadanya dan pihak Bank Bumiputra tidak boleh merampas harta George Tan atau Carrian dengan cara membabi buta, ianya terpaksa mengikut undang-undang juga. Banking Act di negara kita mesti disesuaikan dengan Banking Act di Hong Kong dan juga di negara-negara lain di mana harta Carrian mesti dibahagikan mengikut proportion, mengikut pembahagian yang adil kepada semua bank-bank yang meminjamkan wang kepada mereka itu. Saya fikir ini satu keadilan, saya minta maaf, sebab saya tidak boleh terlalu banyak, sebab saya terlalu liberal terhadap wakil dari Kepong ini.

Yang kedua, kita mahu tindakan diambil kepada mereka yang menyeleweng dan ini sudah dijalankan dan Kerajaan tidak berdiam diri. Attorney-General kita siang dan malam bekerja bagaimana hendak mengambil tindakan ke atas mereka ini. Pihak Bank Bumiputra pun demikian juga. Tetapi malangnya kami Ahli-ahli Dewan ini tidak ada kuasa hendak menangkap orang ini dan kami tidak ada kuasa hendak membawa mereka ke mahkamah dan kami tiada kuasa hendak membawa mereka itu ke dalam penjara, dan kami juga berasa malu hendak membawa satu kes ke Balai Polis jika tidak ada mempunyai bukti yang cukup. Kelmarin DAP bercakap besar. Kalau dalam masa 24 jam Bank Bumiputra tidak bawa orang ini, dia sendiri akan bawa. Bila keluar daripada Dewan ini, baru dia tahu itu satu kesilapan kerana tiada bukti yang cukup dia hendak bawa orang ini ke mahkamah. Ini lebih babarian lagi, lebih kasar lagi, dengan tidak ada usul periksa, dengan tidak kira apa pun hendak bawa orang ke Balai Polis. Bagi pihak kami back-benchers ini tiada kuasa, kuasa itu telah terserah ke tangan Kerajaan dan Kerajaan Perdana Menteri pun tidak boleh hendak seret orang pergi ke mahkamah melainkan melalui Polis dan melalui

Attorney-General. Inilah sistem yang ada di negara kita pada hari ini. Sama ada Parti Pembangkang mahu mengikut sistem ini ataupun tidak, kami akan terus mengikut sistem ini. Siapa sahaja yang didapati bersalah hendaklah diperiksa dengan cermat dan apabila didapati ada bukti yang terang, Polis akan melaporkan kepada Attorney-General, Attorney-General akan memikirkan perkara itu, jika didapati betul boleh menang kes itu, barulah mereka bawa dan perkara ini sedang dijalankan. Apakah tuduhan yang tuan-tuan mahu buat lagi terhadap kita dalam soal ini?

Lagi satu tindakan yang patut diambil ialah memperbaiki undang-undang. Kita telah pun meminda undang-undang Banking Act dalam Dewan Rakyat yang baru lalu. Sekiranya undang-undang itu tidak ketat, kita jemput Ahli dari Pembangkang juga mengemukakan cadangan untuk memperketatkan lagi. Kita di sini sedia menimbang cadangan yang dibawa oleh Parti Pembangkang dan kami semua sedia menunggu di sini apabila Parti Pembangkang bercakap, kami semua mendengar dengan teliti kerana tuan-tuan pun tahu bahawa 26 orang adalah kuorum yang mesti ada dalam Dewan ini. Kalau kami semua bersikap kasar dan tidak mempedulikan pemikian daripada Parti Pembangkang, kami semua boleh keluar bila DAP bercakap dan tidak cukup 26 orang, tiada kuorum. Tetapi kami semua duduk di sini dengar. Tetapi bila kami bercakap di sini, mana dia Ketua Pembangkang, mana wakil dari Sarawak, mana wakil dari Sabah, mana wakil dari DAP yang lain-lain? Apa fasal lari keluar? Apa fasal tidak mahu tunggu ahli Barisan Nasional bercakap?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak beri jalan. Saya rasa sukacita walaupun tadi saya berasa dukacita

yang amat sangat kehilangan wang begitu banyak, tetapi sebaliknya saya rasa lega hati, saya tukar perkataan "sukacita" dengan "lega hati", kerana saya dapati pemimpin-pemimpin kami dan parti kami UMNO tidak terlibat dalam skandal ini. Mengapa Kertas Putih perlu dikeluarkan? Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih tidak perlu dikeluarkan. Kalau sekiranya Jawatankuasa Ahmad Noordin mahu bersusah payah sedikit bertanya kepada orang-orang yang terlibat, dan jawapannya dimasukkan ke dalam report terakhir mereka itu, maka Kertas Putih itu tidak perlu dikeluarkan.

Tadi saya baca kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Ahmad Noordin, sebabnya yang beliau atau Jawatankuasa itu tidak mahu meinterview mereka yang tersebut namanya dalam Kertas Putih ini kononnya takut berbangkit silap faham orang ramai. Apabila seseorang itu diinterview oleh satu Jawatankuasa Penyiasat, seolah-olahnya orang ini telah terlibat. Jadi, untuk menjaga nama baik mereka itu, baik jangan ada interview. Masukkan sahaja dalam report itu apa orang tuduh berkenaan Perdana Menteri, apa orang tuduh berkenaan dengan Timbalan Perdana Menteri, berkenaan dengan Menteri yang lain-lain lagi, masuk terus dekat situ. Pada fikiran saya itu lebih merosakkan imej orang-orang itu lagi. (*Tepuk*)

Kalau sekiranya mereka tidak mahu interview secara persendirian (*personally*), tidakkah menjadi satu perkara yang lebih senang jika sekiranya Jawatankuasa ini menulis surat sahaja kepada mereka yang berkenaan mengikut tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh orang-orang di Hong Kong atau pegawai-pegawai BMF ialah sekian, sekian, sekian. Apakah jawapan tuan dalam soal ini? Maka jawapan itu dimasukkan dalam report. Itu adalah lebih manis dan lebih

senang lagi. Sekarang ini apabila report itu dikeluarkan, sangat meragukan orang ramai. Orang mula bercakap di luar Dewan ini, Perdana Menteri terlibat, Timbalan Perdana Menteri terlibat, Tengku Razaleigh terlibat, banyak pegawai lain terlibat. Nasib baik Kerajaan cekap mengadakan Kertas Putih ini, dapat menghilangkan segala keraguan itu. Itulah sebabnya saya mengatakan saya merasa lega dan bangga dengan pendirian pemimpin-pemimpin kita kerana tidak terlibat dalam perkara ini.

Dua perkara yang saya hendak sebutkan di sini, yang pertama berkenaan dengan Gammon House. Gammon House ini tidak jadi dibeli. Pada fikiran saya apakah sebab hendak dimasukkan dalam laporan, sebab benda itu tidak jadi dibeli. Kalau ada pun niat jahat, mengikut undang-undang Islam, seseorang yang membuat jahat, tidak dikira jahat selagi ia belum melakukan kejahatan itu. Ini sekarang baru cadang hendak beli, kemudian ada tanda-tanda seolah-olah perkara jahat akan berlaku. Ini dimasukkan. Ini saya tidak tahu apakah motif mereka membuat seperti itu—hendak memburukkan nama setengah-setengah orang yang disebutkan.

Begitu juga satu lagi berkenaan dengan pembelian satu syarikat kapal di Hong Kong iaitu.

Timbalan Yang di-Pertua: Grand Marine.

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Grand Marine. Itu pun kita tak jadi beli dan apakah sebabnya perkara itu pun hendak dimasukkan juga. Saya rasa tidak ada kena-mengena langsung.

Ketiga, apabila Perdana Menteri telah mendengar daripada suratkhbar ada kecurangan berlaku dalam Bank Bumiputra, beliau dengan serta-merta telah bertindak, dengan tidak melalui

siapa-siapa, beliau sendiri mengambil langkah secara langsung untuk mengatasi perkara ini.

Apabila pegawai-pegawai Bank Bumiputra memberitahu beliau bahawa Bank Bumiputra, dengan izin, well under control. Maknanya bank ini selamat, "janganlah Tuan Perdana Menteri berasa gaduh dalam perkara ini". Jadi, dengan sebab itu beliau terus memberikan kepercayaan kepada mereka yang mengendalikan Bank Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi dalam negara ini kita ada mempunyai sistem. Sistem kita Perdana Menteri atau Menteri-menteri yang lain melantik pengerusi-pengerusi badan-badan berkanun. Seperti saya ini dilantik menjadi Pengerusi Kompleks Kewangan dan juga pengerusi badan-badan yang lain dan pengerusi itulah dengan kebijaksanaannya melaksanakan tanggungjawab kepada syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan itu.

Perdana Menteri kalau tidak percaya kepada orang yang dilantik sahaja, apakah sebab beliau melantik orang yang seperti itu. Orang yang dilantiknya tentulah orang yang boleh dipercayainya, tetapi kadang-kadang orang yang dipercayainya tidak menjalankan kerja dengan betul, maka sekali lagi Perdana Menteri mesti mengambil tindakan.

Pada kali yang kedua, apabila beliau mendapat tahu bahawa skandal ini telah menjadi begitu besar, akhirnya beliau sendiri telah mengarahkan Bank Bumiputra supaya dilantik satu jawatankuasa bebas, satu jawatankuasa untuk menyelidiki perkara ini dan pada akhirnya report itu telah pun dibentangkan dalam Dewan ini untuk kita bahaskan. Di manakah letak kesalahan Kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, manusia dalam dunia ini ada yang jahat, ada yang baik. Oleh sebab itu, kita ada undang-undang dan Dewan ini duduk bertahun-tahun, sampai kiamat barangkali membuat undang-undang atau meminda undang-undang dengan tujuan untuk menjaga keselamatan umum. Walau macam mana banyak kali pun undang-undang dipinda dan seberat mana pun hukuman yang akan dikenakan, sekalipun hukuman gantung; seperti menjual dadah atau memiliki senjata. Walaupun begitu berat hukuman yang kita luluskan dalam Dewan ini, masih ada juga orang yang berani menentang dan menjual dadah dan menggunakan senjata, membunuh orang dan sebagainya. Sama juga dengan soal Bank Bumiputra.

Apabila kita telah mempunyai undang-undang pada masa bank itu maju dahulu semua orang puas hati dengan undang-undang yang ada pada waktu itu. Banking Act yang ada pada waktu itu sesuai pada waktu itu dan didapati Bank Bumiputra telah maju, tetapi akhir kemudian ini kita dapati ada penyelewengan dan kita siasat ada kelemahan kita dalam Banking Act dan kalau ini kesalahan Banking Act, maka Kerajaan sahaja tidak boleh disalahkan, seluruh Dewan ini juga salah, termasuk parti Pembangkang kerana membiarkan undang-undang yang longgar itu berjalan dalam tanahair kita. Ini adalah tanggungjawab kita bersama.

Sekarang saya dapat tahu bahawa bank kita telah meminda Akta Bank untuk memperketatkan lagi. Kita mengubah undang-undang ini apabila kita dapati ada loophole. Kita learn through mistake. Apabila kita dapati berlaku satu-satu kesilapan, dengan serta-merta kita cari jalan bagaimana undang-undang itu boleh diperketatkan lagi.

Apabila telah berlaku kejadian seperti BMF itu maka kita tidak berdiam diri, kita mengambil langkah, mengambil balik wang itu, menangkap orang yang membuat kesalahan dan mengetatkan undang-undang supaya perjalanan Bank Bumiputra dan lain-lain bank akan selamat pada masa yang akan datang.

Tuan-tuan sekalian cadangkan tubuh Royal Commission.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang DAP cadang tubuh Royal Commission ini, dia tak puas hati dengan Ahmad Noordin Report kerana dalam Ahmad Noordin Report tidak menyebutkan ada pemimpin-pemimpin Kerajaan makan suap dan menunjukkan UMNO dapat wang buat Rumah UMNO. Dia sangat tak puas hati sebab report itu tidak ada. Jadi, sebab itu tonjolkan satu cadangan lagi mesti ada Royal Commission, ini mudah-mudahan dapatlah dikorek sedikit rahsia, sampai ada menunjukkan pegawai-pegawai Kerajaan, pemimpin parti makan suap, barulah mereka itu kata: "inilah satu report yang paling baik sekali". Selagi tidak ada tuduhan yang terus terang, bukti yang cukup kuat yang dilaporkan, seratus kali pun Royal Commission ditubuhkan mereka tak puas hati lagi. Mereka akan mencadangkan tubuh lagi Royal Commission. Apakah punya busuk hati orang yang seperti ini, saya pun tak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, Royal Commission kalau kita tubuhkan pun mereka akan menyasat, serupa seperti ini dan mereka tidak boleh mendakwa orang-orang yang dianggap bersalah. Apabila saya kata tanggungjawab Royal Commission lebih kurang sama—wakil dari Kepong geleng kepala. Saya tahu iaitu Royal Commission lebih berkuasa, dia boleh panggil orang, kalau tak mahu datang boleh didakwa. Saya tahu perbezaan itu, jangan kata saya tak tahu. Tetapi

sekarang ini Royal Commission sekalipun, ianya tidak boleh mengatakan seseorang itu bersalah. Seseorang itu hanya dikatakan bersalah apabila telah dibawa ke mahkamah dan mahkamah pula mesti menerima aduan daripada Attorney-General, Attorney-General mesti dengar laporan daripada polis.

Pada fikiran saya daripada kita mengikut tangga-tangga yang begitu banyak, eloklah kita ikut langkah yang dibuat oleh Bank Bumiputra pada hari ini mengadakan panel lawyer yang bebas untuk mengkaji Ahmad Noordin Report dan apabila didapati ada orang-orang lain yang perlu ditangkap, maka orang itu hendaklah dilaporkan kepada polis dan seterusnya tindakan dibawa ke mahkamah. Jalan yang lebih cepat. Sama juga. Oleh sebab itu, Royal Commission ini pada fikiran saya tidak mustahak lagi, sudah cukup dengan 1,000 muka. Ada setengah orang tak sempat baca, yang seterusnya tak mahu hendak baca pun kerana terlalu banyak.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tak ada. Saya sudah kata tidak, tidak. Barisan Nasional tetap tidak, tidak; ia, ia (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak mahu bercakap panjang lebar dan menyambung ucapan saya sehingga besok pagi. Saya suka menggulung sahaja bahawa Barisan Nasional merasai lebih rugi dalam kehilangan \$2.5 billion dan kami merasai bertanggungjawab dalam soal ini dan kami mahu melihat orang-orang yang berlaku curang akan didakwa dan diambil tindakan yang setimpal di atas perbuatan mereka yang jahat. Wang yang telah hilang kalau boleh kita

dapatkan semula dengan sebanyak-banyaknya dan tindakan Bank Bumiputra kita sokong dan undang-undang kita mesti perketatkan untuk masa depan. Sekali lagi saya mengakui bahawa saya berasa lapang hati kerana pemimpin-pemimpin Kerajaan dan UMNO tidak terlibat dalam hal ini.

Dalam soal luar negeri saya bercakap satu lagi sahaja iaitu berkenaan dengan peperangan di antara Iran/Iraq. Kita semua tahu jawatankuasa telah ditubuhkan termasuk wakil dari Malaysia untuk mendamaikan kedua-dua buah negara ini. Semakin kita berusaha untuk mendamaikannya, semakin kuat mereka berperang. Tuan Yang di-Pertua, ini memang tabiat manusia begitu. Apabila dia bergaduh, bertumbuk dan ada orang tengah hendak leraikan, dia makin lagi tunjuk garang, hendak tunjuk dia kuat. Jadi, pada fikiran saya kalau hendak selesaikan perkara ini eloklah Committee ini memberi kata dua kepada kedua-dua buah negara; kalau mereka tak mahu ikut cadangan jawatankuasa ini sampai tempoh yang tertentu, eloklah jawatankuasa ini dibubarkan, biarlah kedua-duanya berperang sampai bila dia suka—(*Ketawa*) Saya percaya dia akan berhenti dengan sendirinya dan dia sendiri tolong cari orang tengah untuk mendamaikannya. Itulah cadangan saya dalam soal ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

6.29 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi mencemarkan diri

memberi Titah Ucapan pembukaan. Baginda telah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung semula esok.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.